



# UNDANG-UNDANG NEGERI TERENGGANU

CETAKAN SEMULA

## UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU

*Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2008*

DICETAK DENGAN  
PERSETUJUAN MAJLIS PENASIHAT PEMANGKU RAJA  
PADA MELAKSANAKAN KEWAJIPAN PEMANGKU RAJA  
MENURUT FASAL 65 UNDANG-UNDANG  
BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU  
(BAB YANG PERTAMA)

## UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU

Pertama kali diisytiharkan sebagai  
Undang-Undang Bagi Diri  
Kerajaan 1911(yang dinamakan ia  
“*Itqan Al-Muluk Bita’dil As-Suluk*”) ... .. 2 November 1911

Kemudian tambahan kepada  
Undang-Undang Bagi Diri  
Kerajaan 1911 diisytiharkan,  
yang dinamakan Tambahan  
kepada Undang-Undang Bagi  
Diri Kerajaan Terengganu 1367  
(selepas itu dipinda sebagai  
“Undang-Undang Bagi Diri  
Kerajaan Terengganu (Bab  
Yang Pertama)”) ... .. 1 Februari 1948

Tambahan kepada  
Undang-Undang Bagi Diri  
Kerajaan Terengganu (Bab Yang  
Pertama) yang dinamakan  
Undang-Undang Bagi  
Diri Kerajaan Terengganu  
(Bab Yang Kedua) kemudiannya  
diisytiharkan ... .. 17 Ogos 1950

## KANDUNGAN

	MUKA SURAT
SUSUNAN FASAL	5 - 12
UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN 1911	13 - 34
UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)	35 - 80
UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG KEDUA)	81 - 113
SENARAI PINDAAN	114 - 117
SENARAI FASAL YANG DIPINDA	118 - 125

## UNDANG-UNDANG NEGERI TERENGGANU

### UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU

---

#### SUSUNAN FASAL

---

#### UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN 1911

##### Fasal

1. Pada menyatakan kaedah *itlak* Raja dan Waris yang lain dan ahli-ahli Kerajaan
2. Pada menyatakan syarat-syarat Raja
3. Tertib Raja
4. Jikalau tiada lagi segala keturunan zuriat Al-Sultan itu
5. Jikalau ketiadaan semuanya daripada segala keturunan Sultan-Sultan
6. Bagi Raja menjadikan pegawai-pegawai
7. Bagi Raja mengeluarkan Menteri-Menteri daripada jawatannya
8. Mustahak di atas Raja bermesyuarat
9. Kuasa Raja waktu tiada hadir ahli Mesyuarat
10. Raja boleh memberi hukum sendiri
11. Raja belum cukup umur
12. Raja berangkat belayar
13. Raja yang diangkat baharu
14. Tegahan di atas Raja
15. Harus Raja berhenti daripada Kerajaannya
16. Raja hendak berhenti daripada Kerajaan tiada di dalam Negeri
17. Tegahan di atas bekas Raja
18. Belanja hidup bagi bekas Raja
19. Kesalahan bekas Raja
20. Jumlah wang yang ditentukan bagi belanja Raja
21. Belanja hidup bagi kerabat-kerabat Raja
22. Kerabat-kerabat yang boleh dapat kurnia lain daripada belanja hidup
23. Dijadikan Menteri-Menteri

## Fasal

24. Bilangan-bilangan Menteri
25. Setia Menteri-Menteri
26. Larangan dan tegahan di atas Menteri-Menteri dan Jemaah Pangkuan Kerajaan
27. Dicumukkan Jemaah Menteri apabila kurang
28. Jikalau berlainan-berlainan pilihan maka terpulanglah kepada Raja dan Menteri Besar
29. Memilih dan menjadikan Menteri Besar dan Naibnya
30. Syarat yang dijadikan Menteri Besar dan Naibnya
31. Menteri-Menteri bolehlah memohon lepas daripada jawatannya
32. Harus bagi seseorang memohon *rukhsah*
33. Apabila lepas atau keluar seorang daripada jawatannya
34. Harus bagi tiap-tiap Menteri itu mengambil syor daripada taulannya
35. Lazim ijtimak Jemaah Menteri
36. Cukup bilangan suatu ijtimak
37. Mesyuarat Kerajaan
38. Dijadikan ahli Mesyuarat Kerajaan
39. Disyaratkan yang jadi ahli Mesyuarat Kerajaan
40. Disyaratkan bersetia ahli Mesyuarat Kerajaan
41. Cukup bilangan bagi suatu ijtimak Mesyuarat Kerajaan
42. Lazim ijtimak Mesyuarat Kerajaan
43. Hal dalam Mesyuarat
44. Tiap-tiap hal yang telah *ittifak* Mesyuarat ditulis akan ia
45. Jika tidak mendapat kebenaran Raja di atas yang telah dimesyuaratkan
46. Undang-undang dan adat Negeri
47. Ingatan kebajikan Kerajaan dengan lain-lain kerajaan
48. Memegang perjanjian (*triti*)
49. Hak bagi Raja dan Kerajaan dan Mesyuaratnya
50. Ditetapkan aturan undang-undang selama belum dimansuhkan ia
51. Agama Negeri dan agama lain
52. Kesalahan yang membuat khianat atau cuba hendak berbuat ia

Fasal

53. Harus menambah dan membesarkan Undang-Undang ini  
*Al-Khatimah*

UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU  
(BAB YANG PERTAMA)

1. Undang-Undang ini tambahan kepada Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan 1911
2. Makna
3. Agama Negeri
- 3A. Sumber asas perundangan Syariah
4. Duli Yang Maha Mulia jadi Ketua agama Negeri
5. Raja memerintah menurut undang-undang
6. Mohor Kerajaan
7. Bendera-Bendera dan Lambang-Lambang Kebesaran Negeri
- 7A. Perwakilan Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Raja-Raja
8. Kuasa memerintah
9. Kuasa memerintah dengan nama Duli Yang Maha Mulia
10. Pelantikan Menteri Besar
- 10A. *(Dipotong)*
11. *(Dipotong)*
- 11A. *(Dipotong)*
12. Duli Yang Maha Mulia akan bertindak mengikut nasihat

MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI

13. Pelantikan pegawai-pegawai
14. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
15. Sumpah jawatan
16. *(Dipotong)*
17. *(Dipotong)*
18. *(Dipotong)*
19. Cukup bilangan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
20. *(Dipotong)*
21. *(Dipotong)*
22. *(Dipotong)*

## Fasal

23. Kuasa Duli Yang Maha Mulia atau Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat boleh memindahkan kuasa mendengar rayuan-rayuan dan lain-lain kepada jawatankuasa-jawatankuasa
24. Peringatan-peringatan mesyuarat
25. Bahasa rasmi Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

## KUASA MEMBERI KEAMPUNAN

- 25A. Kuasa memberi keampunan

SYARAT-SYARAT ISTIMEWA BERSABIT DENGAN  
ORANG MELAYU

- 25B. Simpanan peruntukan-peruntukan berkenaan dengan jawatan-jawatan, permit-permit dan lain-lain bagi orang Melayu

DEWAN UNDANGAN NEGERI  
(LEGISLATIVE ASSEMBLY)

26. Kuasa Undangan Negeri
27. Kandungan Dewan Undangan Negeri
- 27A. Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua Dewan bagi Dewan Undangan Negeri
- 27B. (*Dipotong*)
- 27C. (*Dipotong*)
28. Syarat yang melayakkan menjadi ahli
29. Syarat yang tidak melayakkan menjadi ahli Dewan Undangan Negeri
- 29A. Keputusan mengenai syarat tidak layak menjadi ahli
- 29B. Syarat melarang menjadi ahli bagi dua kawasan
30. Hasil daripada tidak kelayakan dan penegahan lantikan dengan tidak keredaan
- 30A. (*Dipotong*)
31. Keberhentian ahli-ahli
32. Ketiadaan hadir seseorang ahli
33. (*Dipotong*)
34. Cukup bilangan
35. Gaji dan sebagainya kepada ahli-ahli

Fasal

- 35A. *(Dipotong)*
36. Menjalankan kuasa undang-undang
37. Titah Duli Yang Maha Mulia
38. Mengisytiharkan Rang Undang-Undang
39. Perkataan-perkataan undang-undang
40. *(Dipotong)*
41. Rang Undang-Undang daripada ahli
42. Peraturan Dewan Undangan Negeri
43. *(Dipotong)*
44. Memanggil, memberhenti dan membubarkan Dewan Undangan Negeri
45. Sumpah ahli-ahli
46. *(Dipotong)*
47. Peringatan mesyuarat
48. Bahasa rasmi
49. Kelebihan-kelebihan

MAHKAMAH SYARIAH

- 49A. Mahkamah Syariah

KEWANGAN

50. Tiada apa-apa cukai boleh dilevi melainkan dibenarkan oleh undang-undang
51. Perbelanjaan dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang Yang Disatukan
52. Penyata kewangan tahunan
53. Rang Undang-Undang Perbekalan
54. Perbelanjaan tambahan dan perbelanjaan lebih
55. Pengeluaran daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan
56. Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri
57. Layanan yang saksama kepada pekerja-pekerja Negeri
58. Kuasa Negeri berkenaan dengan harta benda, perjanjian-perjanjian (kontrak) dan pendakwaan-pendakwaan
59. *(Dipotong)*



## Fasal

60. Kuasa Undang-Undang ini
61. Meminda Perlembagaan
62. Pengertian bagi Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan
63. Kedaulatan Duli Yang Maha Mulia
64. Syarat-syarat masa peralihan susunan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
65. Cetakan semula Perlembagaan ini

## JADUAL YANG PERTAMA

UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU  
(BAB YANG KEDUA)

1. Tambahan kepada Tambahan Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu 1367
2. Kuasa-kuasa meminda
3. Makna

## SULTAN

4. Kaedah *itlak* Sultan
5. Syarat-syarat Sultan
6. Pelantikan Sultan
7. Keturunan-keturunan Al-Sultan Mizan Zainal 'Abidin
8. Ketiadaan keturunan-keturunan Al-Sultan Mizan Zainal 'Abidin
9. Ketiadaan semuanya keturunan Sultan
10. Sultan belum cukup umur
11. Perbuatan-perbuatan Sultan yang belum cukup umur
12. Sepeninggalan Sultan
- 12A. Sultan terhenti menjalankan kewajipan-kewajipannya sebagai Sultan
13. Menarik diri daripada menjadi Raja
14. Sultan tidak boleh menyerahkan Negeri
15. Tegahan di atas Al-Sultan
16. Lantikan Gantinya
- 16A. Pemangku Raja
- 16AA. Pelantikan Pemangku Raja
- 16AB. Pelantikan Majlis Pemangku Raja

Fasal

- 16B. Imbuan kepada Pemangku Raja atau Majlis Pemangku Raja atau Majlis Penasihat Pemangku Raja

#### WARIS GANTI

17. Lantikan seorang Waris Ganti  
18. Waris Ganti tiada boleh mencampuri perkara Negeri

#### DEWAN PANGKUAN DIRAJA TERENGGANU

19. Dewan Pangkuan Diraja Terengganu  
19A. Tempoh jawatan ahli  
19B. Kekosongan  
20. Sumpah  
21. Keberhentian  
22. Lantik semula  
23. Memanggil mesyuarat  
23A. Setiausaha  
23B. Sultan hendaklah menjadi pengerusi  
23C. Keberterusan selepas kemangkatan Sultan  
24. Cukup bilangan  
25. Keberhentian  
26. Memegang perjanjian  
27. Kesalahan membuat khianat atau derhaka oleh Waris-Waris Sultan

#### KEMULIAAN DAN ISTIADAT

28. Gelaran dan darjah-darjah kebesaran  
29. Mengadakan gelaran-gelaran  
30. Kuasa melucut  
31. Balai dan istana Sultan  
32. (*Dipotong*)

#### ELAUN-ELAUN

33. Elaun-elaun

Fasal

33A. Isteri Sultan dan Isteri Waris Ganti

AM

34. Pindaan kepada gelaran ringkas bagi Tambahan kepada Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu Tahun 1367
35. Kebatalan
36. Hak-hak kelebihan Duli Yang Maha Mulia tersimpan

## UNDANG-UNDANG NEGERI TERENGGANU

### UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU

UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN 1911

(No. 1 tahun 1911)

*Bismillahirrahmanirrahim*

*Alhamdullillah hillazi biyadihil Mulki wa huwa ala qulli syaiin Qadir wassalatu wassalamu ala Saiyyidina Muhammadin Al-Bashiru Al-Naziru wa ala Alihi wa ashabih nujuumi al ihtidai wassaroji al munir amma ba'du fa yaqulu almutawassilu bi saiyyidil mursalin Al-Wathiqu billahi Al-Qawiyu Al-Mathinu Al-Sultan Zainal 'Abidin Yang Ketiga Yang di-Pertuan Besar Raja di atas Takhta Singgahsana Kerajaan Negeri Terengganu dan sekalian daerah jajahan takluknya.*

Ketahui olehmu bahawasanya inilah suatu Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu yang menyatakan punca-punca barang yang bergantung dengan ia dan menentukan segala tertib peraturan yang ketetapan di atas Kita dan Ganti-Ganti Kita dan di atas Menteri-Menteri dan orang besar-besar pegawai-pegawai dan rakyat isi Negeri dan ganti-ganti mereka itu sekalian ialah bagaimana tertib dan perkara yang akan Kita sebutkan di dalam Undang-Undang ini maka telah Kita namakan ia *Itqan Al-Muluk Bita'dil As-Suluk* yang melengkapi di dalamnya satu mukadimah dan 53 Fasal dan satu khatimah.

#### MUKADIMAH

Maka adalah Kita Zainal 'Abidin Al-Sultan ibni Al-Sultan Ahmad Al-Marhum yang mempunyai hak dan memiliki dan memerintah Kerajaan Terengganu dengan *hukuk* Kerajaan Kita serta dengan persetujuan *ittifak* ahli-ahli Jemaah Menteri dan Mesyuarat Kerajaan Kita dan lain-lain orang besar-besar dan ketua-ketua Negeri telah menimbang dengan fikiran yang sempurna mengatakan patut dan sayugia di atas Kita membuat dan mendirikan suatu undang-undang bagi diri Kerajaan Terengganu bagi dan kerana diri Kita sendiri dan bagi dan kerana Ganti-Ganti Kita Sultan Raja yang memerintah Kerajaan Terengganu supaya menzahir dan

mengkurnia dan menghadiahkan penggunaannya bagi Kerajaan dan bagi ahli-ahlinya dan rakyat isi Negeri sekaliannya *InsyaAllahu Taala* akan jadi berkekalan dan tetap istiadat Kerajaan Kita dan berpanjangan turun-temurun hingga selama-lamanya menjadi dan bersifat undang-undang bagi Kerajaan Terengganu yang tiada harus diubah, dipinda, ditukar, diorak, dipecah atau dibinasakan adanya.

Maka sesungguhnya Kita telah berkenan suka dan redalah berbuat seperti yang tersebut di dalam Undang-Undang ini bagi kerana diri Kita sendiri dan Waris-Waris Ganti Kita iaitu Sultan Raja yang memiliki dan memerintah Kerajaan Terengganu.

Demikian juga Menteri-Menteri dan orang besar-besar dan ketua-ketua Kerajaan Kita suka reda dan sedia taat pada berserta dan mengikut akan maksud dan kehendak Kita seperti demikian itu, dan pula ialah permohonan dan maksud kehendak mereka itu sekaliannya bagi kerana diri mereka itu sendiri dan waris-waris dan ganti-ganti mereka itu dan rakyat isi Negeri semuanya maka tatkala bersuatulah maksud dan kehendak yang tersebut itu maka pada masa ketika inilah Kita menzahirkan segala peraturan dan syarat-syarat yang tersebut di dalam Undang-Undang ini dan ialah barang yang telah difikir dan ditimbangan yang terlebih *aula* menjadi asas dan teladan yang ketetapan dan ketentuan bagi Kerajaan Terengganu *InsyaAllahu Taala*.

*A'lam* dengan *hukuk* Kerajaan Kita telah Kita tetap dan lazimkan di atas Kita dan Ganti-Ganti Kita dan di atas kamu sekalian dengan memakai dan mengikut taat dan menjunjung akan barang yang tersebut dan terkandung di dalam Undang-Undang ini sekaliannya kerana sekalian yang tersebut di dalam Undang-Undang ini semuanya benar lagi betul dan tentu tetap bagi Negeri dan Kerajaan kita maka zalim dan salah dan derhakahlah di atas siapa-siapa orang yang enggan dan yang mungkar melawan akan ia.

### *Fasal Yang Pertama*

Pada menyatakan kaedah *itlak* Raja dan Waris yang lain dan ahli-ahli Kerajaan

(1) Raja, iaitu Yang Maha Mulia Sultan, Yang di-Pertuan Besar Terengganu yang memerintah dan memiliki sekalian kuasa Kerajaan Terengganu dan sekalian daerah jajahan takluknya dan ialah Kepala di atas segala pangkat dan darjat di dalam Kerajaan Terengganu.

(2) Waris Ganti, iaitu yang dibakal ganti Raja yakni Yang Amat Mulia "Yang di-Pertuan Muda".

(3) Waris Yang Pertama, iaitu, putera Raja yang tidak dan belum dibakal akan dia.

(4) Waris Yang Kedua, iaitu, kerabat yang terlebih hampir kepada Sultan itu sekiranya ketiadaan Waris Yang Pertama ialah akan gantinya.

(5) Waris Yang Am atau *ba'id* yang jauh, iaitu, waris-waris yang boleh menggantikan jika tempat-tempat dan pangkat yang di atasnya itu kosong seperti yang tersebut tertibnya pada Fasal 4.

(6) Menteri-Menteri, iaitu, ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan yang ada berpangkat besar dan menjabat dan menanggung pekerjaan Negeri yang ditanggung oleh Raja di atasnya.

(7) Ketua-ketua, iaitu, ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan yang tiada dalam bilangan Jemaah Menteri dan pegawai-pegawai yang lain yang terjumlah ada berpangkat serta segala ulamak-ulamak dan orang-orang kaya dan penghulu-penghulu besar.

(8) Dewan Pangkuan Diraja Terengganu, iaitu, ahli-ahli daripada dua pangkat yang tersebut Menteri-Menteri dan ketua-ketua ialah yang dinamakan dia pada syarak ahli *alhillu wal aqdu* yakni orang yang boleh bersuara di dalam pekerjaan memilih menjadikan Raja dan dalam perkara yang besar-besar.

### *Fasal Yang Kedua*

#### Pada menyatakan syarat-syarat Raja

Maka hendaklah Raja yang memerintah Kerajaan Terengganu selama-lamanya ada dia beragama Islam dan daripada bangsa Melayu dan darah daging keturunan Sultan-Sultan yang memerintah Kerajaan Terengganu dan lelaki sebagaimana tertib dan syarat-syarat yang tersebut pada Fasal 3, 4, 5 dan seperti demikian itu juga yang dikatakan waris-waris ganti itu dan sekalian waris-waris.

*Fasal Yang Ketiga*

## Tertib Raja

Maka Raja yang di belakang daripada Raja yang ada ini hendaklah ada dia daripada darah daging Yang Maha Mulia Al-Sultan Zainal 'Abidin Yang Ketiga, Yang di-Pertuan Besar ibni Al-Sultan Ahmad Al-Marhum, iaitu, segala nasal-nasalnya yakni segala keturunannya yang diakui dengan sebenarnya, maka tiada lulus dan tiada sah sekali-kali diterima diperajakan yang lain daripada keturunan Yang Maha Mulia Al-Sultan Zainal 'Abidin itu selagi ada keturunan daripada nasal-nasalnya melainkan jika ada kecacatan yang besar yang menyalahi sifat raja-raja seperti gila, buta, bisu ataupun ada mempunyai sifat kekejian yang tiada dibenarkan oleh syarak menjadi Raja.

*Fasal Yang Keempat*

Jikalau tiada lagi segala keturunan zuriat Al-Sultan itu

Maka jikalau kiranya habis dan tiada tinggal lagi keturunan zuriat nasal-nasal Yang Maha Mulia Al-Sultan Zainal 'Abidin itu ataupun ada tetapi tiada layak diperajakan oleh kerana sebab-sebab seperti yang tersebut dalam Fasal Yang Ketiga itu maka ketika itu hendaklah dipilih dan diangkat menjadikan Raja akan seorang yang lelaki daripada keturunan zuriat Sultan-Sultan yang di atas dan dahulu daripadanya pula demikianlah bertiti-titi daripada segala zuriat Sultan-Sultan yang memiliki dan memerintahkan Kerajaan Terengganu hingga sampai kepada Zainal 'Abidin Sultan Yang Pertama.

*Fasal Yang Kelima*

Jikalau ketiadaan semuanya daripada segala keturunan Sultan-Sultan

Maka jikalau ketiadaanlah pula daripada sekalian keturunan yang tersebut dalam Fasal Yang Ketiga dan Yang Keempat itu ataupun ada tetapi tiada layak diperajakan seperti yang telah dikecualikan dalam Fasal Yang Ketiga itu maka terpulanglah hal pada memilih dan mengangkat menjadikan Raja itu kepada maklum fikiran dan Mesyuarat Kerajaan bersama-sama dengan Jemaah Menteri dan ahli *alhillu wal aqdu* tetapi disyaratkan yang dipilih dan dijadikan Raja itu seorang lelaki yang cukup umurnya dan sempurna akal yang beragama Islam daripada bangsa Melayu Terengganu dan rakyat Terengganu dan daripada darah daging yang merdeka lagi diakui

dengan sah dan halal dan baik pengetahuannya boleh membaca dan menyurat, menulis bahasanya dan mempunyai tabiat perangai yang baik dan tingkah laku yang kepujian.

Maka jikalau yang dipilih dan diangkat dijadikan Raja itu yang lain daripada tertib dan syarat-syarat yang tersebut itu maka tiadalah lulus dan tiada sah.

*Fasal Yang Keenam*

Bagi Raja menjadikan pegawai-pegawai

Maka ada kuasa bagi Raja sahaja boleh menjadikan Menteri-Menteri dan pegawai-pegawai dan menentukan kuasa dan segala pekerjaan dan gaji-gaji mereka itu. Demikian juga boleh memberi darjah kebesaran dan boleh memberi apa-apa akuan bagi mereka itu.

*Fasal Yang Ketujuh*

Bagi Raja mengeluarkan Menteri-Menteri daripada jawatannya

Maka ada hak dan kuasa bagi Raja boleh melepas dan mengeluarkan Menteri-Menteri dan pegawai-pegawai daripada jawatannya maka jikalau mereka itu ada berbuat salah melanggar Undang-Undang Kerajaan atau berbuat pekerjaan yang berdosa pada hukum syariah maka kesalahan dan hukuman itu mengikutlah bagaimana timbangan Raja atas mereka itu.

*Fasal Yang Kelapan*

Mustahak di atas Raja bermesyuarat

Sesungguhnya sekalian kuasa Negeri dan Kerajaan semuanya pada Raja jua tetapi lazim dan mustahaklah Raja itu bermesyuarat dengan segala Menteri-Menteri atas apa-apa pekerjaan Kerajaan dan peraturan undang-undangnya.

*Fasal Yang Kesembilan*

Kuasa Raja waktu tiada hadir ahli Mesyuarat

Maka jikalau Raja fikir akan sesuatu pekerjaan yang menjadi kebajikan dan kesenangan atau perkara yang takut menjadi kesusahan pada halnya ketika itu tiada hadir ahli Mesyuarat maka



haruslah dijalankan dengan fikiran Raja sendiri sahaja tetapi bila hadir ahli Mesyuarat kelak lazimlah pula ditimbangkan apa-apa peraturan atau undang-undang yang dijalankan oleh Raja itu, jikalau kiranya tiada bersetujuan dengan ahli Mesyuarat maka bolehlah dihentikan ia.

#### *Fasal Yang Kesepuluh*

Raja boleh memberi hukum sendiri

Maka ada kuasa bagi Raja jikalau suka dia boleh memberi hukum sendiri di atas segala pegawai-pegawai yang memegang jawatan Negeri atau di atas rakyat Negeri maka lain-lain orang tidak boleh sekali-kali memberi hukum atau perintah di atas mereka itu melainkan kepala-kepala yang telah ditentukan bagi pekerjaan itu sahaja.

#### *Fasal Yang Kesebelas*

Raja belum cukup umur

Maka jikalau dijadikan Raja dahulu daripada umurnya 21 tahun maka di dalam masa yang belum cukup umurnya itu hendaklah ada seorang menjadi Pemangkunya dengan pilihan Menteri-Menteri Kerajaan sama ada daripada darah daging raja atau tidak, maka segala perbuatan-perbuatan Raja yang belum cukup umurnya itu dalam perkara Negeri tertanggunglah atas Pemangkunya, jikalau tiada berbetulan perbuatannya itu dengan adat atau undang-undang Negeri maka adalah hak dan kuasa bagi Menteri-Menteri itu boleh menukar akan Pemangkunya itu dan menggantikan Pemangku yang lain pula.

#### *Fasal Yang Kedua Belas*

Raja berangkat belayar

Maka jikalau Raja hendak berangkat dalam suatu pelayaran atau perjalanan meninggalkan jajahan Terengganu maka hendaklah lebih dahulu daripada berangkat itu ditentukan suatu Pangkuan Raja dengan aturan yang difikirkan patut pada masa itu maka ialah menjadi ganti Raja dalam sepeninggalan Raja itu pada pekerjaan Kerajaan yang teradat bagi Raja sendiri dan jika Raja berangkat meninggalkan jajahan Terengganu itu lebih daripada lima tahun lamanya dengan tiada suatu keuzuran yang menahankan

dia daripada balik atau pekerjaan yang patut dia berhenti dengan berlamaan pada suatu negeri atau tempat itu, maka adalah hak dan kuat kuasa bagi Mesyuarat Kerajaan boleh menimbang hal itu dalam mesyuaratnya hingga mendapat ketetapan adakah patut dinanti akan Raja itu berangkat balik atau tiada.

Dan jika patut dinanti lagi maka berapa lama pula dinantikan itu ataupun patutlah ditetapkan halnya itu tiada hendak balik lagi maka ketika itu bolehlah dilantik dan diangkat akan gantinya sebagaimana tertib yang tersebut pada Fasal 3, 4 dan 5.

### *Fasal Yang Ketiga Belas*

#### Raja yang diangkat baharu

Maka apabila sudah dilantik dan diangkat gantinya itu maka disifatkanlah Raja yang lama itu seperti sudah menarik diri daripada Kerajaan maka termasuk dan termaklumlah dia pada undang-undang yang berkenaan dengan bekas Raja dan jikalau balik Raja yang dahulu itu kemudian daripada dilantik dan diangkat akan Raja baharu maka tiadalah keadaan baliknya itu mewajibkan turun Raja gantinya itu daripada takhta Kerajaan dan menyerahkan kembali hak-hak Kerajaan kepadanya walau balik sehari sahaja kemudian daripada dilantik dan diangkat akan gantinya itu sekalipun.

### *Fasal Yang Keempat Belas*

#### Tegahan di atas Raja

Maka tiada lulus dan tiada sah sekali-kali Raja membuat perjanjian atau ikhtiar melepas atau menyerahkan Negeri dan Kerajaannya atau suatu bahagian daripada kuasa Kerajaan atau *hukuknya* itu kepada sebarang mana-mana kerajaan atau kepada kuasa-kuasa bangsa Eropah atau lainnya.

Maka jikalau Raja cuba lalui larangan dan tegahan ini nescaya disifatkanlah akan dia memecahkan amanah yang diletakkan atasnya serta tiada sah perbuatan yang demikian itu.

Maka tatkala itu tiadalah diwajibkan di atas ahli-ahli Kerajaan dan segala rakyat bersetia lagi dengan dia haruslah diturunkan dia daripada takhta Kerajaannya dan diangkat gantinya pula.

*Fasal Kelima Belas*

Harus Raja berhenti daripada Kerajaannya

Maka jikalau Raja yang di atas Kerajaannya tiada suka menjadi Raja hendak berhenti dan menarik diri daripada Kerajaannya kerana sebarang jenis keuzuran sama ada uzurnya itu reda dia menzahirkan atau tidak maka bolehlah dia lepas dan berhenti daripada menjadi Raja serta diluluskan baginya duduk di mana-mana tempat yang dikehendakinya sama ada di dalam jajahan Terengganu atau di mana-mana negeri yang tiada berseteruan dengan Kerajaan Terengganu tetapi pada masa Raja hendak berhenti itu hendaklah dengan titah dan persaksikan yang demikian itu sekurang-kurangnya tiga orang Menteri-Menteri Kerajaan hadir menyaksikan dengan bertandatangan sekalian itu pada surat yang dimeterikan cop besar Kerajaan serta dengan sain tandatangan Raja itu sendiri kemudian hendaklah memberitahu oleh Jemaah Menteri kepada isi Negeri dengan segeranya serta dinyatakan pula akan siapa-siapa yang jadi ganti Raja itu dengan mengikut aturan Undang-Undang ini pada sekalian halnya.

*Fasal Yang Keenam Belas*

Raja hendak berhenti daripada Kerajaan tiada di dalam Negeri

Dan jikalau Raja yang hendak berhenti atau menarik diri daripada Kerajaannya itu tiada dia di dalam Negeri Terengganu seperti ada di dalam suatu negeri yang lain maka tiadalah disyaratkan seperti yang tersebut di dalam Fasal 11 itu tetapi dengan mana-mana aturan yang diperbuat pada menentukan dan menyaksikan kelepasannya daripada menjadi Raja itu memadailah.

*Fasal Yang Ketujuh Belas*

Tegahan di atas bekas Raja

Maka Raja yang sudah melepaskan diri dan berhenti daripada Kerajaannya seperti yang tersebut dalam Fasal 15 dan 16 itu tiadalah boleh campur atau ganggu masuk mulut dalam sebarang perkara Negeri dan Kerajaan sama ada dia duduk dalam jajahan Terengganu atau jajahan asing melainkan dengan tuntutan Raja yang memerintah gantinya yang dipersertai oleh Mesyuarat Kerajaan atau dengan permohonan Mesyuarat Kerajaan yang diterima dan diperkenankan oleh Raja yang memerintah itu.

*Fasal Yang Kelapan Belas*

Belanja hidup bagi bekas Raja

Maka bekas Raja itu sama ada dia duduk di dalam jajahan Terengganu atau di lain-lain jajahan yang asing adalah hak baginya boleh mendapat belanja hidupnya daripada hasil Negeri yang tiada lebih daripada sesuku seperempat daripada jumlah yang ditentukan bagi angkatan hidupnya pada masa dia menjadi Raja yang memerintah dan ada hak pula bekas Raja itu boleh mendapat suatu rumah tempat kediaman yang layak baginya jika ada dia duduk dalam jajahan Terengganu. Adapun belanja hidupnya itu hingga sampai mangkatnya dan rumah serta kampung kediamannya itu boleh menjadi pusaka bagi waris-warisnya atas jalan Hukum Syarak.

*Fasal Yang Kesembilan Belas*

Kesalahan bekas Raja

Maka jikalau seorang Raja yang sudah melepaskan diri daripada Kerajaannya itu mengacum-ngacum akan orang pada berbuat derhaka kepada Raja atau muafakat dengan sebarang orang atau kerajaan asing pada berbuat sesuatu kecederaan atas Negeri atau faedahnya maka adalah hak bagi Kerajaan boleh menahan akan belanja hidupnya dan disifatkan dia seperti orang yang berdosa kepada Kerajaan dan lagi jikalau dia mencampuri masuk mulut dalam sebarang perkara Negeri tiada dengan syarat seperti yang tersebut dalam Fasal 17 itu maka adalah hak juga bagi Kerajaan boleh menahan akan belanja hidupnya dan lama masa tahannya itu terpulanglah timbangannya kepada Raja yang memerintah serta dengan Mesyuarat Kerajaan.

*Fasal Yang Kedua Puluh*

Jumlah wang yang ditentukan bagi belanja Raja

Maka adapun jumlah wang yang ditentukan bagi belanja Raja itu hendaklah ada ia dengan patut dan cukup padan dengan pangkat dan martabat kebesaran Raja Kerajaan maka adalah yang demikian itu dengan ditimbang dan dipatut oleh Mesyuarat Kerajaan dan lagi harus diluaskan belanja Raja itu jika ditilik patut oleh Mesyuarat Kerajaan dengan hal dan masanya.

Dan tiadalah sekali-kali boleh diambil peduli atas apa-apa pendapatan Raja itu yang diperoleh daripada usahanya sendiri.

*Fasal Yang Kedua Puluh Satu*

Belanja hidup bagi kerabat-kerabat Raja

Maka belanja hidup bagi kerabat-kerabat Raja itu semuanya terserah pada maklum Raja dengan persekutuan Mesyuarat Kerajaan pada menentukan banyaknya dan adalah kerabat-kerabat yang ditentukan ada hak boleh dapat belanja hidup—

- (1) Isteri-isteri Raja yang bergelar Permaisuri atau Tengku Ampuan.
- (2) Putera-putera dan puteri-puteri Raja.
- (3) Saudara-saudara Raja lelaki dan perempuan.
- (4) Ayahanda-ayahanda dan bonda-bonda saudara Raja.
- (5) Anak-anak saudara Raja yang sudah mangkat ayahanda bondanya.

Maka yang lain-lain daripada yang tersebut itu tiadalah sekali-kali hak belanja hidup daripada Kerajaan melainkan jikalau ada kurnia ialah semata-mata oleh pandangan dan timbangan Raja dengan persetujuan Mesyuarat Kerajaan *tanbih* ada pun kerabat-kerabat Raja yang lima yang tersebut di atas itu maka iaitu bersamaanlah di antara kerabat Raja yang tengah memerintah atau yang lepas daripada memerintah dengan mangkat atau lainnya.

*Fasal Yang Kedua Puluh Dua*

Kerabat-kerabat yang boleh dapat kurnia lain  
daripada belanja hidup

Jikalau kerabat-kerabat Raja ada memegang jawatan Kerajaan maka bolehlah dapat kurnia yang ditentukan kerana jawatannya itu lain daripada belanja hidupnya maka yang demikian sama dengan pegawai-pegawai yang lain juga.

*Fasal Yang Kedua Puluh Tiga*

Dijadikan Menteri-Menteri

Maka adalah Menteri-Menteri itu dijadikan mereka itu pegawai-pegawai besar Kerajaan dengan titah perintah Raja menyebut dan menerangkan yang demikian itu supaya mengesahkan pangkat-pangkat martabat dan segala *wazifah* mereka itu maka jadilah mereka itu penolong dan timbalan yang khas bagi Raja pada segala pekerjaan, dan apabila sudah ditentukan *wazifah* mereka itu maka bertanggunglah segala hal ehwal *wazifah* itu di atas mereka itu sendiri.

Syahdan maka tiadalah disyaratkan pada menjadikan Menteri-Menteri itu dengan digelar akan mereka itu dan jikalau Menteri Besar dan Naibnya sekalipun hanyalah gelaran itu keelokan jua, tetapi termaklumlah pangkatnya di antara taulan-taulannya dan dalam segala istiadat Kerajaan dan isi Negeri oleh kerana hak jawatannya menjadi Menteri itu.

*Fasal Yang Kedua Puluh Empat*

Bilangan-bilangan Menteri

Maka hendaklah ada jumlah bilangan Menteri-Menteri itu tiada kurang daripada lapan orang dan tiada lebih daripada dua belas orang maka yang kepala daripada segala Menteri-Menteri itu iaitu Menteri Besar ialah yang dijadikan kepala Mesyuarat Kerajaan, dan lagi hendaklah dijadikan Menteri-Menteri itu yang beragama Islam daripada rakyat Terengganu.

*Fasal Yang Kedua Puluh Lima*

Setia Menteri-Menteri

Maka hendaklah tiap-tiap Menteri itu mengangkat sumpah yang disahkan ia dengan tandatangan mereka itu di dalam suatu daftar buku yang ditentukan bagi yang demikian itu di hadapan dua orang saksi daripada pegawai-pegawai Kerajaan iaitu sekurang-kurangnya. Adalah sumpah itu menyatakan diri mereka itu sebenarnya beragama Islam dan daripada rakyat Terengganu serta mengaku taat dan bersetia dengan Raja dan Kerajaan.

*Fasal Yang Kedua Puluh Enam***Larangan dan tegahan di atas Menteri-Menteri dan Jemaah Pangkuan Kerajaan**

Maka tiada lulus dan tiada sah sekali-kali Menteri-Menteri dan Jemaah Pangkuan Kerajaan berikhtiar atau berbuat sebarang perjanjian dengan sebarang bangsa atau kerajaan kerana maksud hendak menyerahkan Negeri dan Kerajaan Terengganu atau hendak mengurangkan kuasa dan *hukum* Kerajaan Terengganu. Maka jikalau dilanggar akan larangan dan tegahan ini terjatuhlah pada hukuman orang yang derhaka kepada Raja dan Kerajaan bolehlah dihukumkan dengan hukuman yang berpadan dengan dosanya, dan lagi jikalau mereka itu berbuat pekerjaan yang tiada baik maka tertanggunglah di atas mereka itu sahaja tidak terkena sekali-kali di atas Raja.

*Fasal Yang Kedua Puluh Tujuh***Dicukupkan Jemaah Menteri apabila kurang**

Maka apabila kurang bilangan Jemaah Menteri bolehlah dicukupkan semula dengan pilihan Raja yang dipersertai oleh Jemaah Menteri atau dengan pilihan Jemaah Menteri yang diperkenankan oleh Raja maka pada menjadi dan memasukkan seorang pegawai dalam Jemaah Menteri itu hendaklah dengan titah Raja serta diperbuatkan surat yang bercop besar Kerajaan dan disebutkan sekali akan nama jawatannya.

*Fasal Yang Kedua Puluh Lapan***Jikalau berlainan-berlainan pilihan maka terpulanglah kepada Raja dan Menteri Besar**

Maka jikalau berlainan-berlainan pilihan Raja dan Jemaah Menteri akan seseorang yang hendak dijadi dan dimasukkan dia dalam Jemaah Menteri itu maka terpulanglah hal itu kepada Raja dan Menteri Besar atau Naib Menteri Besar pada menimbang dan menentukan siapa yang terlebih baiknya.

*Fasal Yang Kedua Puluh Sembilan*

Memilih dan menjadikan Menteri Besar dan Naibnya

Adapun hal pada memilih dan menjadikan Menteri Besar itu semata-mata hak bagi Raja dan pada memilih Naib Menteri Besar itu hak bagi Jemaah Menteri tetapi hendaklah dengan diperkenankan oleh Raja dahulu daripada ditetapkan dia.

*Fasal Yang Ketiga Puluh*

Syarat yang dijadikan Menteri Besar dan Naibnya

Maka hendaklah dijadikan Menteri Besar dan Naibnya itu seorang yang sudah sedia ada dalam bilangan pegawai-pegawai besar Kerajaan dan sudah menjadi ahli Mesyuarat Kerajaan.

*Fasal Yang Ketiga Puluh Satu*

Menteri-Menteri bolehlah memohon lepas daripada jawatannya

Maka haruslah bagi Menteri Besar dan Naibnya dan lain-lain Menteri boleh memohon lepas daripada jawatannya maka apabila diterima oleh Raja akan permohonannya itu terlepaslah dia daripada jawatannya, tetapi tiada boleh mereka itu menarik diri daripada Mesyuarat Kerajaan melainkan dengan permohonan yang lain pula jika diterima oleh Raja terlepaslah dia daripadanya. Dan lagi senantiasa pula ada hak bagi Kerajaan boleh memilih dan memasukkan lagi akan pegawai-pegawai besar yang telah lepas itu akan dijadikan ahli di dalam Jemaah Menteri dan Mesyuarat Kerajaan.

*Fasal Yang Ketiga Puluh Dua*

Harus bagi seseorang memohon *rukhsah*

Maka haruslah bagi seseorang itu memohonkan *rukhsah* daripada menjunjungkan titah perintah memasukkan dia dalam Jemaah Menteri atau Mesyuarat Kerajaan dan tiada dilazimkan dia menyatakan sebab keuzurannya.



*Fasal Yang Ketiga Puluh Tiga*

Apabila lepas atau keluar seorang daripada jawatannya

Maka apabila telah lepas atau keluar seorang Menteri atau pegawai yang ada gelaran daripada jawatannya dengan tiada suatu kesalahan ataupun dengan kesalahan nescaya tercabutlah nama gelaran yang khas bagi jabatannya sahaja.

*Fasal Yang Ketiga Puluh Empat*

Harus bagi tiap-tiap Menteri itu mengambil syor daripada taulannya

Maka sayugialah tiap-tiap Menteri itu mengambil syor dan meminta fikiran daripada taulannya atas perkara yang besar-besar dan yang berat-berat yang ada di dalam jawatannya sendiri tetapi wajib dan lazimlah tertanggung baik dan jahat daripada pekerjaan jawatannya itu di atas dia sendiri.

*Fasal Yang Ketiga Puluh Lima*

Lazim ijtimak Jemaah Menteri

Maka hendaklah Jemaah Menteri itu ijtimak berhimpun sekurang-kurangnya sebulan sekali kerana pekerjaan Negeri dan Kerajaan ataupun bila-bila ada titah perintah Raja menyuruh atau dengan permintaan Menteri Besar atau Naibnya atau tiga orang daripada Jemaah Menteri, maka tiada dilazimkan ijtimak di dalam bulan *Ramadan* atau hari-hari besar atau hari kelepasan orang ramai melainkan kerana darurat.

*Fasal Yang Ketiga Puluh Enam*

Cukup bilangan suatu ijtimak

Maka dibilangkan cukup suatu ijtimak Jemaah Menteri itu sekurang-kurangnya lima orang tetapi jikalau Raja ada hadir bersama pada majlis itu memadai tiga orang sahaja daripada mereka itu melainkan bila masa yang diberitahu kepada semua ahli-ahli yang ada di dalam Negeri akan yang dikehendaki ijtimak itu maka ketika itu lazimlah hadir sekaliannya.

*Fasal Yang Ketiga Puluh Tujuh*

Mesyuarat Kerajaan

Adapun Mesyuarat Kerajaan itu ialah dikatakan timbalan yang am bagi Raja maksudnya membantu akan Raja dan Jemaah Menteri pada mentadbirkan Negeri dan rakyat seperti membuat, meminda atau menambahkan undang-undang dan peraturan melainkan agama dan Hukum Syarak, dan memikirkan hal membukakan Negeri dan mengimarahkan ia dan memberi ikhtiar yang baik pada menerbitkan hasil dan membanyakkan perniagaan dan membaikkakan akan hal kedudukan rakyat serta mengadakan syor bagi mengekalkan aman di dalam Negeri dan daerah takluk jajahan Terengganu dan memelihara muhibah persahabatan dan perdamaian dengan lain-lain kerajaan.

*Fasal Yang Ketiga Puluh Lapan*

Dijadikan ahli Mesyuarat Kerajaan

Maka hendaklah dijadikan ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan itu Menteri-Menteri dan pegawai-pegawai, ketua-ketua atau lain-lainnya yang dijadikan oleh Raja dengan syor Jemaah Menteri daripada suatu masa kepada suatu masa, dan harus pula diambil seorang yang mempunyai ilmu dan kepandaian yang dapat mengeluarkan punca-punca peraturan Negeri dan segala tadbir dan dijadikan dia Ketua Mesyuarat iaitu lain daripada Menteri Besar.

*Fasal Yang Ketiga Puluh Sembilan*

Disyaratkan yang jadi ahli Mesyuarat Kerajaan

Maka hendaklah dijadikan ahli Mesyuarat Kerajaan itu daripada rakyat Terengganu tetapi tiada disyaratkan semua mereka itu daripada yang beragama Islam dan bangsa Melayu.

*Fasal Yang Keempat Puluh*

Disyaratkan bersetia ahli Mesyuarat Kerajaan

Maka hendaklah tiap-tiap ahli Mesyuarat Kerajaan itu mengangkat sumpah setia kepada Raja dan Kerajaan serta mengaku akan memberi segala syor fikiran dan ikhtiar dengan hati yang betul dan niat yang kebajikan bagi kesempurnaan dan keuntungan Negeri dan rakyat.

*Fasal Yang Keempat Puluh Satu*

## Cukup bilangan bagi suatu ijtimak Mesyuarat Kerajaan

Maka adalah cukup bagi suatu ijtimak mesyuarat itu tujuh orang jikalau jumlah semua ahlinya itu tiada kurang daripada enam belas orang dan lima belas orang jikalau semuanya tiada kurang daripada tiga puluh dua orang dan tiga puluh satu orang jikalau semuanya tiada kurang daripada enam puluh empat orang atau lebih.

*Fasal Yang Keempat Puluh Dua*

## Lazim ijtimak Mesyuarat Kerajaan

Maka hendaklah Jemaah Ahli Mesyuarat Kerajaan itu ijtimak berhimpun sekurang-kurangnya dua bulan sekali kerana pekerjaan Negeri dan Kerajaan ataupun bila-bila ada titah perintah Raja menyuruh atau dengan permintaan Jemaah Menteri atau setengah daripada Jemaah ahli Mesyuarat Kerajaan yang tiada kurang mereka itu daripada separuh dan hendaklah dinyatakan tiap-tiap pekerjaan atau perkara-perkara yang akan dimesyuaratkan itu terlebih dahulu tiga hari kepada Jemaah ahli Mesyuarat Kerajaan. Maka tiada dilazimkan ijtimak di dalam bulan *Ramadan* atau hari-hari besar atau hari kelepasan orang ramai melainkan kerana darurat.

*Fasal Yang Keempat Puluh Tiga*

## Hal dalam Mesyuarat

Maka adalah hal dalam Mesyuarat Kerajaan itu sekalian ahli-ahlinya semuanya setara jua di antara mereka itu maka tiap-tiap seorang daripada mereka itu dibebaskan bersuara pada menyertai atau berlawan atas pekerjaan atau perkara-perkara yang dimesyuaratkan itu dan lazim atas tiap-tiap mereka itu menyatakan pendapatnya sendiri sama ada bersalahan atau bersamaan dengan taulannya maka apa-apa keputusan pihak yang banyak bilangan suara itulah yang diterima dan boleh dimaklumkan kepada Raja.

*Fasal Yang Keempat Puluh Empat*

Tiap-tiap hal yang telah *ittifak* Mesyuarat ditulis akan ia

Maka hendaklah tiap-tiap hal pekerjaan atau perkara yang telah *ittifak* di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan itu ditulis akan ia dan disimpankan peringatannya dalam suatu daftar buku dengan kesempurnaannya dan jika undang-undang atau aturan pekerjaan yang berkenaan dengan isi Negeri maka hendaklah dizahirkan apabila sudah dapat kebenaran daripada Raja dengan ditentukan masa yang akan dimulai berlaku undang-undang atau aturan-aturan yang telah dijadikan itu.

*Fasal Yang Keempat Puluh Lima*

Jika tidak mendapat kebenaran Raja di atas yang telah dimesyuaratkan

Maka jikalau tiada didapatkan kebenaran di atas pekerjaan atau perkara yang telah dimesyuaratkan itu maka bolehlah dibawa semula ke dalam Mesyuarat Kerajaan pada kali yang lain hingga sampai tiga kali maka jikalau tiada dibenarkan juga oleh Raja maka tiadalah boleh dibawa lagi ke dalam Mesyuarat itu sehingga satu tahun lamanya dan kemudian daripada setahun itu kelak bolehlah dibawa pula maka pada kali yang keempat ini jikalau ditetapkan oleh Mesyuarat Kerajaan seperti demikian itu juga timbangan di atas perkara itu maka haruslah boleh dibenarkan oleh Raja kerana yang demikian itu tiadalah taksir lagi di atas Raja.

*Fasal Yang Keempat Puluh Enam*

Undang-undang dan adat Negeri

Maka hendaklah dijalan dan perlakukan segala undang-undang dan adat-adat Negeri dengan adil dan benar oleh segala mahkamah Kerajaan dan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan di antara sekalian rakyat Negeri dan orang dagang yang berhenti dan duduk bernaung di dalamnya sama ada bagi sementara atau dengan berlanjutan masanya.

*Fasal Yang Keempat Puluh Tujuh*

Ingatan kebajikan Kerajaan dengan lain-lain kerajaan

Hendaklah Raja dan Kerajaan Terengganu melazimkan dan mantapkan ingatan yang kebajikan dan keelokan di dalam persahabatan muhibah di antara dan dengan kerajaan lain-lain sama ada hampir atau jauh istimewa Kerajaan British Inggeris selama-lamalah di dalam ingatan yang baik berpanjangan dengan berkekalan jua.

*Fasal Yang Keempat Puluh Lapan*

Memegang perjanjian (triti)

Hendaklah Raja dan Kerajaan Terengganu berpegang dengan teguh dan tetap serta betul lurus mengikut dan menyempurnakan syarat-syarat perjanjian (triti) Kerajaan yang diperbuat pada 12 haribulan *Rabiulakhir* tahun 1328 itu berbetulan pada 22 haribulan April tahun 1910 atau jikalau diperbuat pula lain-lain perjanjian dengan mana-mana kerajaan pun baik selagi tidak ada yang sah dan terang zalim dan aniaya perbuatan daripada pihak mereka itu dan selama tidak dibatalkan.

*Fasal Yang Keempat Puluh Sembilan*

Hak bagi Raja dan Kerajaan dan Mesyuaratnya

Maka adalah hak bagi Raja dan Kerajaan dan Mesyuaratnya boleh membaiki dan membetul, meminda dan menambah akan aturan-aturan atau undang-undang di dalam pekerjaan Negeri dan Kerajaan, pada membuat segala tanda-tanda dan alat-alat Negeri dan Kerajaan dan segala pekerjaan dan darjat pangkat segala pegawai-pegawai supaya berbeza dan dikenal setengah daripada setengahnya.

*Fasal Yang Kelima Puluh*

Ditetapkan aturan undang-undang selama belum dimansuhkan ia

Maka apa-apa aturan dan undang-undang atau alamat semboyan dan tanda-tanda yang ada tengah dijalan dan dipakai itu hendaklah dilaku dan ditetapkan dengan kesempurnaannya selama belum dipecah atau dimansuhkan ia dengan yang lain.

*Fasal Yang Kelima Puluh Satu*

Agama Negeri dan agama lain

Sesungguhnya telah disifatkan dan disebutkan dan ditetapkan selama-lamanya Kerajaan Terengganu ini Kerajaan Islamiah Melayuwiyyah ialah yang dikatakan agama Negeri dan Kerajaan maka tiadalah boleh sekali-kali sebarang agama lain menjadi atau disebut agama Negeri sekali pun banyak segala bangsa dan agama diamankan dan dibenarkan masuk diam di dalam Negeri dan jajahan Terengganu.

*Fasal Yang Kelima Puluh Dua*

Kesalahan yang membuat khianat atau cuba hendak  
berbuat ia

Maka jikalau waris ganti atau waris yang pertama atau yang kedua atau yang jauh atau Menteri-Menteri atau ketua-ketua atau ahli-ahli dan suku-suku daripada mereka itu atau lainnya ada berbuat khianat atau mencuba hendak berbuat suatu jalan ikhtiar yang disifatkan ia dengan khianat di atas seorang yang terlebih pangkat daripadanya supaya mendapat pangkat itu baginya atau bagi yang lain daripadanya maka adalah perbuatan yang demikian itu ditimbangkan sebesar-besar jahat dan salahnya dan adalah hukumannya di atas seorang atau suatu pasukan yang bersubahat atas yang demikian itu derhaka. Jikalau bukan hukum mati dikeluarkan dia daripada Negeri dan disifatkan dia dan sekalian keturunannya tiada sekali-kali mempunyai *hukuk* lagi yang boleh mewarisi takhta Kerajaan Terengganu dan demikian lagi hak yang ditentukan bagi mereka itu daripada Kerajaan seperti pangkatnya dan belanja hidupnya diberhentikan dan terkembali pulang kepada Kerajaan.

*Fasal Yang Kelima Puluh Tiga*

Harus menambah dan membesarkan Undang-Undang ini

Maka adalah hak kuasa bagi Raja dengan *ittifak* Mesyuarat Kerajaan boleh menambah atau membesarkan Undang-Undang ini daripada suatu masa kepada suatu masa bila-bila sahaja patut

diperbuatkan ia iaitu dengan aturan yang tiada mengubah atau membinasakan asas dan maksud Undang-Undang ini, maka seperti demikian juga ada hak dan kuat kuasa bagi Raja dengan *ittifak* Mesyuarat Kerajaan atau bagi Mesyuarat Kerajaan sahaja boleh menentu dan menetapkan syarah-syarah dan tafsir bacaan dan makna-makna bagi segala atau suatu daripada fasal atau sebarang perkataan atau *mafhum-mafhum* maksudnya yang terkandung di dalam Undang-Undang ini, maka apabila diperbuat yang demikian itu kerana menjadikan terlebih nyata dan khusus maka sekalian syarah-syarah dan tafsir-tafsir bacaan dan makna-makna yang demikian itu kelak ditentu dan ditetapkanlah menjadi dan diterima seperti suatu bahagian daripada Undang-Undang ini juga.

### **AL-KHATIMAH**

*Nasalullaha husna al-khitami bijahi Saidina Muhammadin alaihi afdhalu as-salah wassalamu.*

Kita Zainal 'Abidin Al-Sultan Raja yang empunya hak memiliki dan memerintah Kerajaan Negeri dan sekalian daerah takluk jajahan Terengganu. Memperbuatkan Undang-Undang ini menjadikan suatu pusaka yang tiada harus diubah, dipinda, dipecah, atau dihilangkan akan ia sekali-kali harap kita *Insyallahu Taala* menjadi kebajikan yang berpanjangan dan berkekalan selama-lamanya.

*Wassallallahu ala Saidina Muhammadin wa ala Alihi Wassahbihi wassalam.*

Diperbuat di dalam Terengganu pada sebelas haribulan *Zulkaedah* tahun *Hijrah* Al-Nabi *Sallahllahu Alaihi Wassalam* seribu tiga ratus dua puluh sembilan (1329) berbetulan dengan dua haribulan November tahun Masihi seribu sembilan ratus sebelas (1911).

Maka pada menyaksikan lulus dan ketetapan serta persetujuan *ittifak* sebagaimana yang telah tersebut dan terkandung di dalam undang-undang *itqan* ini adalah dimeteraikan Cop Kerajaan di atas itu serta kita Zainal 'Abidin pun menurunkan tandatangan. Dan sekalian ahli-ahli dan Mesyuarat Kerajaan yang hadir menurunkan tandatangan masing-masing di bawah ini.

*Wallahu khairul syahidiin.*

YANG DI-PERTUAN MUDA MOHAMED BIN  
ZAINAL ABIDIN  
*Waris Ganti*

TENGGU MUDA SULAIMAN BIN ZAINAL ABIDIN  
*Waris Yang Pertama*

TENGGU NGAH OMAR BIN ABDUL RAHIM  
*Kerabat Yang Akrab Wazir dan Menteri*

TENGGU EMBONG MUSA BIN SULAIMAN  
*Kerabat Yang Akrab Wazir dan Menteri*

TENGGU SYED AL-SYED ABDUL RAHMAN BIN  
MOHD AL-'IDRUS  
*Shaik Al-Ulama dan Ahli Mesyuarat*

TUAN DALAM AL-SYED MUSTAPHA BIN  
MOHD AL-'IDRUS  
*'Ulama dan Ahli Mesyuarat*

TENGGU KHAJKI BIN ABU BAKAR  
*Kerabat Yang 'Am Wazir dan Menteri*

TENGGU CHIK BIN HITAM  
*Kerabat Yang 'Am*  
*Pesuruhjaya Besar Besut dan Ahli Mesyuarat*

BENTARA DALAM TENGGU MAHMUD BIN MOHAMED  
*Kerabat Yang 'Am Wazir dan Menteri*

PANGLIMA BESAR TENGGU LONG ABDULLAH BIN OTHMAN  
*Kerabat Yang 'Am Wazir dan Menteri*

TENGGU CHIK ABDUL RAHMAN BIN ISHAK  
*Kerabat Yang 'Am dan Ahli Mesyuarat*

TENGGU CHIK AHMAD BIN ABDUL RAHMAN  
*Kerabat Yang 'Am Wazir dan Menteri*

DATO' PANGLIMA DALAM WAN MOHAMED BIN IBRAHIM  
*Wazir dan Menteri*



*Undang-Undang Negeri Terengganu*

DATO' NARA WANGSA ENCIK MOHD. ALI BIN  
ABDUL RAHIM  
*Wazir dan Menteri*

AL-HAJI WAN MOHAMED SALEH BIN MOHAMED  
*Mufti dan Ahli Mesyuarat*

AL-HAJI WAN MOHAMED SALEH BIN ISMAIL  
*Hakim dan Ahli Mesyuarat*

AL-HAJI WAN SULAIMAN BIN DAUD  
*Hakim dan Ahli Mesyuarat*

DATO' PANGLIMA PERANG ENCIK YUSOF BIN  
MUSA  
*Pegawai dan Ahli Mesyuarat*

DATO' PANGLIMA MUDA ENCIK OTHMAN BIN  
IDRIS  
*Pegawai dan Ahli Mesyuarat*

DATO' SANGSURA PAHLAWAN WAN HAMID BIN  
SA' AID  
*Pegawai dan Ahli Mesyuarat*

AL-HAJI NGAH MOHAMAD BIN YUSOF  
*Wazir dan Menteri*

ENCIK NIK MOHAMAD BIN HITAM  
*Naib Hakim dan Ahli Mesyuarat*

DATO' SHAHBANDAR ENCIK EMBONG BIN JA'AFAR  
*Pegawai dan Ahli Mesyuarat*

ENCIK MAT MOHAMED BIN ABDUL RAHIM  
*Pegawai dan Ahli Mesyuarat*

UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU

(BAB YANG PERTAMA)

---

PERINTAH DI DALAM MAJLIS MESYUARAT

---

ISMAIL

(MOHOR NEGERI)

*Bismillahirrahmanirrahim*

*Alhamdulillah Rabbil Alamin. Wassolatu wassalam ala Saidina Muhammad wa ala Alihi Wasahbihi ajmain.*

AL-WATHIQU BILLAH, ISMAIL, Sultan dan Yang di-Pertuan Negeri Terengganu serta segala jajahan takluknya:

BAHAWA OLEH KERANA KITA dengan nasihat dan fikiran ahli-ahli Jemaah Menteri KITA telah membuat suatu perjanjian baharu dengan SIR GERALD EDWARD JAMES GENT, K.C.M.G., D.S.O., O.B.E., M.C., bagi pihak Yang Maha Mulia Baginda KING pada sepuluh hari bulan *Rabiulawal*, tahun *Hijrah* seribu tiga ratus enam puluh tujuh (1367) bersamaan dengan 21 haribulan Januari, tahun Masihi 1948 (yang di dalamnya dan yang di bawah ini digelar Perjanjian Terengganu 1948) dan juga KITA telah membuat satu perjanjian lagi dengan SIR GERARD EDWARD JAMES GENT yang tersebut di atas ini bagi pihak Yang Maha Mulia Baginda KING pada tarikh itu juga (yang di dalamnya dan yang di bawah ini digelar Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948):

DAN OLEH KERANA mustahaklah KITA menambah dan meluaskan Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan tahun 1911:

OLEH YANG DEMIKIAN ITU KITA dengan hak-hak dan kuat kuasa kelebihan KITA sebagai Sultan dan Yang di-Pertuan Negeri Terengganu dan dengan nasihat dan persetujuan Jemaah Menteri KITA dan dengan nasihat dan persetujuan Majlis Mesyuarat (State Council) KITA dengan ini menyatakan dan perintahkan dengan nama dan bagi pihak KITA dan bagi pihak Waris-Waris Ganti KITA sebagaimana yang tersebut di bawah ini:

**Undang-Undang ini tambahan kepada Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan 1911**

1. (1) Undang-Undang ini menjadi suatu tambahan kepada Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan 1911 yang berjalan kuat kuasanya dengan sepenuh-penuhnya dengan ditambah dan diluaskan oleh Undang-Undang ini.

**Gelaran ringkas dan permulaan**

(2) Undang-Undang ini boleh digelar Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama), dan hendaklah berjalan kuasanya dengan serta-merta dan hendaklah dibaca dengan tersyarat kepada Perlembagaan Persekutuan dan dengan Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan 1911.

**Makna**

2. (1) Di dalam Undang-Undang ini melainkan nasnya berkehendak makna yang lain—

“Dewan Undangan Negeri” maknanya Dewan Undangan Negeri bagi Negeri ini;

“Duli Yang Maha Mulia” maknanya Raja iaitu Duli Yang Maha Mulia Sultan, Yang di-Pertuan Besar Terengganu, dan termasuk Waris-Waris Gantinya dan jika berbetulan dengan maknanya termasuk juga Raja-Raja yang memerintah dahulu daripadanya; dan jika ada Pangkuan Raja termasuk Pemangku Raja atau; jika ada Majlis Pemangku Raja, maka Majlis itulah;

“Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat” maknanya Duli Yang Maha Mulia bertindak mengikut nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri;

“jawatankuasa” maknanya ialah sesuatu jawatankuasa yang terdiri dari kesemua ahli Dewan Undangan Negeri atau mana-mana jawatankuasa tetap, jawatankuasa terpilih, jawatankuasa khas atau jawatankuasa yang lain bagi Dewan Undangan Negeri itu atau dilantik oleh Dewan itu;

“Kuasa Undangan” maknanya pihak yang berkuasa menurut Perlembagaan ini membuat undang-undang untuk Negeri ini;

“Kumpulan Wang Yang Disatukan” maknanya Kumpulan Wang Yang Disatukan bagi Negeri ini;

“Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri” maknanya Majlis Mesyuarat yang ditubuhkan menurut syarat-syarat Undang-Undang ini;

“Menteri Besar” maknanya Ketua Menteri dan pegawai memerintah yang kanan yang dilantik di bawah kuasa Fasal 10 daripada Undang-Undang ini;

“mesyuarat” maknanya mana-mana perhimpunan suatu Dewan Undangan Negeri yang ditubuhkan di bawah Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan mulai daripada Dewan Undangan Negeri itu pada mulanya bersidang lepas daripada dipanggil pada mana-mana waktu dan habisnya apabila Dewan Undangan Negeri itu ditangguhkan dengan tidak ditetapkan hari atau apabila habis mana-mana tempoh mesyuarat dengan tidak bertanggung;

“Negeri” maknanya Negeri Terengganu dan termasuklah segala jajahan takluknya, pulau-pulau dan kawasan-kawasan yang pada satu haribulan Disember 1941, ditadbirkan sebagai bahagiannya berserta dengan air yang berhampiran dengan pantainya;

“Pegawai Kewangan Negeri” maknanya pegawai yang dilantik dengan kuasa Fasal 13;

“pemilih” maknanya seseorang yang berhak boleh didaftarkan sebagai seorang pemilih untuk berundi di dalam sesuatu pilihan raya;

“Penasihat Undang-Undang Negeri” maknanya Penasihat Undang-Undang yang dilantik dengan kuasa Fasal 13;

“Perlembagaan Persekutuan” maknanya Perlembagaan bagi Persekutuan;

“pilihan raya” maknanya sesuatu pilihan bagi maksud memilih seseorang ahli bagi Dewan Undangan Negeri;

“Pilihan raya am” maknanya ialah kesemua pilihan-pilihan yang dijalankan kemudian daripada tatkala dibubarkan Dewan Undangan Negeri;

“rakyat Duli Yang Maha Mulia” maknanya ialah mana-mana orang yang dengan undang-undang yang bertulis yang pada masa itu berjalan kuat kuasanya di dalam Negeri ini menjadi seorang rakyat Duli Yang Maha Mulia Raja bagi Negeri Terengganu;

“rakyat Malaysia” maknanya seseorang yang menjadi rakyat menurut kuat kuasa Bahagian III kepada Perlembagaan Persekutuan;

“Setiausaha Kerajaan” maknanya pegawai yang dilantik dengan kuasa Fasal 13;

“tempoh mesyuarat” maknanya persidangan-persidangan Dewan Undangan Negeri mulai masa Dewan itu mula-mula bermesyuarat setelah ditubuhkannya atau setelah diberhenti atau dibubarkannya pada bila-bila masa, dan berakhir pada masa Dewan itu diberhenti atau dibubarkannya dengan tiada diberhentikan lebih dahulu;

“Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan” maknanya Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan 1911, dan semua tambahan-tambahan kepada Undang-Undang itu yang kemudian daripada itu yang berjalan kuasanya dari suatu masa ke suatu masa termasuklah Undang-Undang ini;

“Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan 1911” maknanya Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu yang dikurniائي oleh Duli Yang Maha Mulia Al-Marhum Sultan Zainal Abidin Yang Ketiga pada 11 haribulan *Zulkaedah* 1329, bersamaan dengan 2 haribulan November 1911 dan yang digelar di dalamnya “*Itqan Al Muluk Bitakdil As-Suluk*”;

“Yang di-Pertuan Agong” maknanya Yang di-Pertuan Agong Persekutuan, dan termasuk Timbalan Yang di-Pertuan Agong Persekutuan atau seorang Raja yang sah pada sisi undang-undang menjalankan tanggungan-tanggungan Yang di-Pertuan Agong.

(2) Dengan tertakluk kepada syarat-syarat yang terdahulu di dalam Fasal ini maka Fasal-Fasal (2) dan (4) di dalam Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan hendaklah dipakai kerana mentafsirkan pengertian Undang-Undang ini seperti dipakainya kerana mentafsirkan Perlembagaan Persekutuan itu.

(3) Melainkan ayatnya menghendaki makna yang lain, maka apa-apa perkara di dalam Perlembagaan ini yang merujuk kepada sesuatu Fasal yang tertentu, Bahagian atau Jadual ialah perkara yang berkenaan dengan Fasal itu atau sebahagian daripadanya, atau yang berkenaan dengan Jadual itu di dalam Perlembagaan ini; dan apa-apa perkara yang merujuk kepada sesuatu syarat yang tertentu ialah perkara yang berkenaan dengan syarat Fasal yang di dalamnya perkara itu dirujuk.

(4) Kecuali apabila pengertian sesuatu perkataan atau sebutan itu disediakan khas oleh Perlembagaan ini atau Perlembagaan Persekutuan atau apabila ayatnya menghendaki makna yang lain, maka hendaklah pengertian yang ditafsirkan oleh \*Ordinan Tafsiran dan Fasal-Fasal Am 1948 [*M.U. 7 tahun 1948*] (Interpretation and General Clauses Ordinance 1948) dipakai bagi mentafsirkan pengertian Perlembagaan ini sebagaimana yang terpakai bagi mentafsirkan pengertian mana-mana undang-undang yang bertulis.

### **Agama Negeri**

3. Adalah agama Negeri ini hendaklah agama Islam sebagaimana yang dahulu-dahulu dipegang dan dijalankan di dalam Negeri:

Dengan syarat segala agama lain bolehlah dijalankan dengan aman dan sempurna oleh mereka yang memegang agama-agama itu di dalam mana-mana bahagian Negeri.

### **Sumber asas perundangan Syariah**

3A. Bagi maksud Fasal 3, oleh kerana agama Islam adalah agama rasmi bagi Negeri, *Al-Quran, As-Sunnah, Ijma'* dan *Qiyas* hendaklah menjadi sumber asas perundangan Syariah Negeri yang akan menjadi rujukan untuk menentukan ajaran sebenar dan amalan Syariah dalam Negeri Terengganu.

### **Duli Yang Maha Mulia jadi Ketua agama Negeri**

4. (1) Maka Ketua agama bagi Negeri ini ialah Duli Yang Maha Mulia dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu, yang di dalam bahasa Inggeris dipanggil "Council of Religion and Malay Customs" yang dilembagakan menurut Undang-Undang Negeri yang sedia

---

\*CATATAN—Ordinan ini telah disatukan dan disemak menjadi Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [Akta 388] mula berkuat kuasa pada 19 Oktober 1989.

ada hendaklah terus membantu dan menasihatkan Duli Yang Maha Mulia mengikut undang-undang itu.

(2) Dengan tidak menghiraukan bahawa ada seorang Pemangku Raja di dalam Negeri ini dengan sebab Duli Yang Maha Mulia itu dipilih memegang jawatan, atau menjalankan tanggungan sebagai Yang di-Pertuan Agong, Duli Yang Maha Mulia hendaklah terus menjalankan tanggungan-tanggungan Baginda sebagai Ketua bagi agama Negeri.

(3) Duli Yang Maha Mulia sebagai Ketua bagi agama Negeri hendaklah dengan mengikut syarat-syarat Perlembagaan Persekutuan mentauliahkan Yang di-Pertuan Agong mewakili Baginda di dalam mana-mana perbuatan, pematuhan atau istiadat, bagi agama Islam yang mana mengikut persetujuan Majlis Mesyuarat Raja-Raja Melayu adalah meliputi Persekutuan seumumnya.

### **Raja memerintah menurut undang-undang**

5. Duli Yang Maha Mulia hendaklah melaku membawa diri Baginda kepada semua rakyat Baginda dan kepada semua orang yang duduk di dalam Negeri dengan keadaan adil dan memerintah menurut undang-undang. Tiadalah boleh seseorang itu dihilangkan kemerdekaannya, ditahan atau dipenjara akan dia melainkan dengan mengikut penjalanan undang-undang. Kebebasan dan kemerdekaan segala orang yang tidak ditegah oleh perbuatan benar dan adil bagi undang-undang itu ialah asas bagi kesemua Kerajaan yang baik.

### **Mohor Kerajaan**

6. Duli Yang Maha Mulia hendaklah menyimpan dan menggunakan suatu Mohor Kerajaan bagi Negeri Terengganu untuk memeteraikan sebarang apa jua yang kena dibubuh Mohor itu.

### **Bendera-Bendera dan Lambang-Lambang Kebesaran Negeri**

7. Lambang-Lambang dan Tanda-Tanda Kebesaran Negeri, Alat-Alat Kebesaran Diraja, Bendera Duli Yang Maha Mulia dan Bendera-Bendera Negeri hendaklah terus digunakan seperti selama ini dengan bentuk-bentuk dan rupa-rupanya yang sekarang ini.

### **Pewakilan Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Raja-Raja**

7A. (1) Maka bolehlah Duli Yang Maha Mulia dengan Surat di bawah tandatangan Baginda dan Mohor Negeri melantikkan mana-mana orang daripada bangsa Melayu dan beragama Islam mengambil tempat Baginda sebagai seorang ahli di dalam Majlis Raja-Raja.

(2) Tiap-tiap pelantikan itu hendaklah bagi tempoh dan hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat dan sekatan-sekatan sebagaimana yang ditentukan di dalamnya.

### **Kuasa memerintah**

8. Kuasa memerintah Negeri ini hendaklah terletak kepada Duli Yang Maha Mulia akan tetapi kerja-kerja menjalankan kuasa itu bolehlah dikurniakan menurut undang-undang kepada orang lain atau pihak-pihak yang berkuasa lain.

### **Kuasa memerintah dengan nama Duli Yang Maha Mulia**

9. Segala kuasa memerintah yang dijalankan di dalam Negeri ini hendaklah disebut dengan nama Duli Yang Maha Mulia.

### **Pelantikan Menteri Besar**

10. (1) Duli Yang Maha Mulia hendaklah melantik, dengan surat lantikan yang ditandatangani oleh Baginda dan memakai Mohor Negeri, seorang Menteri Besar mengikut syarat-syarat perenggan (a) di bawah Syarat (2) Fasal 14.

(2) Dengan tertakluk kepada kehendak-kehendak Syarat (4) Fasal 14, maka tidaklah boleh seseorang dilantik menjadi Menteri Besar melainkan dianya daripada bangsa Melayu dan beragama Islam.

10A. (*Dipotong oleh En. No. 1/1959*).

11. (*Dipotong oleh En. No. 1/1959*).

11A. (*Dipotong oleh En. No. 1/1959*).



**Duli Yang Maha Mulia akan bertindak mengikut nasihat**

**12.** (1) Pada menjalankan kewajipan-kewajipan Baginda menurut Perlembagaan Negeri ini atau mana-mana jua undang-undang atau sebagai seorang ahli Majlis Raja-Raja maka hendaklah Duli Yang Maha Mulia bertindak mengikut nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau nasihat seorang yang menjalankan kewajipan menurut kuasa am Majlis Mesyuarat itu, kecuali jika dipersyaratkan akasnya oleh Perlembagaan Persekutuan atau oleh Perlembagaan Negeri ini; akan tetapi berhaklah Baginda boleh meminta apa-apa keterangan berkenaan dengan pentadbiran Negeri yang ada kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri itu.

(1A) Di mana pada menjalankan kewajipan-kewajipan Baginda menurut Perlembagaan Negeri ini atau mana-mana undang-undang atau sebagai seorang ahli Majlis Raja-Raja, Duli Yang Maha Mulia dikehendaki bertindak mengikut nasihat atau atas nasihat atau selepas mengambil kira nasihat mana-mana orang, atau kumpulan orang maka Duli Yang Maha Mulia hendaklah menerima dan bertindak mengikut nasihat itu.

(2) Duli Yang Maha Mulia bolehlah bertindak dengan timbangan Baginda sendiri untuk menjalankan kewajipan-kewajipan yang di bawah ini (selain daripada kewajipan-kewajipan yang boleh dijalankan oleh Baginda mengikut timbangan Baginda sendiri menurut Perlembagaan Persekutuan) iaitu —

- (a) melantik Menteri Besar;
- (b) menangguhkan persetujuan Baginda berkenaan dengan permintaan hendak membubarkan Dewan Undangan Negeri;
- (c) meminta supaya diadakan persidangan Majlis Raja-Raja semata-mata berkenaan dengan hak-hak istimewa, taraf kedudukan, kehormatan dan martabat-martabat Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja atau berkenaan dengan perkara-perkara, hukum-hukum atau upacara-upacara agama;
- (d) apa-apa kewajipan sebagai Ketua agama Islam atau yang berhubung dengan adat orang Melayu;
- (e) melantik seorang atau beberapa orang bakal Raja, Permaisuri, Pemangku Raja atau Majlis Pemangku Raja;

- (f) melantik orang ke pangkat-pangkat kebesaran mengikut adat Melayu, gelaran-gelaran, kehormatan-kehormatan dan kemuliaan-kemuliaan dan menetapkan kewajipan-kewajipan yang berkaitan dengannya; dan
- (g) menetapkan peraturan balai-balai atau istana-istana diraja.

(3) Undang-undang Negeri bolehlah membuat syarat kerana berkehendakkan Duli Yang Maha Mulia supaya bertindak setelah bertanya fikiran atau mengikut syor seseorang atau badan yang mengandungi beberapa orang selain daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada menjalankan apa-apa kewajipan Baginda selain daripada—

- (a) kewajipan-kewajipan yang boleh dijalankan mengikut timbangan Baginda sendiri; dan
- (b) kewajipan-kewajipan berkenaan dengan menjalankan perkara-perkara yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Negeri ini atau di dalam Perlembagaan Persekutuan.

#### MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI

##### **Pelantikan pegawai-pegawai**

**13.** (1) Maka hendaklah diwujudkan jawatan Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-Undang Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri dan pelantikan bagi jawatan-jawatan itu hendaklah dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan yang berkenaan daripada kalangan anggota mana-mana perkhidmatan awam yang relevan.

(2) (a) Setiausaha Kerajaan, iaitu seorang daripada bangsa Melayu yang beragama Islam hendaklah menjadi ketua pegawai yang menjaga hal ehwal pentadbiran Negeri.

(b) Penasihat Undang-Undang Negeri hendaklah memberi nasihat darihal perkara-perkara undang-undang yang dirujuk kepadanya oleh Duli Yang Maha Mulia atau Kerajaan Negeri.

(c) Pegawai Kewangan Negeri hendaklah menjadi ketua pegawai yang menjaga hal ehwal kewangan Negeri.

(3) Maka tiap-tiap pegawai itu hendaklah mempunyai hak boleh mengambil bahagian di dalam persidangan-persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Dewan Undangan Negeri dan bolehlah dilantik kepada mana-mana jawatankuasanya, akan tetapi tidaklah mempunyai apa-apa undi di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau Dewan Undangan Negeri ataupun di dalam mana-mana jawatankuasa yang seumpama itu.

(4) Sebelum seseorang pegawai itu pertama kalinya menghadiri persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri maka hendaklah dia mengangkat dan menandatangani di hadapan Menteri Besar akan sumpah rahsia yang di bawah ini—

“Adalah saya,....., dengan sesungguhnya mengangkat sumpah (atau berikrar) bahawa saya sama ada dengan berterus-terang atau dengan berselindung, tidak akan menyampaikan atau membukakan kepada sesiapa pun apa-apa perkara yang akan dibawa bagi pertimbangan saya atau yang saya dapat ketahui pada masa saya hadir di Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri kecuali apabila dikehendaki kerana menjalankan kewajipan-kewajipan saya dengan sempurnanya atau sebagaimana yang dibenarkan khas oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.”.

(5) Maka orang yang memegang jawatan Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-Undang Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri itu masing-masingnya terdahulu sedikit daripada berjalan kuat kuasa Fasal ini hendaklah terus memegang jawatan itu serupalah seolah-olah dia telah dilantik menurut di bawah Fasal ini.

### **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri**

**14.** (1) Duli Yang Maha Mulia hendaklah melantikkan sebuah Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

(2) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri itu hendaklah dilantik seperti di bawah ini iaitu—

(a) Duli Yang Maha Mulia hendaklah mula-mula melantikkan dahulu Menteri Besar untuk mengetuai Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri seorang ahli Dewan Undangan Negeri yang pada fikiran Baginda boleh mendapat kepercayaan kebanyakan ahli-ahli Dewan itu; dan

- (b) Baginda hendaklah dengan nasihat Menteri Besar itu melantikkan tidak lebih daripada sepuluh dan tidak kurang daripada empat orang ahli-ahli yang lain di antara ahli-ahli Dewan Undangan Negeri,

tetapi jikalau sesuatuantikan dibuat dalam masa Dewan Undangan Negeri itu dibubarkan maka seseorang yang telah menjadi ahli Dewan Undangan Negeri yang lalu bolehlah dilantik tetapi tidaklah boleh terus memegang jawatan selepas persidangan yang pertama Dewan Undangan Negeri yang akan datang melainkan dia menjadi ahlinya.

(3) Dengan tidak menghiraukan apa-apa yang tersebut di dalam Fasal ini, ada pun seorang yang menjadi warganegara dengan permohonan atau dengan pendaftaran menurut \*Perkara 17 Perlembagaan Persekutuan tidaklah boleh dilantik menjadi Menteri Besar.

(4) Tatkala melantik seorang Menteri Besar maka bolehlah Duli Yang Maha Mulia mengikut timbangan Baginda sendiri meninggalkan mana-mana syarat di dalam Fasal 10 yang menghadkan pilihan Baginda akan Menteri Besar itu, jika sekiranya pada fikiran Baginda mustahak meninggalkannya kerana hendak menunaikan kehendak-kehendak Fasal ini.

(5) Hendaklah Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri kesemuanya bertanggungjawab kepada Dewan Undangan Negeri.

(6) Jikalau Menteri Besar tidak lagi mendapat kepercayaan daripada kebanyakan ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, maka ketika itu, melainkan dengan permintaannya Duli Yang Maha Mulia membubarkan Dewan Undangan Negeri, hendaklah dia menawarkan keberhentian Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

(7) Tertakluk kepada Syarat (6), seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, selain daripada Menteri Besar, hendaklah memegang jawatan selama yang disukai oleh Duli Yang Maha Mulia tetapi mana-mana ahli Majlis Mesyuarat itu boleh berhenti daripada jawatannya pada bila-bila masa pun.

---

\*CATATAN—Perkara ini telah dipotong oleh Akta Perlembagaan (Pindaan) 1962 [Akta 14/1962] mula berkuat kuasa pada 1 Julai 1963.

(7A) Jika Menteri Besar meninggal dunia dalam perkhidmatan atau jika di atas apa-apa sebab Menteri Besar, menjadi kekal tidak berkeupayaan dalam menjalankan tugasnya akibat daripada keuzuran jasad atau akal, Duli Yang Maha Mulia Sultan hendaklah melantik seorang Menteri Besar baru mengikut cara yang tersebut dalam perenggan (a) Syarat (2) di atas.

(8) Seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri tidaklah boleh mengambil bahagian di dalam apa-apa perdagangan, perniagaan atau pekerjaan yang berhubung dengan sesuatu perkara atau jabatan yang menjadi tanggungjawabnya dan tidaklah boleh, selagi dia membuat apa-apa perdagangan, perniagaan atau pekerjaan, mencampur tangan di dalam mana-mana keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang berkait dengan perdagangan, perniagaan atau pekerjaan itu atau di dalam mana-mana keputusan yang harus mengenai muslihat-muslihat kewangannya di situ.

### **Sumpah jawatan**

**15.** Melainkan bagi maksud membolehkan Fasal ini diturut maka tidaklah boleh seseorang ahli itu duduk atau mengundi di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sehingga dia telah mengangkat sumpah dan menandatangani di hadapan Duli Yang Maha Mulia atau di hadapan seorang yang dikuasakan oleh Duli Yang Maha Mulia kerana itu akan akuan sumpah sebagaimana yang tersebut—

“Adalah saya,....., yang dipilih dan dimasukkan menjadi ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau “State Executive Council” bagi Negeri Terengganu dengan sesungguhnya mengangkat sumpah (atau berikrar) bahawa saya akan, dengan seelok-elok fikiran saya pada setiap masa apakala dikehendaki sedemikian, mempersembahkan nasihat dengan sedaya upaya saya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan bagi kesempurnaan urusan hal ehwal Negeri; bahawa saya sama ada dengan berterus-terang atau berselindung tidak akan menyampaikan atau membukakan kepada sesiapa pun apa-apa perkara yang akan dibawa bagi pertimbangan saya atau yang diketahui oleh saya sebagai seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri kecuali apabila dikehendaki kerana menjalankan kewajipan-kewajipan saya dengan sempurnanya atau sebagaimana yang dibenarkan khas oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan.”,

dan kepada akuan sumpah itu hendaklah ditambah apa jua perkataan yang akan menetapkan hati orang yang mengangkat sumpah itu menurut kepercayaan agamanya.

16. (*Dipotong oleh L.N. 4/1958*).

17. (*Dipotong oleh L.N. 4/1958*).

18. (*Dipotong oleh En. No. 1/1959*).

**Cukup bilangan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri**

19. Maka Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri tidaklah boleh menjadi terlarang daripada menjalankan pekerjaannya dengan sebab ketiadaan seseorang ahli di antara ahli-ahlinya; tetapi tidaklah boleh dijalankan pekerjaan selain daripada menanggungkan mesyuarat itu jika sekiranya dibantah oleh mana-mana ahli yang hadir dengan mengatakan bahawa ahli-ahli yang hadir itu kurang daripada empat orang selain daripada ahli yang mengetuainya.

20. (*Dipotong oleh L.N. 4/1958*).

21. (*Dipotong oleh L.N. 4/1958*).

22. (*Dipotong oleh En. No. 1/1959*).

**Kuasa Duli Yang Maha Mulia atau Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat boleh memindahkan kuasa mendengar rayuan-rayuan dan lain-lain kepada jawatankuasa-jawatankuasa**

23. (1) Dengan tertakluk kepada kehendak-kehendak di dalam Syarat (3) Fasal 12 maka apabila tersebut di dalam mana-mana undang-undang yang bertulis bahawa sesuatu rayuan (*appeal*) terhadap keputusan mana-mana orang adalah terletak kepada Duli Yang Maha Mulia atau kepada Duli Yang Maha Mulia di dalam Majlis Mesyuarat, maka hendaklah menjadi sah pada sisi undang-undang bagi Duli Yang Maha Mulia atau Duli Yang Maha Mulia di dalam Majlis Mesyuarat, melainkan maksud yang sebaliknya didapati ada di dalam undang-undang yang bertulis itu, pada masa rayuan (*appeal*) itu dipersembahkan kepada Baginda, melantikkan sebuah jawatankuasa yang mengandungi tidak kurang daripada tiga orang kerana maksud mendengarkan rayuan (*appeal*) itu dan menasihatkan Baginda berkenaan dengan keputusan yang patut diperbuat mengenainya:

Dipersyaratkan tidaklah boleh seseorang yang membuat keputusan yang menyebabkan *appeal* itu dilantik menjadi ahli jawatankuasa yang demikian itu.

(2) Tatkala mempertimbangkan mana-mana nasihat yang dipersembahkan kepada Baginda menurut kehendak-kehendak Syarat (1) Fasal ini maka Duli Yang Maha Mulia di dalam Majlis Mesyuarat tidaklah akan terikat supaya menerima nasihat itu.

### **Peringatan-peringatan mesyuarat**

24. Hendaklah disimpan peringatan-peringatan (minit-minit) mesyuarat berkenaan dengan segala perjalanan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

### **Bahasa rasmi Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri**

25. Ada pun bahasa rasmi Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ialah bahasa Melayu:

Syaratnya—

- (a) dengan tidak menghiraukan syarat-syarat Fasal ini maka bahasa Inggeris bolehlah dipakai selama tempoh dan bagi maksud-maksud sebagaimana yang boleh, bagi sementara ini, dipersyaratkan oleh atau mengikut Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan; dan
- (b) suatu naskhah rasmi dengan bahasa Inggeris hendaklah diadakan berkenaan dengan sebarang perkara yang dikehendaki dicetak atau ditulis, dan naskhah yang sedemikian itu akan disiarkan di dalam *Warta Kerajaan (Gazette)*.

### **KUASA MEMBERI KEAMPUNAN**

#### **Kuasa memberi keampunan**

25A. (1) Maka bolehlah, tertakluk kepada Syarat (3) dan Syarat (4), Duli Yang Maha Mulia mengurniakan ampun, menanggung atau meringankan berkenaan dengan mana-mana kesalahan yang dilakukan di dalam Negeri ini (selain daripada mana-mana kesalahan yang

telah dibicarakan oleh mahkamah tentera) dan mana-mana kuasa yang dikurniakan oleh undang-undang persekutuan atau Negeri pada mengurang, menanggung atau meringankan hukuman itu bagi mana-mana kesalahan yang sebegitu hendaklah boleh dijalankan oleh Baginda.

(2) Kuasa-kuasa yang tersebut di dalam Syarat (1) hendaklah dijalankan mengikut cara dan dengan tersyarat kepada syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Perkara 42 kepada Perlembagaan Persekutuan.

(3) Kuasa-kuasa yang boleh dijalankan oleh Duli Yang Maha Mulia di bawah Fasal ini hendaklah dijalankan—

- (a) berkenaan diri Baginda sendiri atau Konsort Baginda, oleh Majlis Raja-Raja; dan
- (b) berkenaan dengan putera atau puteri Baginda, oleh Raja sesuatu Negeri yang dinamakan oleh Majlis Raja-Raja dan Raja tersebut hendaklah bertindak mengikut nasihat Lembaga Pengampunan yang ditubuhkan mengikut Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan.

(4) Apabila kuasa keampunan hendak dijalankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan ke atas seorang rakyat yang beragama Islam yang telah disabitkan salah di bawah undang-undang *Qisas* dan *Takzir*, sebelum kuasa keampunan tersebut dijalankan, Duli Yang Maha Sultan hendaklah terlebih dahulu merujuk kepada *wali* mangsa kesalahan tersebut bagi mematuhi Hukum Syarak.

#### SYARAT-SYARAT ISTIMEWA BERSABIT DENGAN ORANG MELAYU

#### **Simpanan peruntukan-peruntukan berkenaan dengan jawatan-jawatan, permit-permit dan lain-lain bagi orang Melayu**

**25B.** (1) Maka hendaklah menjadi tanggungjawab Duli Yang Maha Mulia pada menjaga keselamatan kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan-kepentingan yang halal bagi lain-lain kaum mengikut syarat-syarat Fasal ini.

(2) Maka hendaklah Duli Yang Maha Mulia itu, dengan tertakluk kepada syarat-syarat di dalam Fasal 12, menjalankan tanggungan-tanggungan Baginda di bawah Bab ini dan di bawah



undang-undang Negeri dengan apa jua cara yang dikehendaki bagi menjaga kedudukan istimewa orang Melayu itu dan menjamin penyimpanan bagi orang Melayu mengikut kadar Baginda fikirkan berpatutan berkenaan dengan kedudukan-kedudukan di dalam perkhidmatan Kerajaan bagi Negeri ini dan hadiah pelajaran, elaun-elaun kepada penuntut-penuntut dan lain-lain kesenangan kerana mendapatkan pelajaran atau latihan yang seumpama itu atau kemudahan-kemudahan yang istimewa yang diberi atau dikurnia oleh Kerajaan Negeri dan, jika dikehendaki oleh undang-undang Negeri supaya diadakan sebarang permit atau lesen bagi menjalankan perdagangan atau perniagaan maka dengan terkena kepada syarat-syarat undang-undang itu dan Fasal ini bersabit dengan permit-permit dan lesen-lesen yang sebegitu.

(3) Maka bolehlah Duli Yang Maha Mulia dengan tujuan kerana hendak mengadakan jaminan mengikut Syarat (2) Fasal ini akan bahagian kepada orang Melayu bersabit dengan kedudukan-kedudukan di dalam perkhidmatan Kerajaan dan hadiah pelajaran, elaun-elaun kepada penuntut-penuntut dan lain-lain kesenangan pelajaran atau latihan atau kemudahan-kemudahan istimewa memberi perintah-perintah am yang harus dikehendaki bagi maksud itu kepada mana-mana Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan yang bidang kuasanya meliputi kepada orang di dalam perkhidmatan Kerajaan Negeri ini atau kepada mana-mana pihak yang berkuasa yang ditugaskan tanggungjawab untuk memberi hadiah pelajaran, elaun kepada penuntut-penuntut atau lain-lain kesenangan pelajaran atau latihan atau kemudahan-kemudahan istimewa; dan Suruhanjaya atau pihak yang berkuasa itu hendaklah menurut perintah-perintah itu dengan sempurnanya.

(4) Di dalam menjalankan tanggungan-tanggungan Baginda di bawah Bab ini dan undang-undang Negeri mengikut Syarat (1), (2) dan (3) Fasal ini maka Duli Yang Maha Mulia tidaklah boleh melucutkan mana-mana orang daripada mana-mana jawatan Kerajaan yang dipegang olehnya atau daripada meneruskan mana-mana hadiah pelajaran, elaun-elaun kepada penuntut-penuntut atau lain-lain kesenangan pelajaran atau latihan atau kemudahan istimewa yang diperolehnya.

(5) Fasal ini tidaklah mengurangkan syarat-syarat Fasal 57.

(6) Jika dengan undang-undang Negeri yang ada sekarang maka dikehendaki sesuatu permit atau lesen bagi menjalankan mana-mana perdagangan atau perniagaan maka bolehlah Duli

Yang Maha Mulia menjalankan tanggungan-tanggungan Baginda di bawah undang-undang itu dengan mengikut cara atau memberi perintah-perintah am kepada mana-mana pihak yang berkuasa yang ditugaskan di bawah undang-undang itu pada memberi permit atau lesen-lesen sebagaimana yang harus dikehendaki bagi menjamin penyimpanan kadar bagi lesen-lesen atau permit-permit bagi orang Melayu sebagaimana Duli Yang Maha Mulia fikirkan berpatutan dan pihak yang berkuasa itu hendaklah menurut perintah-perintah itu dengan sempurnanya.

(7) Tidaklah ada apa-apa yang terkandung di dalam Fasal ini yang akan melucutkan atau memberi kuasa bagi melucutkan daripada mana-mana orang akan sebarang hak, kelebihan, permit atau lesen yang telah patut didapatinya atau sedang dinikmatinya atau yang dipegang olehnya atau memberi kuasa bagi menolakkan daripada membaharui semula kepada mana-mana orang akan sebarang permit atau lesen yang sebegitu atau menolakkan daripada memberi kepada waris-waris, pengganti-pengganti atau penerima-penerima pindahan harta benda bagi seseorang akan sebarang permit atau lesen jika pembaharuan semula atau pemberian itu boleh dijangkakan dengan berpatutan mengikut keadaan perjalanan yang biasa.

(8) Dengan tidak menghiraukan sebarang apa yang terkandung di dalam Bab ini, jika dengan mana-mana undang-undang Negeri maka sebarang permit atau lesen adalah dikehendaki bagi menjalankan mana-mana perdagangan atau perniagaan, maka undang-undang itu bolehlah mengadakan syarat kerana penyimpanan satu bahagian daripada permit-permit atau lesen-lesen untuk orang Melayu, tetapi tidaklah boleh undang-undang yang seumpama itu bagi maksud menjamin penyimpanan yang seumpama itu—

- (a) melucut atau memberi kuasa melucutkan daripada mana-mana orang akan mana-mana hak, kelebihan, permit atau lesen yang telah patut didapati atau sedang dinikmatinya atau yang dipegang olehnya; atau
- (b) memberi kuasa pada menolakkan daripada membaharui semula kepada mana-mana orang akan sebarang permit atau lesen yang sebegitu atau menolakkan daripada memberi kepada waris-waris, pengganti-pengganti atau penerima-penerima pindahan harta benda bagi mana-mana orang akan sebarang permit atau lesen jika pembaharuan semula atau pemberian itu boleh dijangkakan dengan berpatutan mengikut syarat-syarat yang lain dalam undang-undang

itu adalah mengikut keadaan perjalanan yang biasa, atau menggalangkan mana-mana orang daripada memindahkan kepada orang lain bersekali dengan perniagaannya akan mana-mana lesen yang boleh dipindah untuk menjalankan perniagaan itu; atau

- (c) jika dahulunya permit atau lesen tidak dikehendaki bagi menjalankan perdagangan atau perniagaan, memberi kuasa menolakan daripada memberi satu permit atau lesen kepada mana-mana orang bagi menjalankan mana-mana perdagangan atau perniagaan yang mana dahulu sedikit daripada berjalan kuat kuasanya undang-undang itu dia telah pun menjalankan dengan sebenarnya, atau memberi kuasa menolakan pada akhirnya pada membaharui semula kepada mana-mana orang akan mana-mana permit atau lesen, atau penolakan daripada memberi kepada waris-waris, pengganti-pengganti atau penerima-penerima pindahan harta benda bagi mana-mana orang yang sebegitu akan mana-mana permit atau lesen yang sebegitu jika pembaharuan atau pemberian itu boleh dijangka dengan berpatutan mengikut syarat-syarat yang lain dalam undang-undang itu ialah mengikut keadaan perjalanan biasa.

(9) Tidaklah apa-apa yang terkandung di dalam Fasal ini yang akan menguasai Majlis Undangan pada menyekatkan perniagaan atau perdagangan semata-mata bagi maksud simpanan bagi orang Melayu.

**DEWAN UNDANGAN NEGERI  
(LEGISLATIVE ASSEMBLY)**

**Kuasa Undangan Negeri**

**26.** Kuasa Undangan Negeri ialah Duli Yang Maha Mulia dan satu Dewan, yang akan dipanggil Dewan Undangan Negeri (dalam bahasa Inggerisnya, Legislative Assembly).

**Kandungan Dewan Undangan Negeri**

**27.** (1) Tertakluk kepada Syarat (2) Dewan Undangan Negeri hendaklah mengandungi tiga puluh dua ahli yang dipilih.

(2) Jika pada bila-bila masa, tidak ada orang bukan Islam atau wanita yang dipilih kepada Dewan Undangan Negeri, tertakluk kepada peruntukan berikut, Dewan Undangan Negeri boleh atas satu usul yang disokong oleh tidak kurang dari tujuh orang ahli Dewan Undangan Negeri dan diluluskan dengan majoriti mudah, melantik orang bukan Islam dan/atau wanita bagi mewakili rakyat bukan Islam dan/atau wanita dengan syarat bahawa ahli-ahli yang dilantik hendaklah tidak melebihi daripada empat (4) orang.

(3) Seorang ahli yang dilantik di bawah Syarat (2)—

- (a) hendaklah mempunyai hak untuk bercakap dan menyertai perbahasan di dalam Dewan Undangan Negeri dan jawatankuasa yang mana dia dilantik menjadi ahli tetapi dia tidak mempunyai hak untuk mengundi;
- (b) boleh dipecat oleh Dewan Undangan Negeri melalui usul yang serupa dan dengan majoriti mudah jika dia melakukan ketidaksenonohan atau berakhlak buruk;
- (c) tidak boleh menjadi ahli bersekutu (*affiliate*) atau ahli mana-mana parti politik kecuali wakil wanita;
- (d) boleh berhenti dengan menulis dan menandatangani surat peletakan jawatan dengan dialamatkan kepada Yang Dipertua Dewan; dan
- (e) akan tertakluk kepada dan dikawal oleh Fasal 29 dan Peraturan-Peraturan dan Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri bagi Negeri Terengganu dan undang-undang Negeri dan persekutuan.

### **Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua Dewan bagi Dewan Undangan Negeri**

**27A.** (1) Tertakluk kepada Syarat (1A), Dewan Undangan Negeri hendaklah dari semasa ke semasa memilih mana-mana orang yang ditentukan oleh Dewan Undangan Negeri sebagai Yang Dipertua Dewan dan tidaklah boleh menjalankan apa-apa urusan semasa jawatan Yang Dipertua Dewan kosong selain daripada pemilihan Yang Dipertua Dewan.

(1A) Seseorang tidak boleh dipilih menjadi Yang Dipertua Dewan melainkan jika dia menjadi ahli atau layak menjadi ahli Dewan Undangan Negeri.

(1B) Mana-mana orang yang bukan ahli Dewan Undangan Negeri yang dipilih sebagai Yang Dipertua Dewan hendaklah—

- (a) sebelum menjalankan tugas-tugas jawatannya, mengangkat dan menandatangani di hadapan Dewan Undangan Negeri suatu sumpah jawatan dan taat setia seperti berikut:

“Adalah saya,....., setelah dipilih memegang jawatan Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri bagi Negeri Terengganu, dengan sesungguhnya mengangkat sumpah (atau berikrar) bahawa saya akan sebenar-benarnya menjalankan kewajipan saya sebagai Yang Dipertua Dewan dengan sedaya upaya saya, bahawa saya akan menumpahkan taat setia yang sebenar kepada Negeri Terengganu dan bahawa saya akan memelihara, melindungi serta mempertahankan Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu.”;

- (b) oleh sebab dia memegang jawatannya itu, menjadi ahli Dewan Undangan Negeri sebagai tambahan kepada ahli-ahli yang dipilih ke Dewan Undangan Negeri:

Dengan syarat bahawa perenggan (b) tidaklah mempunyai kuat kuasa bagi maksud peruntukan Fasal 14, dan tiada seorang pun berhak, menurut perenggan itu, mengundi atas apa-apa perkara dalam Dewan Undangan Negeri.

(2) Yang Dipertua Dewan boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dan hendaklah mengosongkan jawatannya—

- (a) apabila Dewan Undangan Negeri bermesyuarat bagi pertama kalinya selepas pilihan raya umum;
- (b) apabila dia terhenti menjadi ahli Dewan Undangan Negeri selain daripada sebab pembubarannya atau, jika dia menjadi ahli menurut perenggan (b) Syarat (1B), apabila dia hilang kelayakan menjadi ahli;
- (c) apabila dia hilang kelayakan di bawah Syarat (3A); atau
- (d) jika pada bila-bila masa Dewan Undangan Negeri membuat ketetapan sedemikian.

(2A) Dewan Undangan Negeri boleh dari semasa ke semasa memilih seorang daripada ahlinya menjadi Timbalan Yang Dipertua Dewan.

(2B) Seseorang Timbalan Yang Dipertua Dewan boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya, dan hendaklah mengosongkan jawatannya—

- (a) apabila dia terhenti menjadi ahli Dewan Undangan Negeri; atau
- (b) jika pada bila-bila masa Dewan Undangan Negeri membuat ketetapan sedemikian.

(3) Dalam masa Yang Dipertua Dewan tidak hadir dalam sesuatu persidangan, Timbalan Yang Dipertua Dewan atau, jika Timbalan Yang Dipertua Dewan tidak hadir atau jika jawatan Timbalan Yang Dipertua Dewan kosong, seseorang ahli sebagaimana yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah tatacara Dewan Undangan Negeri, hendaklah menjalankan tugas sebagai Yang Dipertua Dewan.

(3A) Seseorang ahli yang dipilih menjadi Yang Dipertua Dewan adalah hilang kelayakan untuk memegang jawatan itu jika selepas tiga bulan dia dipilih memegang jawatan itu atau pada bila-bila masa selepas itu dia adalah atau menjadi anggota mana-mana lembaga pengarah atau lembaga pengurusan, atau pegawai atau pekerja, atau melibatkan diri dalam hal ehwal atau urusan mana-mana organisasi atau badan, sama ada diperbadankan atau selainnya, atau mana-mana pengusahaan komersial, perindustrian atau pengusahaan lain, sama ada atau tidak dia menerima apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah daripadanya:

Dengan syarat bahawa kehilangan kelayakan itu tidaklah terpakai jika organisasi atau badan itu menjalankan apa-apa kerja kebajikan atau sukarela atau tujuan yang berfaedah kepada masyarakat atau mana-mana bahagiannya atau apa-apa kerja atau tujuan lain yang bersifat khairat atau sosial, dan ahli itu tidak menerima apa-apa saraan, hadiah, untung atau faedah daripadanya.

(3B) Jika berbangkit apa-apa soal mengenai kehilangan kelayakan Yang Dipertua Dewan, di bawah Syarat (3A) maka keputusan Dewan Undangan Negeri hendaklah diambil dan hendaklah menjadi muktamad.

(4) Dewan Undangan Negeri hendaklah dengan undang-undang menguntukkan imbuhan bagi Yang Dipertua Dewan dan Timbalan Yang Dipertua Dewan itu dan imbuhan yang diuntukkan sedemikian itu hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan.

27b. (Dipotong oleh En. No. 1/1959).

27c. (Dipotong oleh En. No. 1/1959).

### **Syarat yang melayakkan menjadi ahli**

28. Tiap-tiap warganegara yang berumur dua puluh satu tahun atau lebih yang bermastautin di dalam Negeri ini layaklah boleh menjadi ahli Dewan Undangan Negeri, melainkan dia tidak dilayakkan menjadi ahli oleh Perlembagaan Persekutuan atau oleh Perlembagaan ini atau oleh mana-mana undang-undang seperti yang tersebut di dalam Fasal 29 itu.

### **Syarat yang tidak melayakkan menjadi ahli Dewan Undangan Negeri**

29. (1) Tertakluk kepada syarat-syarat Fasal ini maka tidaklah layak seseorang itu boleh menjadi ahli Dewan Undangan Negeri jika sekiranya—

- (a) dia seorang yang tidak atau didapati atau diakui tidak siuman akal fikirannya;
- (b) dia seorang muflis (*bankrupt*) yang belum selesai tanggungannya sebagai muflis itu;
- (c) dia memegang jawatan yang bergaji;
- (d) setelah dilantik menjadi calon pilihan raya kerana hendak menjadi ahli Dewan Parlimen atau Dewan Undangan Negeri, atau setelah menjadi wakil calon kepada seseorang yang dilantik demikian itu, dia tidak menghantarkan kenyataan belanja-belanja pilihan raya yang dikehendaki oleh undang-undang di dalam masa dan dengan cara yang dikehendaki itu;
- (e) dia telah didapati sabit melakukan sesuatu kesalahan, oleh sesebuah mahkamah undang-undang dalam Malaysia ini dan dihukum penjara selama tiada kurang daripada satu tahun atau dihukum denda tiada kurang daripada dua ribu ringgit serta tiada menerima keampunan;
- (f) dia tidak dilayakkan menurut mana-mana undang-undang berkenaan dengan kesalahan-kesalahan yang berhubung dengan pilihan raya-pilihan raya sama ada kerana hendak

menjadi ahli Dewan Parlimen atau kerana hendak menjadi ahli Dewan Undangan Negeri dengan sebab telah didapati sabit melakukan kesalahan yang seumpama itu atau setelah dibicarakan berkenaan dengan sesuatu pilihan raya yang seumpama itu sabit kesalahan melakukan sesuatu yang menjadi kesalahan itu; atau

- (g) dia dengan sukarelanya telah menjadi warganegara, atau menggunakan hak-hak kewarganegaraan di dalam, sebuah negara asing atau mengaku taat setianya kepada negara asing.

(2) Syarat tidak melayakkan seseorang menurut perenggan (d) atau perenggan (e) di bawah Syarat (1) itu bolehlah diampuni oleh Duli Yang Maha Mulia dan hendaklah, jika sekiranya tidak diampuni sedemikian, terlucut pada akhir tempoh lima tahun mulai daripada tarikh dikehendaki menghantarkan kenyataan belanja-belanja yang tersebut di dalam perenggan (d) itu atau, mana-mana yang berkenaan, mulai daripada tarikh orang yang disabitkan kesalahannya seperti yang tersebut di dalam perenggan (e) itu dilepaskan daripada tahanan atau pada tarikh denda yang tersebut pada perenggan (e) itu dikenakan, dan seseorang tidaklah boleh menjadi tidak layak menurut perenggan (g) di bawah Syarat (1) itu dengan sebab sesuatu yang dilakukan olehnya sebelum dia menjadi seorang warganegara.

(3) Seseorang yang meletakkan keahliannya dalam Dewan Undangan Negeri hendaklah, bagi tempoh lima tahun bermula dari tarikh peletakan keahliannya berkuat kuasa, hilang kelayakan untuk menjadi ahli Dewan Undangan Negeri.

### **Keputusan mengenai syarat tidak layak menjadi ahli**

**29A.** Jika sekiranya apa-apa soal sama ada seseorang ahli Dewan Undangan Negeri itu menjadi tidak layak menjadi ahlinya maka keputusan Dewan itu hendaklah diambil dan hendaklah menjadi muktamad.

### **Syarat melarang menjadi ahli bagi dua kawasan**

**29B.** Tidaklah boleh seseorang menjadi ahli Dewan Undangan Negeri mewakili lebih daripada satu kawasan pilihan raya pada satu masa itu juga.



**Hasil daripada tidak kelayakan dan penegahan lantikan dengan tidak keredaan**

30. (1) Jika sekiranya seorang ahli Dewan Undangan Negeri mati atau menjadi tidak layak boleh menjadi ahli Dewan itu maka hendaklah tempatnya itu menjadi kosong.

(2) Jika sekiranya seseorang yang tidak layak boleh menjadi ahli Dewan Undangan Negeri dipilih ke dalam Dewan itu, atau jika sekiranya sesuatu pilihan berlawanan dengan kehendak Fasal 29, maka menjadi batallah pilihan itu.

(3) Jika sekiranya pilihan seseorang itu akan atau harus menjadi batal menurut Syarat (2) maka batallah lantikannya menjadi calon pilihan raya itu.

(4) Tidaklah menjadi sah dilantik seseorang menjadi calon kerana hendak menjadi ahli Dewan Undangan Negeri itu jika tiada dengan keredaannya.

30A. *(Dipotong oleh En. No. 1/1959).*

**Keberhentian ahli-ahli**

31. Seseorang ahli Dewan Undangan Negeri bolehlah berhenti daripada menjadi ahli dengan menulis surat yang ditandatangani olehnya dialamatkan kepada Yang Dipertua Dewan.

**Ketiadaan hadir seseorang ahli**

32. Jika sekiranya seorang ahli Dewan Undangan Negeri dengan tiada mendapat kebenaran Yang Dipertua Dewan tidak hadir pada tiap-tiap kali Dewan itu bersidang selama masa enam bulan maka bolehlah Yang Dipertua Dewan itu mengisytiharkan tempatnya itu kosong.

33. *(Dipotong oleh En. No. 1/1959).*

**Cukup bilangan**

34. Tidaklah boleh dijalankan oleh Dewan Undangan Negeri itu akan apa-apa pekerjaan melainkan pekerjaan menanggungkan jika ada bantahan yang dibuat oleh mana-mana ahli yang hadir

bahawa kurang daripada lapan orang daripada ahli-ahli itu yang ada hadir selain daripada Yang Dipertua Dewan atau ahli yang lain yang menjadi pengerusi.

### **Gaji dan sebagainya kepada ahli-ahli**

**35.** Kuasa Undangan hendaklah dengan undang-undang mengadakan gaji dan sebagainya bagi ahli-ahli Dewan Undangan Negeri.

**35A.** (*Dipotong oleh En. No. 1/1959*).

### **Menjalankan kuasa undang-undang**

**36.** (1) Kuasa-kuasa Undangan membuat undang-undang hendaklah dijalankan dengan jalan Rang Undang-Undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri dan dipersetujukan oleh Duli Yang Maha Mulia.

(2) Rang Undang-Undang atau pindaan yang berkait dengan perbelanjaan daripada Kumpulan Wang Negeri Yang Disatukan tidaklah boleh dikemukakan atau dicadangkan di dalam Dewan Undangan Negeri melainkan oleh seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

(2A) Duli Yang Maha Mulia hendaklah dalam masa tiga puluh hari selepas sesuatu Rang Undang-Undang dikemukakan kepadanya mempersetujui Rang Undang-Undang itu.

(2B) Jika sesuatu Rang Undang-Undang tidak dipersetujui oleh Duli Yang Maha Mulia dalam masa yang ditentukan dalam Syarat (2A), Rang Undang-Undang itu hendaklah menjadi undang-undang apabila habis masa yang ditentukan dalam Syarat itu mengikut cara yang sama seolah-olah Duli Yang Maha Mulia telah mempersetujuinya.

(3) Sesuatu Rang Undang-Undang hendaklah menjadi undang-undang apakala dipersetujukan oleh Duli Yang Maha Mulia, atau sebagaimana yang diperuntukkan dalam Syarat (2B) tetapi tidaklah boleh undang-undang itu berjalan kuat kuasanya melainkan telah disiarkan, walaupun begitu, tiadalah mencacatkan kuasa-kuasa Undangan pada menangguhkan perjalanan kuat kuasa mana-mana undang-undang atau membuat undang-undang yang kuat kuasanya berjalan daripada tarikh yang telah lepas.

**Titah Duli Yang Maha Mulia**

37. Duli Yang Maha Mulia boleh bertitah dengan ucapan kepada Dewan Undangan Negeri dan boleh menghantarkan titah Baginda kepada Dewan itu.

**Mengisytiharkan Rang Undang-Undang**

38. Tiap-tiap Rang Undang-Undang, selain daripada Rang Undang-Undang (*Private*), hendaklah melainkan jika diakui dengan bertulis oleh Yang Dipertua Dewan dikehendaki dengan segera, disiarkan bagi pengetahuan ramai di dalam *Warta Kerajaan* sekurang-kurangnya empat belas hari sebelum dikemukakan ke dalam Dewan Undangan Negeri.

**Perkataan-perkataan undang-undang**

39. Semua undang-undang yang diluluskan oleh Kuasa Undangan hendaklah digelar "Undang-Undang" (*Enactment*) dan perkataan-perkataan membuat undang-undang itu hendaklah berbunyi "diperbuat undang-undang ini oleh Kuasa Undangan Negeri Terengganu".

40. (*Dipotong oleh En. No. 1/1959*).

**Rang Undang-Undang daripada ahli**

41. Dikecualikan lain daripada yang disyaratkan di dalamnya, maka suatu undang-undang yang diperbuat di bawah Undang-Undang ini, yang bukannya dengan langkah Kerajaan Negeri, yang dimaksudkan menyentuh atau mendatangkan faedah kepada mana-mana orang yang tertentu atau kepada mana-mana persekutuan atau pertubuhan yang dilembagakan, tiadalah boleh menyentuh hak-hak Duli Yang Maha Mulia dan Ganti-Ganti Baginda atau hak-hak mana-mana pertubuhan siasah atau yang dilembagakan, atau hak-hak mana-mana orang pun.

**Peraturan Dewan Undangan Negeri**

42. (1) Tertakluk kepada syarat-syarat Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan ini, hendaklah Dewan Undangan Negeri membuat peraturannya sendiri dan bolehlah dari semasa ke semasa membuat,

meminda dan membatalkan Peraturan-Peraturan Tetap dan Perintah-Perintah bagi mengaturkan tertib perjalanan-perjalanannya sendiri dan menjalankan pekerjaan.

(2) Dewan Undangan Negeri boleh menjalankan kerjanya dengan tidak menghiraukan adanya tempat ahli yang kosong, dan walaupun ada seorang yang tidak berhak menjadi ahli hadir atau mengambil bahagian tetapi tidaklah akan membatalkan apa-apa perjalanan.

(3) Tertakluk kepada Syarat (4) dan Fasal 61 maka Dewan Undangan Negeri hendaklah, jika sekiranya tidak mendapat persetujuan sebulat suara, mengambil keputusannya dengan jalan hanya mengikut undian suara terbanyak; dan ahli yang mengetuai mesyuarat itu hendaklah memberi undi memutus barang bila mustahak supaya tidak berlaku undi-undi yang sama banyak, tetapi tidaklah boleh dia mengundi di dalam perkara yang lain.

(4) Di dalam membuat peraturannya maka bolehlah Dewan itu mempersyaratkan, berkenaan dengan apa-apa keputusan yang berhubung dengan perjalanan-perjalanannya, supaya keputusan itu jangan dibuat kecuali oleh suara terbanyak atau oleh sebilangan undi-undi yang ditetapkan.

(5) Ahli-ahli yang tiada hadir di dalam Dewan itu hendaklah jangan dibenarkan mengundi.

43. (*Dipotong oleh En. No. 1/1959*).

#### **Memanggil, memberhenti dan membubarkan Dewan Undangan Negeri**

44. (1) Duli Yang Maha Mulia bolehlah dari semasa ke semasa memanggil Dewan Undangan Negeri bermesyuarat dan hendaklah jangan dibiarkan lampau selama enam bulan di antara mesyuarat yang akhir di dalam satu tempoh persidangan dengan tarikh yang ditetapkan bagi mesyuarat pertama di dalam tempoh persidangan yang akan datang.

(2) Duli Yang Maha Mulia bolehlah memberhenti atau membubarkan Dewan Undangan Negeri.

(3) Dewan Undangan Negeri itu melainkan telah terbubar terlebih awal lagi, hendaklah terus berjalan selama lima tahun daripada tarikh persidangannya yang pertama dan hendaklah lepas itu menjadi terbubar.

(4) Barang bila Dewan Undangan Negeri itu dibubarkan maka hendaklah diadakan pilihan raya am dalam masa enam puluh hari daripada tarikh pembubaran itu dan Dewan Undangan Negeri yang baharu hendaklah dipanggil bermesyuarat pada suatu tarikh tidak lewat daripada sembilan puluh hari daripada tarikh itu.

(5) Tempat yang menjadi kosong hendaklah diisi dalam masa enam puluh hari daripada tarikh terjadinya:

Dengan syarat bahawa jika tempat yang menjadi kosong itu dipastikan pada suatu tarikh dalam masa dua tahun dari tarikh Dewan Undangan Negeri hendaklah, mengikut Syarat (3), menjadi bubar, maka tempat yang menjadi kosong itu tidak boleh diisi melainkan jika Yang Dipertua Dewan memberitahu Suruhanjaya Pilihan Raya secara bertulis bahawa kekuatan dari segi bilangan parti yang membentuk majoriti semua ahli Dewan Undangan Negeri terjejas oleh kekosongan itu, dan dalam keadaan itu kekosongan itu hendaklah diisi dalam masa enam puluh hari dari tarikh pemberitahuan itu diterima.

### **Sumpah ahli-ahli**

**45.** (1) Tiap-tiap ahli Dewan Undangan Negeri hendaklah, sebelum menduduki tempatnya, mengangkat dan menandatangani di hadapan ahli yang mengetuai Dewan itu akan sumpah yang di bawah ini:

“Adalah saya,....., yang telah dipilih menjadi ahli Dewan Undangan Negeri bagi Negeri Terengganu, dengan sesungguhnya mengangkat sumpah (atau berikrar) bahawa saya akan sebenar-benar menjalankan kewajipan-kewajipan saya sebagai seorang ahli dengan sedaya upaya saya, bahawa saya akan bersetiawan dan taat setia dengan sebenarnya kepada Negeri Terengganu dan bahawa saya akan memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaan Negeri Terengganu.”

(2) Kepada tiap-tiap satu sumpah itu hendaklah ditambahkan perkataan-perkataan yang akan menetapkan hati orang yang bersumpah itu mengikut kepercayaan agamanya.

(3) Bolehlah seseorang ahli sebelum mengangkat sumpah itu mengambil bahagian di dalam pemilihan Yang Dipertua Dewan.

(4) Jika sekiranya seseorang ahli tidak menduduki tempatnya dalam masa tiga bulan daripada tarikh Dewan Undangan Negeri bersidang pertama kalinya selepas dia dipilih, atau dalam masa yang boleh dibenarkan lagi oleh Dewan itu maka tempatnya itu hendaklah menjadi kosong.

46. *(Dipotong oleh En. No. 1/1959).*

#### **Peringatan mesyuarat**

47. Hendaklah disimpan peringatan-peringatan (minit-minit) mesyuarat berkenaan dengan segala perjalanan Dewan Undangan Negeri.

#### **Bahasa rasmi**

48. (1) Tertakluk kepada syarat-syarat Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan, maka bahasa rasmi Dewan itu hendaklah bahasa Melayu.

(2) Dengan tidak menghiraukan kehendak-kehendak Syarat (1), maka bagi masa selama sepuluh tahun selepas Hari Merdeka dan kemudian daripada itu selagi Parlimen belum membuat syarat yang lain, maka perkataan-perkataan atau kalimah-kalimah yang sah di dalam—

(a) segala Rang Undang-Undang yang hendak dikemukakan atau pindaan-pindaan kepadanya yang hendak dicadangkan di dalam Dewan Undangan Negeri; dan

(b) segala Undang-Undang dan segala undang-undang tambahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri,

hendaklah di dalam bahasa Inggeris.

(3) Suatu naskhah yang rasmi hendaklah diadakan bagi apa-apa perkara yang dikehendaki supaya dicetak atau ditulis, dan naskhah yang sebegitu akan diisytiharkan di dalam *Warta Kerajaan*.

### **Kelebihan-kelebihan**

**49.** Dewan Undangan Negeri itu hendaklah mempunyai kelebihan-kelebihan dan kuasa-kuasa sebagaimana yang dinyatakan di dalam Jadual Yang Pertama.

## **MAHKAMAH SYARIAH**

### **Mahkamah Syariah**

**49A.** (1) Maka hendaklah ditubuh dalam Negeri sebuah Mahkamah Rayuan Syariah, sebuah Mahkamah Tinggi Syariah dan seberapa banyak Mahkamah Rendah Syariah sebagaimana yang boleh ditubuhkan melalui undang-undang.

(2) Tertakluk kepada Syarat (3), bidang kuasa mana-mana mahkamah ini adalah seperti mana yang diperuntukkan di dalam Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 [*En. No. 3/2001*] dan mana-mana undang-undang yang akan diluluskan selepas ini.

(3) Mahkamah Rayuan Syariah mempunyai bidang kuasa tersendiri (eksklusif) bagi memutuskan apa-apa perkara berkaitan dengan Hukum Syarak yang dirujuk oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan.

## **KEWANGAN**

**Tiada apa-apa cukai boleh dilevi melainkan dibenarkan oleh undang-undang**

**50.** Tiada apa-apa cukai atau kadar boleh dilevi oleh atau bagi maksud-maksud Negeri kecuali dengan atau di bawah kuasa undang-undang.

**Perbelanjaan dipertanggungkan kepada Kumpulan Wang Yang Disatukan**

**51.** (1) Selain daripada apa-apa pemberian, saraan atau apa-apa wang lain yang dipertanggungkan kepada Kumpulan Wang Yang Disatukan bagi Negeri menurut mana-mana peruntukan lain dalam

Perlembagaan Negeri atau mana-mana undang-undang Negeri maka hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang Yang Disatukan bagi Negeri—

- (a) Peruntukan Diraja bagi Duli Yang Maha Mulia dan saraan bagi Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri;
- (b) segala caj hutang yang tertanggung oleh Negeri; dan
- (c) apa-apa wang yang dikehendaki bagi menunai apa-apa hukuman, keputusan atau award terhadap Negeri oleh mana-mana mahkamah atau tribunal.

(2) Bagi maksud peruntukan ini caj hutang adalah termasuk bunga, caj kumpulan wang penjelas hutang, membayar balik atau melunaskan hutang dan segala perbelanjaan berkenaan dengan mendapatkan pinjaman-pinjaman atas jaminan Kumpulan Wang Yang Disatukan dan menyenggara dan menebus hutang yang terwujud dengan jalan demikian itu.

### **Penyata kewangan tahunan**

52. (1) Tertakluk kepada Syarat (3), Duli Yang Maha Mulia hendaklah, bagi tiap-tiap tahun kewangan, mengarah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri suatu penyata anggaran pendapatan dan perbelanjaan bagi Negeri untuk tahun itu, dan, melainkan jika selainnya diperuntukkan oleh Kuasa Undangan Negeri bagi mana-mana tahun, penyata itu hendaklah dibentangkan sedemikian sebelum permulaan tahun itu.

(2) Anggaran perbelanjaan itu hendaklah menunjukkan berasing-asing—

- (a) jumlah wang yang dikehendaki untuk membayar perbelanjaan yang dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang Yang Disatukan; dan
- (b) tertakluk kepada Syarat (3), jumlah wang yang masing-masing dikehendaki untuk membayar kepala-kepala bagi perbelanjaan lain yang dicadangkan untuk dibayar daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan.

(3) Anggaran pendapatan yang ditunjukkan dalam penyata tersebut tidaklah termasuk apa-apa jumlah wang yang diterima dengan jalan Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam



yang seumpamanya; dan jumlah wang yang akan ditunjukkan di bawah perenggan (b) Syarat (2) tidaklah termasuk—

- (a) jumlah wang pinjaman yang didapatkan oleh Negeri bagi maksud-maksud tertentu dan yang diuntukkan bagi maksud-maksud itu oleh undang-undang yang membenarkan pinjaman itu didapatkan;
- (b) jumlah wang yang diterima oleh Negeri, iaitu wang atau bunga bagi wang yang tertakluk kepada sesuatu amanah dan yang akan digunakan mengikut syarat-syarat amanah itu;
- (c) jumlah wang yang dipegang oleh Negeri, iaitu wang yang telah diterima atau diuntukkan bagi maksud sesuatu kumpulan wang amanah yang ditubuhkan oleh atau mengikut undang-undang persekutuan atau undang-undang Negeri.

(4) Penyata tersebut hendaklah juga menunjukkan, setakat mana yang boleh, aset dan tanggungan Negeri pada akhir tahun kewangan yang baharu genap, caranya aset itu dilabur atau dipegang, dan kepala-kepala am yang tanggungan-tanggungan mengenainya sebelum selesai.

### **Rang Undang-Undang Perbekalan**

53. Kepala-kepala bagi perbelanjaan yang akan dibayar daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan bagi Negeri tetapi tidak dipertanggungjawabkan kepadanya, melainkan jumlah wang yang tersebut dalam perenggan (a) dan (b) bagi Syarat (3) kepada Fasal 52 hendaklah dimasukkan dalam suatu Rang Undang-Undang dinamakan Rang Undang-Undang Perbekalan yang menguntukkan pengeluaran wang-wang yang perlu daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk membayar perbelanjaan itu dan yang menguntukkan wang-wang itu bagi maksud-maksud dinyatakan di dalamnya.

### **Perbelanjaan tambahan dan perbelanjaan lebih**

54. Jika sekiranya didapati bagi sesuatu tahun kewangan—

- (a) jumlah wang yang diperuntukkan oleh Enakmen Perbekalan bagi apa-apa maksud tidak mencukupi, atau bahawa keperluan telah timbul untuk melakukan perbelanjaan sebagai sesuatu maksud yang wang tidak ada diuntukkan baginya oleh Enakmen Perbekalan; atau

- (b) apa-apa wang telah dibelanjakan bagi sesuatu maksud lebih daripada jumlah yang diuntukkan (jika ada) bagi maksud itu oleh Enakmen Perbekalan,

maka suatu anggaran tambahan menunjukkan jumlah-jumlah wang yang dikehendaki atau dibelanjakan itu hendaklah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri dan kepala-kepala bagi apa-apa perbelanjaan itu hendaklah dimasukkan dalam suatu Rang Undang-Undang Perbekalan.

### **Pengeluaran daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan**

**55.** (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang berikut dalam Fasal ini, tiada apa-apa wang boleh dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan melainkan jika wang-wang itu adalah—

(a) dipertanggungkan kepada Kumpulan Wang Yang Disatukan; atau

(b) dibenar dikeluarkan oleh Enakmen Perbekalan.

(2) Tiada apa-apa wang boleh dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan kecuali mengikut cara yang diperuntukkan oleh undang-undang persekutuan.

(3) Syarat (1) tidaklah dipakai bagi apa-apa wang yang tersebut dalam perenggan (a), (b) dan (c) bagi Syarat (3) kepada Fasal 52.

(4) Kuasa Undangan Negeri, sebelum diluluskan Enakmen Perbekalan, boleh membenarkan perbelanjaan bagi sebahagian daripada sesuatu tahun kewangan dan juga pengeluaran daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan apa-apa wang yang dikehendaki untuk membayar perbelanjaan itu.

### **Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri**

**56.** (1) Hendaklah ada sebuah Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri dan kuasanya, tertakluk kepada syarat-syarat yang di bawah ini, hendaklah meliputi kesemua orang yang berkhidmat dengan Kerajaan Negeri ini.

(2) Adapun Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri itu hendaklah mengandungi ahli-ahli yang di bawah ini yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia mengikut timbangan Baginda sendiri tetapi setelah menimbang nasihat Menteri Besar, iaitu, seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dengan tidak kurang daripada tiga tetapi tidak lebih daripada enam orang ahli-ahli yang lain.

(3) Maka sama ada Pengerusi atau Timbalan Pengerusi itu hendaklah, dan kedua-duanya itu bolehlah, dilantik, daripada mereka yang sedang atau telah menjadi ahli-ahli di dalam mana-mana perkhidmatan kerajaan pada bila-bila masa di dalam tempoh lima tahun dahulu sedikit daripada tarikh mula-mula dilantik.

(4) Seseorang ahli perkhidmatan kerajaan Negeri yang dilantik menjadi Pengerusi atau Timbalan Pengerusi tidaklah boleh dilantik lagi di dalam apa-apa jawatan perkhidmatan Negeri selain menjadi ahli Suruhanjaya itu.

(5) (i) Seseorang ahli Dewan Parlimen atau Dewan Undangan Negeri bagi Negeri ini tidaklah layak dilantik menjadi ahli Suruhanjaya.

(ii) Tertakluk kepada perenggan (iii), maka tidaklah boleh dilantik seseorang menjadi ahli Suruhanjaya, dan tidaklah boleh menjadi ahli itu jikalau ianya menjadi—

- (a) ahli mana-mana perkhidmatan kerajaan Persekutuan atau mana-mana Negeri;
- (b) pegawai atau orang yang bekerja dengan mana-mana pihak yang berkuasa tempatan atau dengan sebuah badan pertubuhan atau pihak yang berkuasa yang ditubuhkan mengikut undang-undang kerana maksud-maksud awam;
- (c) ahli sesebuah kesatuan sekerja (*trade union*) atau badan atau persekutuan yang bergabung dengan kesatuan sekerja.

(iii) Seseorang ahli perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan bolehlah dilantik menjadi dan kekal sebagai Pengerusi atau Timbalan Pengerusi dan, jika sekiranya dia sedang bercuti sebelum bersara, bolehlah dilantik akan dia menjadi seorang ahli lain di dalam Suruhanjaya itu.

(iv) Apabila, dalam masa sesuatu tempoh, seorang ahli Suruhanjaya itu diberi cuti oleh Duli Yang Maha Mulia atau tidak dapat menjalankan kewajipan-kewajipannya sebagai seorang ahli oleh sebab ketiadaannya di dalam Persekutuan, disebabkan keuzuran atau lain-lain sebab maka bolehlah Duli Yang Maha Mulia lantikkan mana-mana orang yang layak dilantik menggantinya supaya menjalankan kewajipannya selama tempoh itu, dan pelantikan seseorang yang seumpama itu hendaklah diperbuat sama caranya seperti pelantikan ahli yang kewajipan-kewajipannya hendak dijalankan olehnya.

(v) Suruhanjaya itu boleh menjalankan kerja-kerja sekali pun ada tempat ahlinya yang kosong, dan tidaklah boleh perjalanan-perjalanan Suruhanjaya itu menjadi tidak sah dengan sebab hanya ada setengah-setengah orang yang tidak berhak menjadi ahli telah mengambil bahagian di dalamnya.

(vi) Sebelum menjalankan kewajipan-kewajipannya sebagai seorang ahli Suruhanjaya itu atau menurut perenggan (iv), maka mana-mana orang hendaklah mengangkat dan menandatangani di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi akan sumpah jawatan dan taat setia seperti berikut:

“Adalah saya,....., yang telah dilantik memegang jawatan ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri bagi Negeri Terengganu dengan sesungguhnya mengangkat sumpah (atau berikrar) bahawa saya dengan sebenar-benarnya akan menunaikan kewajipan-kewajipan jawatan saya ini dengan sedaya upaya saya, dan bahawa saya akan bersetiawan dan taat setia kepada Negeri Terengganu, dan memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaannya.”

### **Tempoh perkhidmatan ahli-ahli Suruhanjaya**

(6) Seseorang ahli Suruhanjaya itu—

(a) hendaklah dilantik selama lima tahun tempohnya atau jikalau pada timbangan Duli Yang Maha Mulia sendiri tetapi setelah menimbang nasihat Menteri Besar di dalam sesuatu hal yang tertentu menghendaki tempoh yang lebih singkat daripada itu bolehlah Baginda menetapkannya demikian;

- (b) bolehlah dilantik semula dari semasa ke semasa, melainkan jika dia menjadi tidak layak; dan
- (c) bolehlah pada bila-bila masa meletakkan jawatannya tetapi tidaklah boleh diberhentikan daripada jawatannya kecuali dengan alasan-alasan dan dengan cara yang serupa dengan cara memberhentikan seorang Hakim Mahkamah Persekutuan menurut Fasal-Fasal (3), (4) dan (5) Perkara 125 di dalam Perlembagaan Persekutuan:

Dipersyaratkan bahawa Fasal-Fasal itu hendaklah diambil pengertian seolah-olah bagi sebutan-sebutan di dalamnya berkenaan dengan Yang di-Pertuan Agong dan Perdana Menteri itu ialah sebutan-sebutan yang telah diganti dengan perkataan-perkataan Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Menteri Besar.

(7) Dewan Undangan Negeri hendaklah dengan jalan undang-undang mengadakan gaji dan sebagainya bagi seseorang ahli Suruhanjaya itu selain daripada ahli yang gaji dan sebagainya dibayar daripada apa-apa jawatan lain telah diadakan oleh undang-undang Negeri; dan imbuhan yang diadakan demikian hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan.

(8) Gaji dan sebagainya dan lain-lain syarat jawatan seseorang ahli setelah dia dilantik hendaklah jangan diubah hingga merugikan dia.

### **Kewajipan-kewajipan Suruhanjaya**

(9) Tertakluk kepada syarat-syarat di dalam mana-mana undang-undang yang ada dan kepada syarat-syarat Bab ini, maka adalah menjadi tanggungan Suruhanjaya itu hendaklah melantik, menetapkan dan meletakkan ke dalam jawatan kekal atau yang boleh menerima pensen, menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tatatertib (disiplin) ahli-ahli perkhidmatan-perkhidmatan yang di dalam kekuasaannya.

(9A) (i) Dengan tidak menghiraukan kehendak-kehendak Syarat (9) itu maka semua kuasa-kuasa dan kerja-kerja Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri yang ditetapkan menurut Fasal ini, lain daripada kuasa mula-mula melantik ke perjawatan yang kekal atau yang boleh menerima pensen, bolehlah dijalankan oleh sebuah lembaga yang dilantik oleh Raja dalam Mesyuarat.

(ii) Sesiapa yang terkilang dengan perjalanan lembaga itu menggunakan kuasa-kuasa atau kerja-kerja yang tersebut itu bolehlah merayu kepada sebuah Lembaga Timbang Semula yang dilantik oleh Raja dalam Mesyuarat.

(iii) Raja dalam Mesyuarat bolehlah dengan membuat peraturan-peraturan mengadakan syarat-syarat yang berkait dengan perkara-perkara melantik lembaga atau Lembaga Timbang Semula itu, melantik ahli-ahlinya dan cara-cara perjalanan yang dikehendaki diikuti oleh lembaga-lembaga ini.

(iv) Apabila Raja dalam Mesyuarat telah melantik lembaga menurut perenggan (i) Syarat ini untuk menjalankan kuasa-kuasa atau kerja-kerja yang tersebut di dalam perenggan itu maka kuasa atau kerja yang demikian tidaklah lagi boleh dijalankan oleh Suruhanjaya tersebut jikalau ianya masih jadi suatu kuasa atau kerja yang dikehendaki dijalankan oleh lembaga itu.

(10) Undang-undang Negeri bolehlah mengadakan syarat untuk Suruhanjaya itu menjalankan tanggungan-tanggungan yang lain.

(11) Suruhanjaya itu boleh memberi kuasa kepada mana-mana pegawai di dalam perkhidmatan Kerajaan Negeri atau kepada mana-mana jemaah pegawai-pegawai yang sebegitu yang dilantik olehnya, apa-apa kewajipannya menurut Syarat (9) berkenaan dengan mana-mana peringkat perkhidmatan, dan pegawai atau jemaah itu hendaklah menjalankan kewajipan-kewajipan itu di bawah arahan dan kawalan Suruhanjaya itu.

(12) Maka Suruhanjaya itu bolehlah, dengan tersyarat kepada syarat-syarat Perlembagaan ini dan undang-undang Negeri, membuat peraturan-peraturan bagi menjalankan perjalanan-perjalanannya dan menetapkan jumlah ahli-ahlinya yang akan menjadi cukup bilangan (*quorum*).

(13) Suruhanjaya itu hendaklah membuat suatu penyata tahunan di atas perjalanan-perjalanannya kepada Duli Yang Maha Mulia dan salinan penyata itu hendaklah dibentangkan di dalam Dewan Undangan Negeri.

(14) Di dalam Fasal ini—

(a) "pertukaran" tidaklah termasuk pertukaran yang tidak berubah pangkat di dalam sebuah jabatan Kerajaan;

- (b) "Suruhanjaya" maknanya Perkhidmatan Suruhanjaya Negeri yang ditubuhkan di bawah Syarat (1); dan
- (c) "perkhidmatan kerajaan Negeri" hendaklah mempunyai makna yang sama sebagaimana di dalam Bahagian X Perlembagaan Persekutuan.

### **Layanan yang saksama kepada pekerja-pekerja Negeri**

57. Sekalian orang daripada sebarang apa jua bangsanya yang sama peringkatnya di dalam perkhidmatan Negeri hendaklah, dengan tertakluk kepada perjanjian-perjanjian dan syarat-syarat berkenaan dengan pekerjaannya diberi layanan yang saksama.

### **Kuasa Negeri berkenaan dengan harta benda, perjanjian-perjanjian (kontrak) dan pendakwaan-pendakwaan**

58. (1) Negeri ini berkuasalah membeli, memegang dan menjual harta benda apa jua dan membuat perjanjian-perjanjian (kontrak).

(2) Negeri ini bolehlah mendakwa dan didakwa.

59. (*Dipotong oleh En. No. 1/1959*).

### **Kuasa Undang-Undang ini**

60. (1) Syarat-syarat Undang-Undang ini hendaklah berjalan kuasanya sebagai menambah dan meluaskan Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan 1911, dan sebagai menggantikan Fasal-Fasal 9, 10, 37, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 45, 51 dan 53 daripada Undang-Undang itu dan, mulai pada dan kemudian daripada permulaan Undang-Undang ini perkataan "rakyat-rakyat Terengganu" di dalam Fasal 24 Undang-Undang itu hendaklah disifatkan sebagai dihapuskan.

(2) Jika ada berlawanan di antara mana-mana syarat-syarat Undang-Undang ini dengan mana-mana syarat-syarat yang lain dalam Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan 1911 maka hendaklah diikuti syarat-syarat Undang-Undang ini.

### Meminda Perlembagaan

61. (1) Syarat-syarat berikut di dalam Fasal ini akan terpakai untuk membuat pindaan kepada Undang-Undang ini.

(2) Maka syarat-syarat Undang-Undang ini, selain daripada Fasal/Fasal 3 dan 4, bolehlah, dengan tersyarat kepada Syarat (3), dipindahkan dengan suatu undang-undang Kuasa Undangan Negeri tetapi tidaklah boleh dipinda dengan cara-cara yang lain.

(3) Sesuatu Rang Undang-Undang kerana membuat sesuatu pindaan kepada Undang-Undang ini hendaklah jangan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri melainkan telah disokong pada masa dibaca kali yang Kedua dan yang Ketiganya dengan undi-undi yang tidak kurang daripada dua pertiga daripada jumlah bilangan ahli-ahli Dewan itu.

(3A) Pindaan berikut adalah dikecualikan daripada peruntukan Syarat (3), iaitu—

(a) apa-apa pindaan kepada takrif wilayah Negeri yang dibuat berbangkit daripada undang-undang yang diluluskan mengubah sempadan-sempadan Negeri di bawah Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan yang telah dipersetujui oleh Dewan Undangan Negeri dan Majlis Raja-Raja di bawah Perkara tersebut; dan

(b) apa-apa pindaan untuk menyelaraskan Undang-Undang ini dengan mana-mana peruntukan Jadual Kelapan, tetapi hanya jika pindaan itu dibuat selepas Dewan Undangan Negeri dipilih mengikut Fasal 27.

(4) Di dalam Fasal ini “pindaan” termasuklah tambahan dan pembatalan.

### Pengertian bagi Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan

62. (1) Dengan tidak mencacatkan kepada mana-mana kekuasaan *appeal* atau kekuasaan mengubah hukuman yang ada kepada Mahkamah Persekutuan, jika di dalam mana-mana perbicaraan di hadapan satu mahkamah yang lain maka satu masalah ada berbangkit tentang kekuasaan mana-mana syarat yang ada di dalam Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Negeri maka bolehlah Mahkamah Persekutuan itu, apabila diminta oleh salah satu pihak



di dalam perbicaraan itu, memutuskan masalah itu dan sama ada menyelesaikan perkara itu atau hantarkannya kepada mahkamah lain supaya diselesaikan mengikut ketetapan itu.

(2) Maka bolehlah Duli Yang Maha Mulia merujuk kepada Mahkamah Persekutuan bagi mendapatkan pandangannya akan mana-mana masalah tentang kekuasaan mana-mana syarat yang ada di dalam Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Negeri yang telah berbangkit atau nampak kepada Baginda harus akan berbangkit, dan Mahkamah Persekutuan itu hendaklah mengisytiharkan pendapatnya di dalam mahkamah terbuka di atas mana-mana soalan yang dirujuk kepadaanya itu.

### **Kedaulatan Duli Yang Maha Mulia**

**63.** Melainkan sebagaimana disebut di dalam ini maka Undang-Undang ini tiadalah boleh menyentuh kedaulatan hak-hak dan kuasa Duli Yang Maha Mulia.

### **Syarat-syarat masa peralihan susunan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri**

**64.** (1) Selepas daripada dibubarkan Majlis Mesyuarat Negeri yang akhir, maka Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri hendaklah mengandungi Menteri Besar dan kesemua orang yang menjadi ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sebelum sahaja daripada pembubaran itu tetapi tidaklah boleh orang yang sebegitu terus memegang jawatan itu selepas daripada persidangan yang pertama bagi Dewan Undangan Negeri yang pertama melainkan dianya menjadi seorang daripada ahli Dewan Undangan Negeri itu.

(2) Selepas sahaja dibubarkan Dewan Undangan Negeri yang pertama atau yang kemudian daripadanya maka Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri hendaklah mengandungi Menteri Besar dan kesemua orang yang menjadi ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sebelum sahaja daripada pembubaran Dewan Undangan Negeri itu tetapi tidaklah boleh orang yang sebegitu terus memegang jawatan itu selepas daripada persidangan yang pertama bagi Dewan Undangan Negeri yang baharu itu melainkan dianya menjadi seorang ahli Dewan Undangan Negeri itu.

**Cetakan semula Perlembagaan ini**

65. (1) Pihak berkuasa yang dilantik di bawah undang-undang Negeri bagi maksud menyemak undang-undang boleh, dengan persetujuan Duli Yang Maha Mulia, membenarkan pencetakan salinan Perlembagaan ini, termasuk segala pindaan yang berkuat kuasa pada tarikh kebenaran itu; dan mana-mana salinan Perlembagaan ini yang dicetak sedemikian hendaklah disifatkan bagi segala maksud sebagai salinan yang benar dan betul bagi Perlembagaan ini.

(2) Sesuatu yang dirujuk di dalam mana-mana Undang-Undang, Akta-Akta Parlimen atau Undang-Undang (Enakmen) berkenaan dengan bilangan sesuatu barisan sesuatu Fasal, Syarat atau perenggan Perlembagaan ini hendaklah bermakna barisan di dalam salinan rasmi Perlembagaan ini yang akhir sekali dicetak pada masa diluluskan Undang-Undang, Akta-Akta Parlimen atau Undang-Undang (Enakmen) yang mengandungi sesuatu yang merujuk itu.

**Ucapan Doa**

Mudah-mudahan *Allah Subhanahu Wa Ta'ala*, Tuhan seru sekalian alam, dan dengan berkat Nabi junjungan kita Muhammad *Sallallahu Alaihi Wassalam*, mencucuri rahmat ke atas Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu ini selama-lamanya.

*Amin : Ya Rabbal Alamin.*

Diperbuat di Istana Kita di Kuala Terengganu pada dua puluh satu haribulan *Rabiulawal* tahun 1367 *Hijrah* Nabi *Sallallahu Alaihi Wassalam* bersamaan dengan satu haribulan Februari tahun Masihi 1948, iaitu tahun yang ketiga Kita di atas Takhta Kerajaan.

BAGI MENYAKSIKAN iaitu Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (State Council) telah meluluskan dan menetapkan tambahan pada Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan 1911 adalah saya menurunkan tandatangan saya di bawah ini.

TENGGU MUHAMMAD  
*Menteri Besar*

## JADUAL YANG PERTAMA

KEPADA BAB YANG PERTAMA UNDANG-UNDANG  
BAGI DIRI KERAJAAN

[Fasal 49]

## KELEBIHAN-KELEBIHAN DAN KUASA-KUASA

**Huraian makna**

1. Di dalam Jadual ini terkecuali maksud tujuannya menuju kepada makna yang lain—

“ahli” maknanya ialah seseorang ahli Dewan itu;

“Dewan” maknanya ialah Dewan Undangan Negeri;

“Pegawai Dewan itu” dan “Pegawai” maknanya ialah Kerani Mesyuarat dan mana-mana orang yang dimasyhurkan oleh Yang Dipertua Dewan itu menjadi seorang pegawai bagi Dewan itu;

“peringatan-peringatan” maknanya ialah peringatan-peringatan mesyuarat bagi Dewan itu atau peringatan-peringatan rasmi berkait dengan perjalanan-perjalanannya;

“Perintah-Perintah Tetap” maknanya ialah Peraturan-Peraturan Tetap dan Perintah-Perintah bagi Dewan itu yang pada ketika itu sedang berjalan kuat kuasanya;

“Yang Dipertua Dewan” maknanya Yang Dipertua Dewan yang dilantik menurut di bawah Fasal 27A dan termasuklah mana-mana ahli yang memegang jawatan Yang Dipertua Dewan.

**Kebebasan bercakap dan berbahas**

2. Maka hendaklah ada kebebasan bercakap dan berbahas di dalam perjalanan-perjalanan Dewan itu dan kebebasan bercakap serta berbahas itu tidaklah boleh ditanya atau disoal di dalam mana-mana mahkamah atau mahkamah penyelesaian yang luar daripada Dewan itu.

**Kebebasan ahli-ahli daripada perjalanan-perjalanan mal atau jenayah kerana sebarang perkara yang dibuat atau dikata di dalam Dewan**

3. Tidaklah boleh mana-mana ahli pun dibabitkan di dalam sebarang perbicaraan mal atau jenayah, tangkapan, penjara, atau tuntutan malu yang terbit dari sebab sebarang perkara yang dia harus bawa ke dalam Dewan atau mana-mana jawatankuasa dengan cara rayuan, Rang Undang-Undang, ketetapan, cadangan, atau lainnya, atau berkenaan dengan perkara yang dia telah sebutkan di dalam Dewan atau jawatankuasa itu.

**Kuasa Dewan memerintahkan kehadiran saksi-saksi dan menunjukkan surat-surat keterangan**

4. Dewan itu, dan mana-mana jawatankuasa yang diberi tauliah dengan suatu perintah daripada Dewan supaya memanggil orang, mendapatkan surat-surat keterangan atau kertas-kertas, bolehlah dengan tersyarat kepada syarat-syarat bagi perenggan-perenggan 7 dan 8, memerintahkan sebarang orang supaya hadir di hadapan Dewan itu atau di hadapan jawatankuasa yang tersebut itu, dan supaya memberi keterangan atau menunjukkan sebarang kertas, buku, peringatan atau surat keterangan yang di dalam simpanan atau di bawah jagaan orang yang tersebut itu.

**Kehadiran hendaklah dimaklumkan dengan surat saman**

5. Sebarang perintah kerana hadir, kerana memberi keterangan atau kerana menunjukkan surat-surat keterangan di hadapan Dewan itu atau di hadapan jawatankuasa itu hendaklah diberitahu kepada orang yang dikehendaki hadir atau menunjukkan surat keterangan itu, dengan saman yang ditandatangani oleh Kerani Mesyuarat yang dikeluarkan dengan perintah Yang Dipertua Dewan itu, dan di dalam tiap-tiap saman yang sebegitu hendaklah disebutkan masa dan tempat orang yang dipanggil itu dikehendaki hadir dan surat keterangan yang tertentu yang dikehendakkan ia bawa, dan saman-saman itu hendaklah dihantar kepada orang yang tersebut namanya di dalam saman-saman itu, sama ada diserahkan satu salinan daripadanya atau dengan meninggalkan satu salinan daripada saman itu di tempat kediamannya yang dia biasa tinggal atau yang akhir sekali diketahui dia tinggal dengan diserahkan kepada siapa-siapa orang yang dewasa, dan hendaklah dibayar atau diberi kepada orang yang disaman itu jika dianya tinggal di luar daripada kawasan enam batu daripada tempat Dewan itu akan seberapa jumlah wang untuk perbelanjaannya sebagaimana yang harus ditetapkan oleh mana-mana perintah tetap bagi maksud itu.

**Pemeriksaan saksi-saksi dengan bersumpah**

6. Dewan itu atau mana-mana jawatankuasa bolehlah berkehendakkan supaya mana-mana hal, perkara, dan perkara-perkara yang berkait dengan perkara pemeriksaan di dalam Dewan itu atau jawatankuasa yang sebegitu disahkan atau pun ditahqiqkan dengan pemeriksaan saksi-saksi itu dengan mulut, dan bolehlah menyebabkan supaya mana-mana saksi yang sebegitu diperiksakan dengan bersumpah yang boleh dijalankan oleh Yang Dipertua Dewan itu atau pengerusi jawatankuasa itu atau oleh orang yang dilantikkan khas bagi maksud itu.

**Perkecualian daripada menjawab soalan-soalan atau menunjukkan surat-surat keterangan**

7. Jika mana-mana orang yang diperintah supaya hadir kerana memberi keterangan atau menunjukkan sebarang kertas, buku, rekod atau surat keterangan di hadapan Dewan itu atau mana-mana jawatankuasa itu ingkar daripada menjawab sebarang soalan yang harus dihadapkan kepadanya atau ingkar

daripada menunjukkan sebarang kertas, buku, rekod atau surat keterangan yang sebegitu dengan alasan bahawa benda-benda itu ialah barang-barang sulit seseorang (*private*) dan tidak mengenai dengan perkara yang di dalam penyiasatan itu, maka bolehlah Yang Dipertua Dewan itu atau pengerusi jawatankuasa itu (mana-mana satu yang berkenaan) merepotkan keingkaran itu bersekali dengan sebab-sebab baginya, dan pada ketika itu bolehlah Dewan itu memberi kebenaran melepaskan orang yang tersebut itu daripada terkena menjawab soalan yang tersebut itu atau pun menunjukkan kertas, buku, rekod, atau surat keterangan yang sebegitu ataupun bolehlah memerintahkan supaya diberi jawapan atau ditunjukkan benda-benda itu.

#### **Kelebihan-kelebihan bagi saksi-saksi**

8. (1) Tiap-tiap orang yang diperintah supaya hadir, supaya memberi keterangan atau supaya menunjukkan sebarang kertas, buku, rekod atau surat keterangan di hadapan Dewan itu atau mana-mana jawatankuasa hendaklah berhak, bagi perkara yang berkait dengan keterangan itu atau pembukaan sebarang surat atau menunjukkan sebarang kertas, buku, rekod, atau surat keterangan yang sebegitu, kepada hak atau kebebasan yang sama seperti di hadapan sesebuah mahkamah undang-undang.

(2) Tidaklah boleh seseorang pegawai kerajaan itu—

- (a) menunjukkan di hadapan Dewan itu atau mana-mana jawatankuasa akan sebarang kertas, buku, rekod atau surat keterangan yang sebegitu; atau
- (b) memberi keterangan di atas sebarang perkara yang sebegitu di hadapan Dewan itu atau mana-mana jawatankuasa;

iaitu yang berkait dengan surat-surat bagi mana-mana jabatan tentera laut, tentera darat, tentera udara atau jabatan awam (sivil) atau yang berkait kepada mana-mana perkara yang mengenai dengan perkhidmatan kerajaan, terkecuali dengan persetujuan Yang di-Pertuan Agong di dalam perkara jabatan-jabatan tentera laut, tentera darat, tentera udara atau jabatan bagi Kerajaan Persekutuan, ataupun dengan persetujuan Duli Yang Maha Mulia atau Yang di-Pertua Negeri, mana-mana satu yang berkenaan, di dalam perkara sesebuah jabatan Negeri begitu juga tidaklah boleh diterima atau ditunjukkan kepada Dewan itu atau kepada mana-mana jawatankuasa itu akan keterangan yang beralas mulut atau salinan bagi berkenaan kandungan-kandungan mana-mana kertas, buku, rekod, atau surat keterangan yang sebegitu.

#### **Surat akuan Yang Dipertua Dewan yang seseorang saksi itu telah menjawab soalan-soalan yang dihadapkan kepadanya oleh Dewan**

9. Tiap-tiap orang saksi yang datang di hadapan Dewan itu atau di hadapan sesuatu jawatankuasa yang menjawab dengan penuh dan dengan betul benar akan sebarang soalan-soalan yang dihadapkan kepadanya oleh Dewan itu atau oleh jawatankuasa yang tersebut itu sehingga memuaskan hatinya hendaklah berhak mendapat suatu surat akuan yang dikeluarkan di bawah tandatangan

Yang Dipertua Dewan itu atau pengerusi jawatankuasa itu, menyatakan bahawa saksi itu telah dikehendaki menjawab di dalam pemeriksaannya dan telah menjawab akan soalan-soalan yang tersebut itu.

**Tegahan memberi keterangan di luar daripada Dewan akan sebarang keterangan di dalam Dewan dengan tiada kebenaran Dewan**

10. Tidaklah boleh mana-mana ahli atau pegawai bagi Dewan itu dan tidaklah boleh penulis surat trengkas yang bekerja mengambil peringatan-peringatan bagi keterangan yang diberi di hadapan Dewan itu atau mana-mana jawatankuasa itu, memberi keterangan di tempat yang lain di dalam perkara kandungan-kandungan bagi keterangan yang sebegitu atau di dalam perkara kandungan-kandungan bagi mana-mana tulisan peringatan atau surat keterangan yang dibentangkan di dalam Dewan itu atau mana-mana jawatankuasa atau berkait dengan sebarang perjalanan-perjalanan atau pemeriksaan yang dijalankan di dalam Dewan Undangan itu atau mana-mana jawatankuasa itu dengan tidak mendapat kebenaran yang khas daripada Dewan itu terlebih dahulu. Maka kebenaran yang khas itu bolehlah diberi selepas daripada pembubaran atau di dalam masa keberhentikan atau penangguhan oleh Yang Dipertua Dewan atau di dalam masa ketiadaannya atau sebab yang lain oleh Kerani Mesyuarat itu.

**Peringatan-peringatan mesyuarat Dewan boleh diterima sebagai keterangan**

11. Tatkala dibuat sebarang pertanyaan yang menyentuh hak-hak kebebasan, kelebihan-kelebihan dan kuasa-kuasa bagi Dewan itu atau bagi mana-mana ahli, maka sebarang salinan peringatan-peringatan yang dicetak atau yang dimaknakan sebagai telah dicetak oleh Pencetak Kerajaan atau oleh atau dengan tauliah daripada Dewan itu hendaklah diterima sebagai keterangan bagi peringatan-peringatan yang sebegitu di dalam semua mahkamah-mahkamah dan tempat-tempat dengan tidak payah diberi keterangan alasan lagi bagi menunjukkan bahawa salinan itu telah dicetakkan sedemikian itu.

**Surat akuan Yang Dipertua Dewan menjadi suatu keterangan jawapan di dalam perbicaraan-perbicaraan yang dijalankan berkait dengan permasyhuran Dewan itu**

12. Sebarang orang yang menjadi orang yang melawan tuduhan di dalam sebarang perbicaraan mal atau jenayah yang dijalankan kerana atau berkait dengan pengeluaran oleh orang itu atau oleh orang gajinya dengan perintah atau dengan tauliah daripada Dewan itu atau daripada mana-mana jawatankuasa, akan sebarang penyata-penyata, kertas-kertas, peringatan-peringatan, suara-suara undi, atau perjalanan-perjalanan mesyuarat itu bolehlah, setelah memberi dua puluh empat jam notis yang bertulis memberitahu akan maksudnya itu kepada orang yang mendakwa atau pendakwa (mana-mana satu yang berkenaan), membawa ke dalam mahkamah yang perbicaraan mal atau jenayah itu dijalankan akan suatu surat akuan yang dibuat di bawah tandatangan Yang Dipertua Dewan itu atau Kerani Mesyuarat menyatakan bahawa penyata-penyata, kertas-kertas, peringatan-peringatan, suara-suara undi, atau perjalanan-perjalanan mesyuarat

yang berkaitan dengannya perbicaraan mal atau jenayah itu dijalankan telah dikeluarkan oleh orang yang tersebut itu atau oleh orang gajinya itu dengan perintah atau dengan tauliah daripada Dewan itu atau mana-mana jawatankuasa, bersekali dengan suatu surat ikrar yang mengesahkan di atas surat pengakuan yang tersebut itu, dan Mahkamah itu pada ketika itu hendaklah dengan sertamerta memberhentikan perbicaraan mal atau jenayah itu dan perkara itu serta tiap-tiap perjalanan yang dibuat di dalamnya hendaklah disifatkan sebagai telah diputuskan dengan muktamad.

#### **Pengeluaran-pengeluaran yang dibenarkan**

13. Di dalam mana-mana perbicaraan mal dan jenayah yang dijalankan kerana pengeluaran sebarang cabutan atau ringkasan mana-mana penyata, kertas, peringatan-peringatan, suara-suara undi atau perjalanan-perjalanan mesyuarat yang sebegitu, sebagaimana yang telah tersebut di dalam syarat yang di atas ini, jika mahkamah itu atau pun juri (mana-mana satu yang berkenaan) puas hati yang cabutan atau ringkasan yang sebegitu telah dimasyhurkan dengan sebenar-benarnya dan bukan dengan sebab sakit hati, maka hukuman atau keputusan (mana-mana satu yang berkenaan) hendaklah diberi bagi orang yang melawan atau orang yang dituduh itu.

#### **Yang Dipertua Dewan mengambil perjalanan dengan tidak menghiraukan pembubaran atau keberhentian Dewan**

14. Maka bagi maksud-maksud Jadual ini, orang yang memenuhi akan jawatan Yang Dipertua Dewan pada masa keberhentian atau pembubaran Dewan itu hendaklah disifatkan menjadi Yang Dipertua Dewan sehingga kepada masa Dewan itu dipanggil semula ataupun sehingga seorang yang lain telah dilantik menjadi Yang Dipertua Dewan itu menurut sebagaimana syarat-syarat di dalam bahagian ini, yang mana satu dahulu.

---

UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU

(BAB YANG KEDUA)

---

PERINTAH DALAM MAJLIS MESYUARAT

---

ISMAIL

(MOHOR NEGERI)

*Bismillahirrahmannirrahim*

*Alhamdulillah Rabbil Alamin, Wassolatu wassalam ala Saidina Muhammad wa ala Alihi Wasahbihi ajmain.*

AL-WATHIQU BILLAH, ISMAIL NASIRUDDIN SHAH, C.M.G. IBNI AL-MARHUM SULTAN ZAINAL 'ABIDIN, Yang di-Pertuan Negeri Terengganu serta segala jajahan takluknya:

BAHAWA OLEH KERANA BETA, pada dua puluh satu hari bulan *Rabiulawal*, tahun *Hijrah Nabi Sallallahu Alaihi Wassalam* seribu tiga ratus enam puluh tujuh (1367) bersamaan dengan satu haribulan Februari tahun Masihi seribu sembilan ratus empat puluh lapan (1948) telah mengurnia dan mengeluarkan tambahan kepada Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu 1911 dinamakan dia Tambahan Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu 1367, dengan menyimpan bagi diri Beta dan Ganti-Ganti Beta kuasa memasyhurkan dan mengundang lagi Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu dan meminda serta membatalkan syarat-syarat Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu sebagaimana yang ada tersebut di dalamnya:

Dan OLEH KERANA BETA fikirkan sekarang ini patut dimasyhur dan diperintah mengadakan lagi tambahan kepada Tambahan Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu 1367:

OLEH YANG DEMIKIAN ITU SEKARANG BETA, dengan hak-hak dan kuat kuasa kelebihan Beta Sultan dan Yang di-Pertuan Negeri Terengganu, dengan nasihat dan persetujuan Jemaah Menteri Beta setelah berunding dengan Majlis Mesyuarat Kerajaan dan dengan bantuan dan persetujuan Majlis Mesyuarat Negeri yang telah nyata dengan ketetapan yang telah diluluskan di dalam Majlis Mesyuarat Negeri itu pada 25 haribulan *Syawal* tahun *Hijrah Nabi Sallallahu Alaihi Wassalam* 1369 bersamaan dengan 9 haribulan Ogos tahun 1950 DENGAN INI MENYATAKAN



DAN PERINTAHKAN dengan nama dan bagi pihak Beta dan bagi pihak Waris-Waris Ganti Beta sebagaimana yang tersebut di bawah ini:

#### UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN

#### **Tambahan kepada Tambahan Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu 1367**

1. (1) Undang-Undang ini ialah Tambahan kepada Tambahan Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu 1367, yang mana dengan ditambah dan diluaskan dengan Undang-Undang ini berjalan kuat kuasa dengan sepenuhnya.

#### **Gelaran ringkas dan permulaan**

(2) Undang-Undang ini bolehlah digelar Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Kedua), dan hendaklah berjalan kuat kuasanya dengan serta-merta dan hendaklah dibaca dengan Tambahan Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu 1367 dan Perlembagaan Persekutuan.

#### **Kuasa-kuasa meminda**

2. (1) Syarat-syarat yang berikut di dalam Fasal ini hendaklah mempunyai kuasa berkenaan dengan pindaan mana-mana atau segala Fasal-Fasal di dalam Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan (Bab Yang Kedua).

(2) Syarat-syarat mengenai—

- (a) ganti menaiki takhta dan kedudukan pangkat-pangkat kebesaran mengikut adat Melayu;
- (b) pelantikan dan segala yang berkenaan dengan seorang bakal Raja atau bakal-bakal Raja yang akan menaiki takhta, Isteri Raja atau Pemangku Raja atau ahli-ahli Majlis Pemangku Raja Negeri ini;
- (c) perkara membuang, mengundur diri atau turunnya Raja atau bakal Raja atau bakal-bakal Raja;
- (d) pelantikan dan segala yang berkenaan dengan pangkat-pangkat kebesaran mengikut adat Melayu, Dewan Pangkuan Diraja Terengganu dan ahli-ahli Majlis Agama dan Adat Melayu atau badan-badan yang serupa itu;

- (e) menubuh, mengatur, menetapkan dan melucutkan pangkat-pangkat mengikut adat Melayu, gelaran-gelaran, kehormatan-kehormatan, kebesaran-kebesaran dan kurniaan-kurniaan serta segala yang berkenaan dengan orang yang mendapatnya dan peraturan balai-balai dan istana-istana diraja,

bolehlah dipinda oleh Duli Yang Maha Mulia dengan pemasyhuran yang dikeluarkan oleh Baginda setelah berunding dengan Dewan Pangkuan Diraja Terengganu, tetapi tidaklah boleh dipinda dengan sebarang cara-cara yang lain.

(3) Sebarang syarat-syarat yang lain bolehlah, tertakluk kepada syarat-syarat Fasal ini, dipinda oleh suatu undang-undang Kuasa Undangan Negeri, tetapi tidaklah boleh dipinda dengan sebarang cara-cara yang lain.

(4) Sesuatu Rang Undang-Undang kerana membuat sesuatu pindaan kepada mana-mana syarat-syarat di dalam Bab ini, lain daripada syarat-syarat yang tersebut di dalam Syarat (2), tidaklah boleh diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri melainkan telah disokong pada Bacaan Kali Yang Kedua dan Yang Ketiganya dengan undi-undi yang tidak kurang daripada dua pertiga dari jumlah bilangan ahli-ahlinya.

(5) Di dalam Fasal ini perkataan “pinda” termasuklah tambahan dan pembatalan.

### **Makna**

3. (1) Di dalam Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu, melainkan maknanya mengenai kepada makna yang lain—

- (i) “Sultan” maknanya Raja yang sedang memerintah, yakni Duli Yang Maha Mulia Sultan Yang di-Pertuan Besar bagi Negeri Terengganu serta jajahan takluknya;
- (ii) “Waris Ganti” maknanya seorang yang dilantikkan menurut syarat-syarat Fasal 17 Undang-Undang ini menjadi Bakal Ganti Sultan yang sedang memerintah, dengan gelaran Yang Teramat Mulia Yang di-Pertuan Muda, atau lain-lain gelaran yang dimasyhurkan di dalam *Warta Kerajaan*;

- (iii) "Waris Yang Pertama" maknanya putera yang tua sekali bagi Sultan yang sedang memerintah, atau jikalau putera yang tua sekali itu dilantikkan menjadi Waris Ganti maka maknanya putera yang kedua bagi Sultan yang sedang memerintah itu;
- (iv) "Waris-Waris Yang Kedua" maknanya putera-putera bagi Sultan yang sedang memerintah yang lain daripada Waris Ganti atau Waris Yang Pertama, atau jika tidak ada putera-putera yang sedemikian itu, maka termasuklah Waris-Waris yang terlebih hampir menurut Hukum Syarak dengan Sultan yang sedang memerintah itu;

*Misalnya:*

- (a) Sultan itu ada lima orang putera: putera yang tua sekali ialah Waris Yang Pertama dan lainnya Waris-Waris Yang Kedua. Jika putera yang tua sekali itu dijadikan Waris Ganti maka putera yang kedua menjadi Waris Yang Pertama.
- (b) Sultan itu tidak ada putera tetapi ada cucunda-cucunda keturunan sebelah lelaki; mereka itu ialah Waris-Waris Yang Kedua.
- (c) Sultan itu ada dua orang putera, yang tuanya telah menjadi Waris Ganti; dan dia tidak ada cucunda atau keturunan zuriat sebelah lelaki yang lebih jauh daripada itu tetapi ada saudara-saudara lelaki sebelah ayahandanya, maka mereka itu ialah Waris Yang Kedua.
- (d) Sultan itu tiada putera atau cucunda-cucunda lelaki keturunan sebelah lelaki tetapi ada saudara-saudara lelaki; maka saudara yang tua sekali itu menjadi Waris Yang Pertama.
- (v) "Waris-Waris Yang Am" termasuklah sekalian waris-waris lelaki yang lain yang berketurunan daripada Sultan-Sultan yang dahulu;
- (vi) "Dewan Pangkuan Diraja Terengganu" maknanya ialah orang yang menjadi badan yang dipanggil di dalam bahasa Inggeris "*the Supporters of the State*" dan ditubuhkan menurut Syarat 19 Bab ini;
- (vii) "*mukallaf*" maknanya seseorang sudah mencapai umur lapan belas tahun dan sempurna akal nya.

Sub Tr. Pu 7/10  
26/8/2010

(2) Kecuali apabila pengertian mana-mana perkataan atau sebutan diadakan khas oleh Undang-Undang ini, maka syarat-syarat Fasal 2 di dalam Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama) hendaklah dipakai kerana mentafsirkan seperti dipakainya kerana mentafsirkan Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama).

(3) Dengan tiada mencatitkan sebarang kekuasaan *appeal* atau ulang bicara Mahkamah Persekutuan, apabila di dalam mana-mana perbicaraan di hadapan sebarang mahkamah yang lain suatu soal berbangkit berkenaan dengan kesan kuasa mana-mana syarat Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan, bolehlah Mahkamah Persekutuan itu, dengan permintaan salah satu pihak yang di dalam perbicaraan itu, menentukan soal itu dan sama ada menyelesaikan perkara itu atau pun menghantarkannya ke mahkamah lain supaya diselesaikan mengikut ketentuan itu.

(4) Duli Yang Maha Mulia bolehlah merujuk kepada Mahkamah Persekutuan kerana mendapatkan fikirannya mana-mana soal berkenaan dengan kesan kuasa sebarang syarat Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Negeri ini yang telah berbangkit atau nampak kepada Baginda harus akan berbangkit, dan Mahkamah Persekutuan itu hendaklah menerangkan di dalam mahkamah terbuka akan pendapatnya mengenai mana-mana soal yang dirujuk kepadanya sedemikian itu.

## SULTAN

### **Kaedah *itlak* Sultan**

4. Duli Yang Maha Mulia itu ialah Raja dan yang memiliki sekalian kuasa Kerajaan di dalam Negeri Terengganu dan sekalian jajahan takluknya dan ialah ketua di atas segala pangkat dan darjat di dalam Negeri dan Kerajaannya.

### **Syarat-syarat Sultan**

5. Maka Sultan yang memerintah Kerajaan Terengganu hendaklah selama-lamanya daripada lelaki yang beragama Islam dan daripada bangsa Melayu dan yang berketurunan sebelah pihak lelaki daripada Sultan-Sultan Terengganu dikecualikan Sultan yang dipilih menurut di bawah syarat Fasal 9 kepada Undang-Undang ini.

**Pelantikan Sultan**

6. (1) Dengan serta-merta lepas daripada mangkat seorang Sultan ataupun ia menarik diri atau diturunkan ia daripada takhta Kerajaan maka seorang Gantinya hendaklah dipilih dan dilantikkan oleh Dewan Pangkuan Diraja Terengganu dan pelantikan yang sebegitu hendaklah dimasyhurkan dengan serta-merta kepada penduduk-penduduk Negeri dan Ganti yang tersebut hendaklah kemudiannya ditabalkan menjadi Sultan menurut adat istiadat Negeri.

(2) Seseorang itu tiadalah layak menjadi Sultan jikalau ia ditimbangkan dan ditetapkan oleh Dewan Pangkuan Diraja Terengganu, ada kecacatan yang besar yang menyalahi sifat Raja seperti gila, buta, bisu ataupun mempunyai sifat-sifat kekejian yang tiada dibenarkan oleh Syarak menjadi Sultan atau Raja:

Dengan syarat iaitu tidaklah boleh sekali-kali disifatkan seseorang itu ada kecacatan yang besar dengan semata-mata sebab ia belum cukup umur. atau sekiranya . . . . .

S Tr. P47/10  
16/8/16

(3) (a) Bagi maksud memilih dan melantik Ganti yang sebegitu, hendaklah Dewan Pangkuan Diraja Terengganu memanggil mesyuarat Dewan Pangkuan Diraja Terengganu dengan jalan pemberitahu yang bertulis atau lainnya oleh Setiausaha kepada tiap-tiap ahli pada masa dan di tempat yang disebutkan di dalam pemberitahu itu dan wajiblah bagi tiap-tiap ahli itu menghadiri pada masa dan di tempat yang disebutkan itu melainkan ia mendapat kebenaran daripada Dewan Pangkuan Diraja Terengganu kerana tidak hadir dengan sebab-sebab yang Dewan Pangkuan Diraja Terengganu itu fikirkan cukup dan munasabah.

(b) Tiadalah sesuatu keputusan Dewan Pangkuan Diraja Terengganu itu menjadi sah dan terikat melainkan sekurang-kurangnya dua pertiga daripada ahli Dewan Pangkuan Diraja Terengganu yang hadir dan mengundi itu bersetuju di atasnya.

(c) Tiadalah sesuatu keputusan Dewan Pangkuan Diraja Terengganu itu menjadi tidak sah hanya dengan sebab seorang ahli Dewan Pangkuan Diraja Terengganu tiada hadir sama ada yang ia tiada hadir itu telah dibenarkan oleh Dewan Pangkuan Diraja Terengganu atau tidak:

Dipersyaratkan iaitu mana-mana ahli Dewan Pangkuan Diraja Terengganu yang tiada hadir dengan tiada mendapat kebenaran daripada Dewan Pangkuan Diraja Terengganu yang tersebut di

dalam Fasal ini hendaklah dengan serta-merta terlucut haknya kepada apa-apa gelaran, atau kehormatan yang dikurniakan ke atasnya oleh Duli Yang Maha Mulia dan segala imbuhan-imbuhan yang bersangkutan-paut dengan itu, melainkan dan sehingga hal yang ia tiada hadir itu telah diakui oleh Dewan Pangkuan Diraja Terengganu ialah disebabkan oleh hal-hal keadaan yang pada fikiran Dewan Pangkuan Diraja Terengganu ialah hal-hal keadaan yang tidak dapat dielak.

(d) Sesuatu mesyuarat Dewan Pangkuan Diraja Terengganu yang dipanggil dan dijalankan kerana maksud memilih seorang Ganti Sultan mestilah mencapai keputusannya dengan suara yang terbanyak sekurang-kurangnya dua pertiga daripada ahli-ahli Dewan Pangkuan Diraja Terengganu yang hadir, kesemuanya mesti mengundi, dan keputusan mereka itu hendaklah ditandatangani oleh sekalian yang hadir dan menjadi keputusan yang muktamad:

Dipersyaratkan iaitu jika sekiranya tiada jalan hendak mencukupkan cukup bilangan *quorum* yang dikehendaki oleh Syarat (3) Fasal 24 maka, dengan tiada menghiraukan ketiadaan suatu cukup bilang bolehlah dibuat suatu keputusan dengan hanya suara yang terbanyak daripada ahli-ahli Dewan Pangkuan Diraja Terengganu yang hadir ketika itu, kesemuanya mereka itu mestilah mengundi, dan bolehlah orang yang mempengerusikan mesyuarat itu, dengan hal yang demikian, menjalankan suatu undi pemutus. Maka keputusan mereka itu yang diperbuat sedemikian itu hendaklah ditandatangani oleh sekalian yang hadir dan menjadi keputusan yang muktamad.

### **Keturunan-keturunan Al-Sultan Mizan Zainal 'Abidin**

7. (1) Sultan yang kemudian daripada Sultan yang sedang memerintah mestilah daripada keturunan zuriat lelaki Al-Sultan Mizan Zainal 'Abidin, Yang di-Pertuan Besar ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, iaitu, segala nasalnya yakni segala keturunannya daripada sebelah lelaki yang diakui dengan sebenarnya maka tiada lulus dan tiada sah sekali-kali diterima Sultan yang lain daripada keturunan Al-Sultan Mizan Zainal 'Abidin, Yang di-Pertuan Besar ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah.

(2) Bagi menetapkan dan melantikkan seorang Ganti kepada seorang Sultan yang sudah mangkat atau seorang Sultan yang telah berhenti menjadi Sultan di bawah syarat Fasal 12 atau 13 atau perenggan (ii) Syarat (1) Fasal 15 maka Dewan Pangkuan Diraja

Terengganu hendaklah menimbangkan mula-mulanya pelantikan itu kepada Waris Ganti. Jika tidak ada Waris Ganti ataupun jika Waris Ganti itu disifatkan tidak layak menaiki takhta Kerajaan menurut Syarat (2) pada Fasal 6 Undang-Undang ini maka Dewan Pangkuan Diraja Terengganu hendaklah menimbangkan pula Waris Yang Pertama. Jika sekiranya tidak ada Waris Yang Pertama atau pun jika Waris Yang Pertama itu disifatkan tidak layak menggantikan maka Dewan Pangkuan Diraja Terengganu hendaklah pula menimbangkan Waris-Waris Yang Kedua, diambil yang tua dahulu kemudian baharu yang muda. Jika sekiranya tidak ada Waris Yang Kedua ataupun tidak ada waris Yang Kedua yang disifatkan layak menggantikan maka Dewan Pangkuan Diraja Terengganu hendaklah pula menimbangkan Waris-Waris Yang Am dengan memandangkan kepada Waris-Waris yang lebih hampir menurut hukum Syarak sebelum ditimbangkan kepada yang lebih jauh dan di dalam tiap-tiap satu pangkat keturunan hendaklah diambil yang tua dahulu kemudian baharu yang muda.

(3) Di dalam perkara menimbangkan pelantikan seorang Ganti kepada seorang Sultan yang telah diturunkan daripada Kerajaan menurut perenggan (i) Syarat (1) Fasal 15 maka Dewan Pangkuan Diraja Terengganu hendaklah menimbangkan seorang Ganti menurut susunan yang telah ditetapkan di dalam Syarat (2) di atas dikecualikan putera-putera Sultan yang telah diturunkan daripada Kerajaan itu tidaklah berhak kepada apa-apa keutamaan di antara lain-lain Waris yang lain daripada Waris Yang Am.

### **Ketiadaan keturunan-keturunan Al-Sultan Mizan Zainal 'Abidin**

8. (1) Jikalau pada sesuatu masa telah habis dan tiada tinggal lagi keturunan lelaki zuriat Al-Sultan Mizan Zainal 'Abidin, Yang di-Pertuan Besar ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, atau jikalau ada pun tetapi tidak layak menjadi Sultan oleh kerana sebarang sebab-sebab kecacatan yang tersebut dalam Syarat (2) pada Fasal 6 Undang-Undang ini, maka ketika itu hendaklah dipilih dan diangkatkan menjadi Sultan seorang lelaki yang sah diakui daripada keturunan zuriat Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah.

(2) Jikalau pada sesuatu masa telah habis dan tiada tinggal lagi keturunan lelaki zuriat Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, atau jikalau ada pun tetapi tidak layak menjadi

Sultan oleh kerana sebarang sebab-sebab kecacatan yang tersebut dalam Syarat (2) pada Fasal 6 Undang-Undang ini, maka ketika itu hendaklah dipilih dan diangkat menjadi Sultan seorang lelaki yang sah dan diakui daripada keturunan zuriat Al-Marhum Sultan Ismail Nasiruddin Shah.

(3) Jikalau pada sesuatu masa telah habis dan tiada tinggal lagi keturunan lelaki zuriat Al-Marhum Sultan Ismail Nasiruddin Shah, atau jikalau ada pun tetapi tidak layak menjadi Sultan oleh kerana sebarang sebab-sebab kecacatan yang tersebut dalam Syarat (2) pada Fasal 6 Undang-Undang ini, maka ketika itu hendaklah dipilih dan diangkat menjadi Sultan seorang lelaki yang sah dan diakui daripada keturunan-keturunan zuriat Sultan-Sultan yang dahulu daripadanya dengan menimbangkan mula-mulanya keturunan-keturunan Sultan Zainal 'Abidin Yang Ketiga dan kemudiannya keturunan zuriat satu-satu Sultan yang dahulu daripadanya lepas seorang seorang demikianlah bertiti-bertiti daripada segala zuriat-zuriat Sultan yang memiliki dan memerintah Negeri Terengganu hingga sampai kepada Sultan Zainal 'Abidin Yang Pertama.

#### **Ketiadaan semuanya keturunan Sultan**

9. Maka jikalau ketiadaanlah pula daripada sekalian keturunan yang tersebut dalam Fasal-Fasal 7 atau 8 Undang-Undang ini ataupun jika ada tetapi tidak layak dijadikan Sultan, maka mereka yang dipilih menjadi Sultan itu hendaklah seorang lelaki yang cukup umurnya dan sempurna akalunya dan tidak pula tertakluk kepada apa-apa kecacatan yang disebutkan di dalam Syarat (2) pada Fasal 6 Undang-Undang ini, yang beragama Islam daripada bangsa Melayu Terengganu dan rakyat Raja dan daripada daging darah yang baik dan baik pengetahuannya dan mempunyai perangai yang baik dan tingkah laku yang kepujian.

#### **Sultan belum cukup umur**

10. (1) Maka adalah Sultan itu, jikalau dia menjadi Sultan sebelum *mukallaf*, hendaklah disifatkan dia itu tidak cukup umur sehingga dia *mukallaf*, dan dalam masa yang dia tidak cukup umur itu, hendaklah dilantik suatu Majlis Pemangku Raja.

(2) Majlis Pemangku Raja itu hendaklah terdiri daripada tidak kurang daripada dua orang dan tidak lebih daripada tujuh orang



ahli yang hendaklah daripada orang Melayu, beragama Islam dan rakyat Raja tetapi tidak termesti kesemuanya berdarah Raja.

(3) Ahli-ahli Majlis Pemangku Raja hendaklah dipilih oleh Dewan Pangkuan Diraja Terengganu atau dengan suara ramai daripadanya, dan hendaklah dilantik dengan Surat Cara dan dibubuh Mohor Negeri ditandatangani oleh sekurang-kurangnya tiga orang ahli Dewan Pangkuan Diraja Terengganu, dan lantikan itu hendaklah dimasyhurkan dalam *Warta*.

(4) Jika didapati oleh Dewan Pangkuan Diraja Terengganu atau dengan suara ramai daripada Dewan Pangkuan Diraja Terengganu itu bahawa mana-mana ahli Majlis Pemangku Raja tidak layak lagi menjadi ahli Majlis Pemangku Raja maka dia hendaklah dipecatkan daripada jawatannya sebagai ahli Majlis Pemangku Raja dan ahli lain hendaklah dilantik menjadi gantinya.

### **Perbuatan-perbuatan Sultan yang belum cukup umur**

11. Segala perbuatan Sultan di dalam perkara Negeri pada masa yang dia belum cukup umur hendaklah dijalankan oleh Majlis Pemangku Raja bagi pihak Sultan itu dan, jika perbuatan-perbuatan itu menjadi berlawanan dengan adat dan istiadat Negeri ataupun berlawanan dengan Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu, maka Dewan Pangkuan Diraja Terengganu atau bilangan yang ramai daripadanya bolehlah memecatkan semua ahli Majlis Pemangku Raja itu dan melantik ahli lain menjadi ganti mereka.

### **Sepeninggalan Sultan**

12. (1) Jika Sultan itu telah berangkat meninggalkan Negeri terus selama dua tahun maka pada bila-bila masa lepas daripada itu dalam sepeninggalan yang tersebut Dewan Pangkuan Diraja Terengganu atau bilangan yang ramai daripadanya bolehlah memasyhurkan yang peninggalannya yang berlamaan itu bukanlah dengan sebab-sebab yang cukup dan munasabah dan tatkala itu Sultan itu hendaklah disifatkan telah menarik diri daripada menjadi Raja dan melucutkan segala hak-hak dan kuasanya dan Syarat-Syarat (3), (4), (5) dan (6) di dalam Fasal 13 Undang-Undang ini berjalanlah kuat kuasanya samalah seperti Sultan itu telah menarik diri di bawah Syarat (1) Fasal itu.

(2) Tiadalah apa-apa yang terkandung di dalam Fasal ini yang akan terpakai kepada Sultan semasa Baginda memegang jawatan atau menjalankan tanggungan-tanggungan Yang di-Pertuan Agong.

### **Sultan terhenti menjalankan kewajipan-kewajipannya sebagai Sultan**

**12A.** (1) Jika Sultan dipertuduh atas sesuatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang dalam Mahkamah Khas yang ditubuhkan di bawah Bahagian XV Perlembagaan Persekutuan, Baginda hendaklah terhenti menjalankan kewajipan-kewajipan Sultan.

(2) Jika Sultan disabitkan atas suatu kesalahan dalam Mahkamah Khas dan dijatuhi hukuman pemenjaraan selama tempoh lebih daripada satu hari, Baginda hendaklah berhenti menjadi Sultan melainkan jika Baginda menerima pengampunan.

### **Menarik diri daripada menjadi Raja**

**13.** (1) Maka Sultan itu bolehlah menarik diri dengan suka hati Baginda daripada menjadi Raja dan melepaskan hak-hak dan kuasa-kuasa Baginda jikalau Baginda berkehendak dan bolehlah dia bersemayam di mana-mana tempat yang disukainya sama ada di dalam Negeri Terengganu atau di mana-mana negeri yang tiada berseteruan dengan Kerajaan Negeri Terengganu.

(2) Jikalau pada masa Raja itu menarik diri daripada menjadi Raja dia ada bersemayam di dalam Negeri maka perbuatan menarik diri hendaklah diperbuat dengan surat yang bertandatangan dan dibubuh Mohor Kerajaan dan surat yang demikian itu hendaklah disaksikan oleh sekurang-kurangnya tiga orang ahli-ahli Dewan Pangkuan Diraja Terengganu dan hendaklah mereka itu hadir tatkala Raja menyain surat itu.

(3) Jikalau pada masa Sultan hendak menarik diri daripada menjadi Raja Baginda tiada bersemayam di dalam Negeri maka perbuatan menarik diri daripada menjadi Raja itu hendaklah diakui dan diterangkan dengan surat yang dibubuh Mohor Negeri dan disain oleh tidak kurang daripada lima orang ahli-ahli Dewan Pangkuan Diraja Terengganu.

(4) Apakala telah diperbuat surat tarik diri daripada menjadi Raja, maka Sultan itu hendaklah disifatkan bukan lagi Sultan dan disifatkan telah melepaskan hak-hak dan kuasanya sebagai Sultan dan tuntutan-tuntutannya di atas Negeri dan tiadalah boleh campur atau ganggu dalam sebarang perkara pemerintahan Negeri melainkan dengan titah Duli Yang Maha Mulia dalam Mesyuarat.

(5) Surat menarik diri daripada menjadi Raja itu hendaklah dimasyhurkan di dalam *Warta Kerajaan* dan diberi ketahu kepada penduduk-penduduk di dalam Negeri dengan seberapa segeranya.

(6) (1) Maka seorang Sultan yang telah menarik dirinya daripada menjadi Raja adalah berhak kepada suatu elaun selagi ada hayatnya, sebanyak yang akan ditetapkan oleh ketetapan Dewan Undangan Negeri dan akan dibayar daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan dan elaun itu tidaklah boleh kurang daripada satu pertiga daripada jumlah yang ditentukan bagi *mushaharahnya* yang akhir sebelum dia menarik diri dengan syarat iaitu jika dia memilih hendak bersemayam dengan kekal di luar Negeri maka kadar elaun itu bolehlah ditambahkan sebanyak yang tidak lebih satu perlatan daripada yang dia menerima sebelum dia menarik diri. Jika seorang Sultan yang telah menarik diri daripada menjadi Raja memilih hendak bersemayam di dalam Negeri, maka sebagai tambahan hendaklah dia memperoleh bahagiannya sebuah istana tempat bersemayam yang munasabah di dalam Negeri dan istana ini tidaklah boleh digadai atau dijual dan hendaklah terpulang balik kepada Kerajaan apabila dia mangkat ataupun sekiranya dia bersemayam dengan kekal di luar Negeri.

(2) Bayaran elaun itu bolehlah ditetapkan atau ditahankan oleh Dewan Undangan Negeri jikalau Sultan yang telah menarik diri daripada menjadi Raja itu menghasut mana-mana orang berbuat perbuatan-perbuatan yang derhaka terhadap Sultan yang sedang memerintah atau bermuafakat dengan sebarang orang atau kerajaan asing pada berbuat sesuatu kecederaan atas Negeri atau faedahnya.

### **Sultan tidak boleh menyerahkan Negeri**

14. (1) Duli Yang Maha Mulia itu tidaklah boleh dengan apa jalan sekalipun melepas atau menyerahkan atau berbuat sebarang perjanjian atau ikhtiar hendak melepas atau menyerahkan Negeri atau Kerajaan Negerinya kepada sebarang kerajaan mana-mana

pun atau kepada kuasa sebarang bangsa yang lain dan perbuatan Duli Yang Maha Mulia yang sebegitu hendaklah disifatkan sebagai tidak sah dan tidak ada kuat kuasa.

(2) Tidaklah apa-apa yang terkandung di dalam Fasal ini atau di dalam Fasal 15 akan menyebabkan tidak sah bagi Raja membuat satu perjanjian dengan Yang Maha Mulia Baginda Queen dan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja bagi Negeri-Negeri Melayu untuk membatalkan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan Perjanjian Terengganu 1948 dan mengadakan syarat kerana Perlembagaan dan Kerajaan bagi sesebuah Negeri Persekutuan yang baharu dan merdeka di dalam Negeri British Komanwelnya, terdiri daripada Negeri-Negeri Melayu dan Negeri-Negeri Selat Melaka dan Pulau Pinang dan lain-lain jajahan yang harus akan diterima masuk ke dalam Persekutuan itu dari satu masa ke satu masa.

(3) Syarat (2) daripada Fasal ini hendaklah berjalan kuat kuasanya dahulu sedikit daripada 5 haribulan Ogos 1957.

### **Tegahan di atas Al-Sultan**

15. (1) Jika sekiranya Sultan—

- (i) cuba membuat sesuatu perjanjian atau ikhtiar melepas atau menyerahkan Negeri atau Kerajaan Negeri kepada kerajaan yang lain atau kepada kuasa bangsa lain; atau
- (ii) dengan sebab ada kecacatan keadaan (perangainya) (yang lain daripada kecacatan tubuh badan) yang menyebabkan dia tidak layak lagi menjadi Raja Negeri,

maka tatkala itu haruslah dia diturunkan daripada Takhta Kerajaan dengan keputusan Dewan Pangkuan Diraja Terengganu, dan kemudiannya tidaklah wajib lagi bagi rakyatnya bersetia lagi dengan dia. *dengan syarat . . . . .*

INS Tr. P4 7/10  
26/8/10 .

(2) Keputusan kerana menurunkan seseorang Sultan adalah dikehendaki diperbuat di dalam mesyuarat yang bersidang dan dijalankan menurut kaedah yang dinyatakan dalam perenggan (a) Syarat (3) pada Fasal 6 dan di mana ada hadir tidak kurang daripada tiga suku daripada jumlah bilangan Dewan Pangkuan Diraja Terengganu, dan dipersetujukan oleh tidak kurang daripada dua pertiga daripada bilangan yang hadir dan hendaklah dimasyhurkan

dengan surat menurunkan dengan dibubuh Mohor Negeri dan surat yang tersebut itu hendaklah menyatakan nama-nama Dewan Pangkuan Diraja Terengganu yang hadir di dalam mesyuarat itu dan hendaklah juga ditandatangani oleh ahli-ahli Dewan Pangkuan Diraja Terengganu yang mengundi bersetuju menurunkan Sultan itu.

(3) Apabila telah diperbuat surat yang tersebut itu maka Sultan itu tidaklah disifatkan lagi menjadi Sultan dan telah lucut dan hilang hak-hak kuasanya sebagai Sultan dan tuntutan-tuntutannya kepada Negeri dan tidaklah boleh mengganggu sebarang apa pun berkenaan dengan pemerintahan Negeri itu.

(4) Surat yang sebegitu hendaklah dimasyhurkan dalam *Warta Kerajaan* dan diberitahu kepada rakyat dalam Negeri dengan segeranya.

(5) Seorang Sultan yang diturunkan daripada Takhta Kerajaan di bawah perenggan (ii) Syarat (1) Fasal ini bolehlah dibenarkan suatu elaun yang akan dibayar daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan, tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh ketetapan Dewan Undangan Negeri.

### **Lantikan Gantinya**

16. Jikalau sekiranya Sultan itu telah mangkat atau berhenti menjadi Sultan dengan kuasa syarat-syarat Fasal 12, 12A(2), 13 atau 15 daripada Undang-Undang ini, maka seorang Ganti hendaklah dipilih dan dilantikkan menjadi Sultan menurut sebagaimana syarat-syarat Undang-Undang ini dan diisytiharkan menjadi Sultan dengan Pemashyuran yang dibuat di bawah Mohor Negeri yang ditandatangani oleh seorang ahli Dewan Pangkuan Diraja Terengganu yang diberi kuasa untuk tujuan itu oleh Dewan Pangkuan Diraja Terengganu.

### **Pemangku Raja**

16A. (1) Hendaklah ada Pemangku Raja dalam Negeri menurut keadaan-keadaan yang di bawah ini, iaitu—

(a) jika sekiranya Sultan tiada di dalam Negeri selama lebih daripada tiga puluh hari; atau

- (b) jika sekiranya Sultan tiada dapat menjalankan kerja-kerja hal ehwal Negeri; atau
- (c) jika sekiranya Sultan dipilih ke jawatan, atau menjalankan kewajipan-kewajipan, Yang di-Pertuan Agong; atau
- (d) oleh sebab Syarat (1) Fasal 12A Undang-Undang ini.

(2) Berkenaan dengan ketiadaan Sultan di dalam Negeri dengan maksud Baginda, maka Baginda hendaklah melantikkan seorang Pemangku Raja bagi menjalankan kewajipan-kewajipan Baginda semasa ketiadaan Baginda dalam Negeri itu.

(3) Berkenaan dengan Sultan tiada dapat menjalankan kerja maka Dewan Pangkuan Diraja Terengganu hendaklah melantikkan seorang Pemangku Raja; bagi menjalankan kewajipan-kewajipan Sultan selama tempoh Baginda tidak dapat menjalankan kerja.

(4) Sultan hendaklah melantikkan seorang Pemangku Raja atau Majlis Pemangku Raja yang munasabah pada pandangan Baginda kerana menjalankan kewajipan-kewajipan Baginda sebagai Raja jika sekiranya Baginda dipilih ke jawatan Yang di-Pertuan Agong atau Baginda menjalankan kewajipan-kewajipan Yang di-Pertuan Agong selama tempoh yang lebih daripada lima belas hari atau sekiranya Baginda terhenti menjalankan kewajipan-kewajipan Sultan oleh sebab Syarat (1) Fasal 12A Undang-Undang ini. ✕

(5) Maka Pemangku Raja atau Majlis Pemangku Raja atau Majlis Penasihat Pemangku Raja yang dilantik di bawah Syarat (2) Fasal 16AA itu hendaklah berhenti menjalankan kuasanya setelah Sultan berangkat balik ke Negeri ini atau setelah Baginda dapat menjalankan semula kerja-kerja atau setelah berhenti memegang jawatan atau menjalankan kewajipan-kewajipan Yang di-Pertuan Agong, atau apabila terhenti hal keadaan yang disebut dalam Syarat (1) Fasal 12A Undang-Undang ini, mana-mana satu yang berkenaan.

(6) Fasal Yang Kedua Belas di dalam Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu tahun 1911 itu hendaklah dibaca bersekali dengan dan tertakluk kepada Fasal ini.

**Pelantikan Pemangku Raja**

**16AA.** (1) Bagi maksud Syarat (2), (3) atau (4) Fasal 16A, Waris Ganti hendaklah dilantik menjadi Pemangku Raja dan jika tidak ada Waris Ganti dilantik di bawah perenggan (a) Syarat (1) Fasal 17, maka hendaklah dilantik seorang Melayu rakyat Raja, beragama Islam tetapi tidak termostinya berdarah raja sebagai Pemangku Raja.

(2) Jika sekiranya Pemangku Raja adalah Waris Ganti yang belum *mukallaf*, Sultan atau berkenaan dengan Sultan tidak dapat menjalankan kerja Dewan Pangkuan Diraja Terengganu hendaklah melantik suatu Majlis Penasihat Pemangku Raja untuk menjalankan kewajipan-kewajipan Pemangku Raja.

(3) Majlis Penasihat Pemangku Raja yang dilantik di bawah Syarat (2) hendaklah terdiri daripada tidak kurang daripada dua orang dan tidak lebih daripada lima orang ahli yang hendaklah daripada orang Melayu, beragama Islam dan rakyat Raja tetapi tidak termosti kesemuanya berdarah raja.

Ins Tr. P4 7/10  
26/8/10

(A)  
(5)

**Pelantikan Majlis Pemangku Raja**

**16AB.** (1) Apabila Sultan pada hemat Baginda suai manfaat untuk melantik suatu Majlis Pemangku Raja di bawah Syarat (4) Fasal 16A, Majlis Pemangku Raja itu hendaklah terdiri daripada tidak kurang daripada dua dan tidak lebih daripada tujuh orang ahli yang hendaklah orang Melayu rakyat Raja, beragama Islam tetapi tidak termosti kesemuanya berdarah raja.

(2) Majlis Pemangku Raja hendaklah dilantik oleh Sultan dengan suatu Surat Cara di bawah tandatangan Baginda dan Mohor Negeri.

10 AC (1)

(2)  
(3)  
(4)

**Imbuan kepada Pemangku Raja atau Majlis Pemangku Raja atau Majlis Penasihat Pemangku Raja**

**16B.** Hendaklah dibayar kepada Pemangku Raja atau Majlis Pemangku Raja atau Majlis Penasihat Pemangku Raja selama mana-mana tempoh yang Pemangku Raja atau Majlis Pemangku Raja atau Majlis Penasihat Pemangku Raja itu dilantik menurut syarat-syarat Bab ini kerana menjalankan hak mutlak dan

menyempurnakan kewajipan-kewajipan Sultan atau Pemangku Raja akan suatu imbuhan sebanyak yang boleh ditetapkan oleh ketetapan Dewan Undangan Negeri dan dibayar daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan sebagai tambahan kepada sebarang wang yang orang atau orang-orang yang dilantik demikian itu harus menerima dengan jalan lain:

Dipersyaratkan jumlah wang yang dibayar itu hendaklah jangan melebihi elaun yang dibayar kepada Sultan atau Pemangku Raja menurut Perlembagaan ini atau sebarang undang-undang lain yang bertulis.

KUASA MUTLAK SULTAN  
IGC.

HAK Kesultanan Sultan WARIS GANTI  
IGD.

INST. P47/10  
26/8/10

### Lantikan seorang Waris Ganti

17. (1) (a) Maka bolehlah Sultan, setelah berunding dengan Dewan Pangkuan Diraja Terengganu, memilih dan melantikkan seorang menjadi Waris Ganti yang hendaklah digelarkannya dengan gelaran "Yang di-Pertuan Muda" atau lain-lain gelaran yang diberi, dan gelaran yang sebegitu atau lain-lain gelaran yang sebegitu menurutlah mana-mana yang berkenaan tidaklah boleh digunakan oleh atau dipakai kepada lain-lain orang; dengan syarat Waris Ganti itu hendaklah dia orang Melayu dan lelaki yang berketurunan sebelah pihak lelaki daripada Sultan-Sultan Terengganu.

(b) Maka lantikan seorang Waris Ganti itu hendaklah dimasyhurkan di dalam *Warta Kerajaan*.

### Waris Ganti meninggal Negeri

(2) Jika Waris Ganti itu telah berangkat meninggalkan Negeri terus selama satu tahun dengan tiada sebab-sebab yang cukup dan munasabah, maka pada bila-bila masa lepas daripada itu dalam sepeninggalan yang tersebut, bolehlah Sultan, setelah berunding dengan Dewan Pangkuan Diraja Terengganu, menyatakan yang peninggalannya yang berlamaan itu bukanlah dengan sebab-sebab yang cukup dan munasabah dan tatkala itu Waris Ganti itu hendaklah disifatkan telah menarik diri dan melepaskan hak-hak dan kuasa-kuasanya, jika ada, samalah seperti dia telah menarik diri di bawah perenggan (a) Syarat (4) kepada Fasal ini.



**Menurunkan Waris Ganti**

(3) (a) Bolehlah Sultan, setelah berunding dengan Dewan Pangkuan Diraja Terengganu, memasyhurkan yang Waris Ganti itu oleh sebab kecacatan tubuh badan atau kecacatan keadaannya yang menyebabkan dia tidak layak lagi menjadi Waris Ganti dan kemudian daripada itu maka Waris Ganti itu hendaklah disifatkan telah diturunkan dan tidaklah lagi menjadi Waris Ganti.

(b) Apakala seseorang Waris Ganti telah diturunkan pangkatnya maka hal itu hendaklah dimasyhurkan di dalam *Warta Kerajaan*.

**Waris Ganti menarik diri**

(4) (a) Waris Ganti itu bolehlah dengan kehendaknya sendiri menarik diri dan melepaskan hak-hak dan kuasanya, jika ada, jika dia berkehendak.

(b) Jika pada masa menarik diri dan melepaskan hak-hak dan kuasanya, jika ada, Waris Ganti itu ada bersemayam di dalam Negeri, maka perbuatan menarik diri itu hendaklah diperbuat dengan surat yang bertulis dan tandatangannya hendaklah disaksikan oleh sekurang-kurangnya tiga orang ahli Dewan Pangkuan Diraja Terengganu dan hendaklah mereka itu ada hadir bersama-sama pada masa Waris Ganti itu menurunkan tandatangan di atas surat itu.

(c) Jika pada masa menarik diri Waris Ganti itu tiada bersemayam di dalam Negeri, maka perbuatan menarik diri itu hendaklah diakui dan diterangkan dengan surat yang dibubuh Mohor Negeri ditandatangani oleh sekurang-kurangnya tiga orang ahli Dewan Pangkuan Diraja Terengganu.

(d) Apakala telah diperbuat surat tarik diri maka Waris Ganti itu hendaklah disifatkan telah tidak lagi menjadi Waris Ganti dan disifatkan telah melepaskan hak-hak dan kuasanya, jika ada, sebagai Waris Ganti dan tuntutan-tuntutannya di atas Negeri dan tiadalah boleh campur atau ganggu di dalam sebarang perkara berkenaan dengan pemerintahan Negeri melainkan dengan titah Duli Yang Maha Mulia dalam Mesyuarat.

(e) Hal seseorang Waris Ganti menarik diri itu hendaklah dimasyhurkan di dalam *Warta Kerajaan*.

(5) (a) Seseorang Waris Ganti yang menarik diri atau diturunkan pangkatnya sebagaimana yang diterangkan di dalam Fasal ini hendaklah berhak mendapat suatu elaun selagi ada hayatnya daripada hasil Negeri sebanyak yang akan ditetapkan oleh ketetapan Dewan Undangan Negeri dan dibayar daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan dan tidaklah boleh kurang daripada satu perempat bahagian daripada jumlah yang ditetapkan bagi *mushaharahnya* yang akhir sebelum daripada dia menarik diri atau diturunkan pangkatnya dengan syarat iaitu jika dia menyatakan pilihannya dengan bertulis hendak bersemayam dengan kekal di luar Negeri, maka di dalam sepanjang masa yang dia bersemayam di luar Negeri itu bolehlah ditambahkan kadar elaunnya itu dengan suatu jumlah yang tidak lebih daripada satu perlepas daripada kadar yang ditetapkan bagi *mushaharahnya* yang akhir sebelum daripada dia menarik diri atau diturunkan pangkatnya. Jika seseorang Waris Ganti memilih dengan bertulis menyatakan yang dia hendak bersemayam dengan kekal di dalam Negeri ini, maka di dalam sepanjang masa yang dia bersemayam di dalam Negeri ini hendaklah dia mendapat juga sebagai bahagiannya sebuah istana tempat bersemayam yang munasabah di dalam Negeri ini dan istana itu tidaklah boleh digadai atau dijual dan hendaklah terpulang balik kepada Kerajaan apabila dia mangkat ataupun sekiranya dia bermastautin di luar Negeri.

(b) Bayaran elaun yang sebegitu bolehlah diberhentikan atau ditahankan oleh ketetapan Dewan Undangan Negeri dan dibayar daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan jika seseorang Waris Ganti yang menarik diri atau diturunkan pangkatnya sebagaimana yang diterangkan di dalam Fasal ini menghasut mana-mana orang supaya membuat perbuatan-perbuatan yang derhaka terhadap Duli Yang Maha Mulia atau bermuafakat dengan sebarang orang atau kerajaan asing pada berbuat sesuatu kecederaan ke atas Negeri atau faedah-faedahnya.

### **Waris Ganti tiada boleh mencampuri perkara Negeri**

18. Maka Waris Ganti itu tidaklah sekali-kali berkuasa mengambil bahagian atau masuk campur dalam hal ehwal Negeri ataupun pemerintahan Negeri, terkecuali sebagaimana yang dinyatakan di dalam Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan sahaja ataupun apabila dia mendapat titah atau kebenaran daripada Duli Yang Maha Mulia sebagaimana yang akan dimaklumkan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan.

## DEWAN PANGKUAN DIRAJA TERENGGANU

**Dewan Pangkuan Diraja Terengganu**

**19.** (1) Ada pun Dewan Pangkuan Diraja Terengganu yang dipanggil di dalam bahasa Inggeris "the Supporters of the State" adalah ditubuhkan kerana menjalankan kuasa-kuasa dan mengerjakan kewajipannya yang diberi dan diletakkan ke atasnya oleh Undang-Undang ini dan membantu serta menasihatkan Duli Yang Maha Mulia di dalam menjalankan kewajipan Baginda.

(2) Dewan Pangkuan Diraja Terengganu hendaklah mengandungi sebagai yang berikut:

- (a) Waris Ganti yang dilantik di bawah perenggan (a) Syarat (1) Fasal 17; dan
- (b) sepuluh orang lagi daripada bangsa Melayu dan beragama Islam.

(3) Ahli-ahli Dewan Pangkuan Diraja Terengganu kecuali Waris Ganti hendaklah dipilih dan dilantik oleh Sultan dengan suatu Surat Cara di bawah tandatangan Baginda dan Mohor Negeri:

Dipersyaratkan iaitu tidak layak bagi seorang daripada keturunan Diraja yang menjadi Waris Yang Pertama, Waris Yang Kedua atau seseorang zuriat lelaki keturunan Al-Marhum Sultan Zainal 'Abidin Yang Ketiga kecuali Waris Ganti dan tidaklah layak bagi sebarang orang yang bersangkutan-paut dengan sebarang pertubuhan politik dilantik akan dia ke dalam Dewan Pangkuan Diraja Terengganu:

Dipersyaratkan lagi iaitu mana-mana ahli Dewan Pangkuan Diraja Terengganu yang berhajat memasuki sebarang pertubuhan politik hendaklah diberi peluang meletakkan jawatannya daripada menjadi ahli Dewan Pangkuan Diraja Terengganu dengan jalan membuat permohonan kerana sebab itu:

Dan dipersyaratkan lagi iaitu jika sekiranya ada sebab yang cukup boleh dipercayai bahawa mana-mana ahli Dewan Pangkuan Diraja Terengganu telah memasuki sebarang pertubuhan politik sama ada terang-terang atau berselindung, maka Dewan Pangkuan Diraja Terengganu hendaklah menyiasat akan hal itu dan sekiranya sahlah dia sebenarnya telah memasuki sebarang pertubuhan politik sama ada terang-terang atau berselindung, maka hendaklah pecat akan dia daripada Dewan Pangkuan Diraja Terengganu.

(4) (*Dipotong oleh Tr. P.U. 9/2002*).

(5) Maka ahli-ahli Dewan Pangkuan Diraja Terengganu itu berhaklah menerima elaun-elaun sebanyak yang akan ditetapkan oleh Dewan Undangan Negeri dan elaun-elaun yang ditetapkan sedemikian itu hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan.

(6) Duli Yang Maha Mulia bolehlah selepas berunding dengan Dewan Pangkuan Diraja Terengganu membuat peraturan dan kaedah-kaedah bagi menjalankan dengan betul kewajipan-kewajipan Dewan Pangkuan Diraja Terengganu.

### **Tempoh jawatan ahli**

**19A.** (1) Kecuali Waris Ganti, tiap-tiap ahli Dewan Pangkuan Diraja Terengganu hendaklah menduduki kerusinya dalam Dewan Pangkuan Diraja Terengganu selama tiga tahun bermula dari tarikh Surat Cara yang dengannya beliau dilantik atau sehingga apa-apa tarikh yang lebih awal sebagaimana yang diperuntukkan oleh Surat Cara itu melainkan jika sebelum tarikh itu kerusinya telah menjadi kosong di bawah peruntukan-peruntukan Bab ini atau pelantikannya dibatalkan lebih awal di bawah Syarat (2) Fasal 23c.

(2) Seseorang ahli yang dilantik di bawah perenggan (*b*) Syarat (2) Fasal 19 yang tempoh jawatannya telah tamat boleh dilantik semula.

(3) Kerusi seseorang ahli Dewan Pangkuan Diraja Terengganu selain daripada Waris Ganti hendaklah menjadi kosong—

- (a) dengan kematiannya; atau
- (b) jika beliau dengan surat memohon meletakkan jawatan daripada Dewan Pangkuan Diraja Terengganu dan permohonan peletakan jawatannya diperkenankan oleh Sultan; atau
- (c) jika beliau menjadi ahli Dewan Undangan atau Dewan Rakyat; atau
- (d) jika beliau tidak berada dalam Negeri tanpa kebenaran Sultan selama tempoh melebihi empat puluh lima hari secara berturut-turut; atau
- (e) jika dia memasuki mana-mana pertubuhan politik.

(4) Mana-mana orang yang mengosongkan kerusinya sebagai ahli Dewan Pangkuan Diraja Terengganu, boleh, jika layak, dilantik semula.

### **Kekosongan**

**19B.** Bila mana terdapat kekosongan dalam bilangan orang yang menganggotai Dewan Pangkuan Diraja Terengganu, Sultan boleh melantik seseorang yang berkeelayakan untuk mengisi kekosongan itu.

### **Sumpah**

**20.** (1) Tidaklah boleh seseorang ahli duduk atau mengundi di dalam Dewan Pangkuan Diraja Terengganu sehingga dia telah mengangkat dan menandatangani di hadapan Duli Yang Maha Mulia, atau seseorang lain yang diberi kuasa oleh Duli Yang Maha Mulia kerana itu, akan sumpah jawatan yang di bawah ini:

“Adalah saya,....., yang telah dipilih dan dilantik menjadi ahli Dewan Pangkuan Diraja Terengganu bersumpah dengan melafazkan—

*WALLAHI, WABILLAHI, WATALLAHI.*

BAHAWASANYA dengan ini berikrarlah saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku akan berkhidmat di dalam jawatan ahli Dewan Pangkuan Diraja Terengganu dan bahawa saya pada masa ini tidak menjadi seorang ahli mana-mana pertubuhan politik dan bahawa saya tidak akan tertakluk dengan mana-mana pertubuhan politik semasa dan selama saya menjalankan tanggungan-tanggungan saya sebagai seorang ahli Dewan Pangkuan Diraja Terengganu, dan bahawa saya dengan taatnya akan menjalankan kewajipan-kewajipan jawatan ini dengan segala pengetahuan dan daya upaya saya:

DAN ADALAH saya, dengan sesungguhnya dan sebenarnya berikrar bahawa saya mengaku taat setia dengan sebenar-benarnya kepada Duli Yang Maha Mulia..... Sultan Negeri Terengganu dan Ganti-Gantinya menurut undang-undang dan adat istiadat bagi Negeri Terengganu:

DAN BAHAWA saya sama ada berterus terang atau berselindung tidak akan menyampaikan atau membukakan kepada sesiapa pun apa-apa perkara yang akan dibawa bagi pertimbangan saya atau yang diketahui oleh saya sebagai seorang ahli Dewan Pangkuan Diraja Terengganu kecuali kerana menyempurnakan kewajipan-kewajipan saya atau sebagaimana yang dibenarkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan.”.

(2) Maka sumpah ini hendaklah ditandatangani di hadapan dua orang saksi yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia bagi maksud itu dan saksi-saksi itu hendaklah menandatangani namanya sebagai saksi-saksi.

### **Keberhentian**

21. Mana-mana ahli Dewan Pangkuan Diraja Terengganu bolehlah memohon menarik diri daripada Dewan Pangkuan Diraja Terengganu itu, dan jika permohonan tarik diri itu diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia, maka hendaklah dilepaskan dia daripada tanggungannya dan hendaklah berhenti daripada menjadi ahli Dewan Pangkuan Diraja Terengganu.

### **Lantik semula**

22. Seseorang yang telah jadi ahli Dewan Pangkuan Diraja Terengganu dan telah menarik diri daripadanya dengan jalan yang disebutkan di atas ini masihlah juga layak kepada pilihan dan lantikan menjadi ahli Dewan Pangkuan Diraja Terengganu.

### **Memanggil mesyuarat**

23. Maka hendaklah Dewan Pangkuan Diraja Terengganu itu berhimpun dan bermesyuarat pada bila-bila masa yang dikehendaki—

Pertamanya dengan titah perintah Duli Yang Maha Mulia;

Keduanya dengan permintaan Waris Ganti;

Ketiganya, dengan permintaan lima orang ahli-ahli Dewan Pangkuan Diraja Terengganu.

**Setiausaha**

**23A.** Sultan boleh dari semasa ke semasa melantik seorang Setiausaha Dewan Pangkuan Diraja Terengganu.

**Sultan hendaklah menjadi pengerusi**

**23B.** (1) Mesyuarat Dewan Pangkuan Diraja Terengganu hendaklah dipengerusikan oleh Sultan dan semasa ketiadaan Baginda Waris Ganti hendaklah mempengerusikannya dan semasa Sultan atau Waris Ganti tidak boleh mempengerusikan mesyuarat, Sultan boleh melantik mana-mana seorang ahli Dewan Pangkuan Diraja Terengganu untuk mempengerusikannya dan jika pelantikan sedemikian tidak dibuat maka ahli-ahli hendaklah memilih salah seorang daripada kalangan mereka untuk mempengerusikannya:

Dengan syarat bahawa jika urusan Dewan Pangkuan Diraja Terengganu adalah berkenaan pemilihan dan pelantikan Sultan, Waris Ganti tidak boleh hadir dan menjadi pengerusi.

(2) Walau apa pun Syarat (1), Sultan, jika Baginda fikirkan perlu boleh dari semasa ke semasa melantik mana-mana seorang ahli Dewan Pangkuan Diraja Terengganu untuk mempengerusikan mana-mana mesyuarat Dewan Pangkuan Diraja Terengganu.

**Keberterusan selepas kemangkatan Sultan**

**23C.** (1) Dewan Pangkuan Diraja Terengganu hendaklah berterusan walaupun Sultan mangkat tetapi sehingga pemilihan dan pelantikan Sultan baru, tiada urusan boleh dijalankan selain pemilihan dan pelantikan sedemikian.

SUBTR-P47/10  
26/8/16

(2) Pengganti Sultan boleh, menurut budi bicaranya membatalkan pelantikan mana-mana ahli Dewan Pangkuan Diraja Terengganu yang dilantik sebelum sahaja kemangkatan Sultan.

**Cukup bilangan**

**24.** (1) Pemberitahu bagi tiap-tiap satu persidangan hendaklah diberi kepada semua ahli-ahli Dewan Pangkuan Diraja Terengganu yang ada di dalam Negeri dengan cukup masa yang munasabah supaya boleh mereka itu hadir mesyuarat yang diberitahu itu.

(2) Adapun Dewan Pangkuan Diraja Terengganu itu tidaklah menjadi tidak sah bagi menjalankan pekerjaannya dengan sebab sesuatu kekosongan di antara ahli-ahlinya.

(3) Maka adalah cukup bilangan bagi sesuatu persidangan Dewan Pangkuan Diraja Terengganu itu, jikalau Duli Yang Maha Mulia ada hadir bersama, ialah Duli Yang Maha Mulia serta tiga orang ahli dan jikalau Duli Yang Maha Mulia tidak hadir bersama, maka cukup bilangan hendaklah lima orang ahli:

Dengan syarat iaitu tidaklah boleh dijalankan apa-apa perkara melainkan perkara tanggungan jika dibantahi oleh mana-mana ahli yang hadir iaitu kurang daripada separuh daripada ahli-ahli, tidak termasuk Duli Yang Maha Mulia atau ahli yang mengetuai, ada hadir.

### **Keberhentian**

**25.** Duli Yang Maha Mulia ada mempunyai hak dan kuat kuasa bagi memberhenti dan mengeluarkan mana-mana ahli Dewan Pangkuan Diraja Terengganu daripada Dewan Pangkuan Diraja Terengganu itu dan Dewan Pangkuan Diraja Terengganu itu ada hak dan kuat kuasa boleh memohon kepada Duli Yang Maha Mulia memberhenti dan mengeluarkan mana-mana seorang daripada rakannya daripada Dewan Pangkuan Diraja Terengganu itu jika ahli itu telah melakukan sesuatu kesalahan yang besar atau menjadi seorang ahli sesuatu pertubuhan politik.

Dan keberhentian dan pengeluarannya daripada Dewan Pangkuan Diraja Terengganu itu bolehlah sama ada disertai atau tidak disertai dengan sesuatu hukuman yang lain, ataupun sama ada atau tidak dia dipecatkan ataupun diturunkan daripada pangkatnya (jikalau dia ada pangkat atau gelaran yang lain) iaitu menurutlah bagaimana yang ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia pada masa menimbangkan kesalahan ahli yang sedemikian itu.

### **Memegang perjanjian**

**26.** Selagi tidak ada perbuatan yang sah dan terang aniayai yang besar dan jahat daripada pihak kerajaan-kerajaan yang ada perjanjian dengan Negeri Terengganu dan tiada perbuatan-perbuatannya yang memecahkan perjanjian atau perjanjian-perjanjian itu dengan zalim



atau tiada insaf kelakuannya, maka hendaklah Duli Yang Maha Mulia dan Kerajaan Terengganu senantiasa dan berpanjangan dan dengan taat dan betul dan lurus menurut dan menyempurnakan syarat-syarat perjanjian itu.

### **Kesalahan membuat khianat atau derhaka oleh Waris-Waris Sultan**

27. Maka jikalau Waris Ganti atau Waris Yang Pertama atau Waris Yang Kedua atau Waris Yang Am dengan seorang diri atau berpasukan memperbuat satu pakatan dengan niat yang tidak betul kepada Duli Yang Maha Mulia atau kepada mana-mana Waris yang lebih hampir dengan Duli Yang Maha Mulia daripada mereka itu supaya mendapat pangkat yang lebih itu bagi faedahnya atau bagi yang lain daripadanya, maka adalah perbuatan yang demikian itu ditimbangkan satu perbuatan yang menderhaka daripada pihak seorang yang demikian itu ataupun kumpulan-kumpulan orang yang demikian itu dan hendaklah disekat sama sekali serta dengan sekalian keturunannya selama-lamanya daripada berhak menjadi Sultan dan mereka itu hendaklah diturunkan segala pangkat dan gelarannya dan bayaran elaun, jika ada, di bawah Undang-Undang ini hendaklah diberhentikan.

Dikecualikan pada bila-bila masa selepas itu Duli Yang Maha Mulia boleh mengampuni seseorang yang demikian itu atau mana-mana keturunan seseorang yang demikian itu dan keampunan yang seperti itu hendaklah menjadi sebagai kebatalan sekatan-sekatan yang telah dikenakan mengikut Fasal ini ke atas seseorang yang diampunkan itu.

## **KEMULIAAN DAN ISTIADAT**

### **Gelaran dan darjah-darjah kebesaran**

28. Maka Duli Yang Maha Mulia itu ialah tempat terbit bagi segala kepujian kebesaran dalam Negeri dan ialah seorang sahaja yang boleh memberi gelaran dan darjah kebesaran dan mengadakan Pangkat Gelaran dan Bintang Kemuliaan dan Kebesaran, tetapi eloklah jika Duli Yang Maha Mulia itu berunding terlebih dahulu dengan Dewan Pangkuan Diraja Terengganu atas maksud Baginda hendak menjalankan kelebihan kuat kuasa Baginda di bawah Fasal ini, dan jika mengadakan mana-mana Darjah atau Bintang

Kemuliaan dan Kebesaran itu akan terkena belanja daripada hasil Negeri, maka hendaklah diperoleh persetujuan Dewan Undangan Negeri.

### **Mengadakan gelaran-gelaran**

29. (1) Maka Duli Yang Maha Mulia, setelah berunding dengan Dewan Pangkuan Diraja Terengganu, adalah berhak memberi kepada siapa-siapa pun, sama ada berdarah raja atau tidak, gelaran-gelaran "Tengku Sri Bendahara Raja", "Tengku Sri Panglima Raja", "Tengku Sri Temenggong Raja", "Tengku Sri Raja", "Tengku Sri Paduka Raja" dan "Tengku Sri Laksamana Raja":

Dipersyaratkan tiadalah apa-apa yang terkandung di dalam ini akan dipandang mengurangkan keseluruhan kuasa-kuasa mutlak Duli Yang Maha Mulia Sultan seperti yang diadakan di dalam Fasal 28 Undang-Undang ini.

(2) Dalam mana-mana perkara yang sedemikian itu, maka Duli Yang Maha Mulia Sultan setelah berunding dengan Dewan Pangkuan Diraja Terengganu, hendaklah menyelesaikan dan menentukan pada masa pelantikan itu akan pangkat, taraf, pekerjaan dan tanggungan, jika ada, bagi orang itu.

(3) Maka walaupun ada apa-apa pendapatan yang mungkin diperoleh daripada hartanya sendiri atau daripada mana-mana punca yang lain, maka elaun yang harus dipertimbangkan dengan munasabah dan ditetapkan dengan cukup oleh Dewan Undangan Negeri dan yang akan dibayar daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan itu hendaklah dibayar kepada mana-mana orang yang dikurniakan gelaran itu menurut syarat-syarat Fasal ini.

### **Kuasa melucut**

30. Duli Yang Maha Mulia, setelah berunding dengan Dewan Pangkuan Diraja Terengganu, boleh membatalkan pengurniaan darjah atau kebesaran kepada sesiapa jua, atau memansuhkan penganugerahan bintang, pingat penghormatan atau kebesaran kepada sesiapa jua, menurut peruntukan Fasal 28 atau 29 Bahagian ini dalam Undang-Undang ini, atas mana-mana satu alasan yang berikut:

- (i) jika orang itu telah disabitkan atas suatu kesalahan yang melibatkan tipuan, kecurangan atau keburukan akhlak;

- (ii) jika orang itu dilucutkan kewarganegaraannya;
- (iii) jika Duli Yang Maha Mulia berpuas hati dengan kelakuan atau watak orang itu bahawa orang itu tidak lagi patut dikurniakan darjah atau kebesaran tersebut atau tidak patut dianugerahkan bintang atau pingat penghormatan atau kebesaran tersebut.

### **Balai dan istana Sultan**

31. Jika Duli Yang Maha Mulia berkehendak bolehlah dari satu masa ke satu masa Baginda membuat peraturan bagi balai dan istana Baginda, bagi jawatan-jawatan pegawai-pegawai balai dan istana, bagi perjalanan adat dan istiadat yang betul dan bagi pekerjaan dan tanggungan yang betul bagi pegawai balai dan istana Raja dan bagi mereka yang berketanggungan di atas pekerjaan istiadat dan tatkala membuat sedemikian hendaklah ambil panduan di atas adat istiadat Negeri, jika ada.

32. (*Dipotong oleh L.N. 5/1959*).

### **ELAUN-ELAUN**

#### **Elaun-elaun**

33. (1) Tidak ada seorang pun di dalam Negeri boleh mendapat elaun yang dibayar daripada hasil Negeri, selain daripada yang dibayar dengan kuasa Undang-Undang ini atau undang-undang yang ada tertulis serta berjalan kuat kuasanya pada masa itu dalam Negeri, dikecualikan mana-mana elaun yang diluluskan dari satu masa ke satu masa oleh Dewan Undangan Negeri.

(2) Maka berhaklah Sultan menerima elaun itu, dibayar daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan, sebagaimana yang akan ditetapkan oleh Dewan Undangan Negeri; dan elaun itu hendaklah munasabah dan cukup bagi menjaga pangkat dan martabat Sultan dan apabila menilaikan elaun itu maka hendaklah jangan dikira akan sebarang pendapatan Sultan yang diperoleh daripada harta Baginda sendiri.

(2A) Isteri Sultan yang sedang memerintah yang bergelar Tengku Ampuan Besar atau gelaran yang seumpamanya sebagaimana yang telah dikurniakan berhaklah menerima elaun itu, dibayar daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan, sebagaimana yang

akan ditetapkan oleh Dewan Undangan Negeri; dan elaun itu hendaklah jangan kurang daripada satu perlatan ataupun lebih daripada satu perempat daripada jumlah yang telah ditetapkan bagi *mushaharah* Sultan yang sedang memerintah.

(3) Maka berhaklah Waris Ganti itu menerima apa-apa elaun, dibayar daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan, sebagaimana yang akan ditetapkan oleh Dewan Undangan Negeri; dan elaun itu hendaklah jangan kurang daripada satu perempat ataupun lebih daripada separuh daripada jumlah yang telah ditetapkan bagi *mushaharah* Sultan yang sedang memerintah.

(3A) Isteri Waris Ganti yang bergelar Tengku Puan Muda atau gelaran yang seumpamanya sebagaimana yang telah dikurniakan berhaklah menerima apa-apa elaun, dibayar daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan, sebagaimana yang akan ditetapkan oleh Dewan Undangan Negeri.

(4) Maka elaun pada masa hidup hendaklah dibayar daripada hasil Negeri menurut kadar-kadar yang ditetapkan oleh undang-undang Negeri atau yang diluluskan dari satu masa ke satu masa oleh Dewan Undangan Negeri kepada mereka yang tersebut di bawah ini, iaitu—

- (i) (*Dipotong oleh L.N. 5/1959*);
- (ii) putera-putera dan puteri-puteri seorang Sultan;
- (iii) saudara-saudara lelaki dan saudara-saudara perempuan seorang Sultan sebelah ayahandanya;
- (iv) ayahanda-ayahanda saudara dan bonda-bonda saudara seorang Sultan sebelah ayahandanya;
- (v) anakanda-anakanda saudara lelaki dan perempuan seorang Sultan dengan syarat sama ada kedua-dua ayahanda bondanya telah mangkat ataupun jika ayahanda dan bondanya sahaja yang masih hidup ayahanda atau bonda itu tidak mendapat elaun sebagai seorang saudara lelaki atau perempuan bagi seorang Sultan;
- (vi) balu seorang Sultan yang telah mangkat yang pada masa kemangkatannya bergelar Tengku Ampuan Besar atau gelaran yang seumpamanya dan kemudian daripada itu akan dipanggil Tengku Ampuan atau gelaran yang seumpamanya disertakan dengan nama tubuh badannya; dengan syarat elaun itu hanya boleh dibayar selagi dia tidak berkahwin;

- (vii) balu seorang Sultan yang telah mangkat yang pada masa kemangkatannya tidak memegang gelaran Tengku Ampuan Besar atau gelaran yang seumpamanya; dengan syarat elaun itu hanya boleh dibayar selagi dia tidak berkahwin;
- (viii) isteri seorang Waris Ganti yang bergelar Tengku Puan Muda atau gelaran yang seumpamanya sebagaimana yang telah diberi;
- (ix) balu seorang Waris Ganti yang telah mangkat yang pada masa kemangkatannya bergelar Tengku Puan Muda atau gelaran yang seumpamanya dan kemudian daripada itu akan dipanggil Tengku Puan atau gelaran yang seumpamanya disertakan dengan nama tubuh badannya; dengan syarat elaun itu hanya boleh dibayar selagi dia tidak berkahwin;
- (x) (*Dipotong oleh L.N. 5/1959*):

Dengan syarat elaun-elaun yang disebutkan di dalam perenggan-perenggan (ii), (iii), (iv) dan (v) di bawah Syarat ini hendaklah dibayar kepada mereka yang tersebut itu menjadi waris kepada seorang Sultan yang tiada lagi memerintah kerana kemangkatannya atau kerana Fasal yang lain serta juga kepada mereka yang menjadi waris kepada seorang Sultan yang sedang memerintah tetapi tiadalah berhak seseorang itu menerima lebih daripada satu elaun yang sedemikian itu:

Disyaratkan juga iaitu Dewan Undangan Negeri boleh menentu, memberhenti, menahan atau meminda elaun yang demikian itu jika difikirkan oleh Dewan Undangan Negeri patut diperbuat sebegitu.

(5) Seseorang yang menerima elaun menurut syarat yang di atas ini yang memegang jawatan kerajaan bolehlah menerima bayaran gaji bagi jawatan itu menjadi tambahan kepada elaun itu.

(6) Dengan tidak menghiraukan syarat-syarat yang ada di dalam Syarat (2) maka Sultan tidaklah berhak menerima sebarang elaun di bawah Fasal ini bagi mana-mana tempoh yang Baginda itu dipilih ke jawatan Yang di-Pertuan Agong atau bagi mana-mana tempoh yang lebih daripada lima belas hari yang Baginda menjalankan tanggungan-tanggungan Yang di-Pertuan Agong.

(7) Dengan tidak menghiraukan kepada syarat-syarat yang ada di dalam Syarat (2A) maka Tengku Ampuan Besar tidaklah berhak menerima sebarang elaun di bawah Fasal ini bagi mana-mana tempoh yang Sultan dipilih ke jawatan Yang di-Pertuan Agong.

### **Isteri Sultan dan Isteri Waris Ganti**

**33A.** Isteri Sultan yang sedang memerintah yang akan digelar Tengku Ampuan Besar dan Isteri Waris Ganti yang akan bergelar Tengku Puan Muda hendaklah daripada bangsa Melayu, beragama Islam dan berdarah raja.

### **AM**

### **Pindaan kepada gelaran ringkas bagi Tambahan kepada Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu Tahun 1367**

**34.** Gelaran ringkas dalam Syarat (2) Fasal 1 Tambahan kepada Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu tahun 1367, adalah dengan ini dipinda supaya dibaca "Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama)".

### **Kebatalan**

**35.** Syarat-syarat Undang-Undang ini hendaklah berjalan kuat kuasanya sebagai menambah dan meluaskan Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu dan sebagai menggantikan Fasal 1 hingga 8, Fasal 11 hingga 36, Fasal 46 hingga 50, kesemuanya termasuk, dan Fasal 52 Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu tahun 1911.

### **Hak-hak kelebihan Duli Yang Maha Mulia tersimpan**

**36.** Dikecualikan sebagaimana yang dinyatakan di dalam ini maka tidaklah boleh Undang-Undang ini menyentuh akan hak-hak kelebihan, kuasa-kuasa dan kekuasaan Duli Yang Maha Mulia.

### **Ketetapan**

Bahkan Demikianlah Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Kedua).

**Ucapan Doa**

Mudah-mudahan dengan kemegahan Junjungan kita bahawa Tuhan seru sekalian alam permuliakan Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu ini selama-lamanya.

*Amin : Ya Rabbal Alamin.*

Diperbuat di Istana Maziah, Kuala Terengganu, pada 4 hari bulan *Zulkaedah*, *Hijrah Nabi Sallallahu Alaihi Wassalam* seribu tiga ratus enam puluh sembilan (1369) bersamaan dengan 17 haribulan Ogos, tahun Masihi seribu sembilan ratus lima puluh iaitu tahun yang kelima Beta di atas Takhta Kerajaan.

BAGI MENYAKSIKAN lulus dan sah Tambahan Kepada Tambahan Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu, tahun 1367, adalah saya menurunkan tandatangan saya di bawah ini di hadapan ahli-ahli Dewan Pangkuan Diraja Terengganu dan ahli-ahli Majlis Mesyurat Negeri.

*Wallahu khairul syahidiin.*

KAMARUDDIN BIN HJ. IDRIS  
*(Pemangku Menteri Besar)*

WAN ABDULLAH BIN DATO' KAMAL  
*(Dato' Biji Sura)*

TENGGU WOOK BIN DIN  
*(Tengku Pekerma Wira)*

TENGGU ABU BAKAR BIN MUSTAFFA  
*(Tengku Jaya Pekerma)*

HAJI WAN LONG BIN AHMAD  
*(Dato' Sangsura Pahlawan)*

TENGGU ABDULLAH BIN ABBAS  
*(Tengku Seriwa di-Raja)*

ENGKU ABDUL KADIR BIN ABDULLAH  
*(Engku Pengiran Anom)*

ABDUL RAHMAN BIN AWANG

MOHD. KHALID BIN HJ. A. RAHMAN  
*(Dato' Bentara Luar)*

SYED AL-SAGAFF BIN A. RAHMAN  
*(Engku Kelana di-Raja J.P.)*

HAJI OMAR BIN ISMAIL

---



## UNDANG-UNDANG NEGERI TERENGGANU

### UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU

#### SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
G.N. 23/1948	Supplement to the Constitution of the State of Terengganu 1367. Corrigendum	18-03-1948
G.N. 374/1953	Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Pindaan Bilangan 1)	25-03-1953
G.N. 496/1954	Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Pindaan Bilangan 2)	07-09-1954
G.N. 106/1956	Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Pindaan Bilangan 3)	01-01-1956
G.N. 19/1957	Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Pindaan Bilangan 4) tahun 1956	01-01-1957
G.N. 227/1957	Undang-Undang (Pindaan) Kepada Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu Bab-Bab Yang Pertama dan Yang Kedua tahun 1957	30-08-1957 kecuali Syarat(1) Fasal 12: 31-08-1957 dan 01-01-1959: Syarat (2) Fasal 18: 04-08-1957
L.N. 4/1958	Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu Bab Yang Pertama dan Yang Kedua (Pindaan) tahun 1958	01-04-1958
En. No. 1/1959	Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama) (Pindaan) tahun 1959	30-04-1959
L.N. 5/1959	Undang-Undang Pindaan Kepada Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Kedua) tahun 1959	30-04-1959

*Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu* 115

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
En. No. 2/1960	Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama) (Pindaan) tahun 1960	28-08-1960
En. No. 10/1961	Undang-Undang (Pindaan) Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Kedua) tahun 1961	03-12-1961
L.N. 22/1961	Undang-Undang (Pindaan) kepada Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Kedua) tahun 1961	01-05-1961
En. No. 12/1962	Undang-Undang Meminda Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama) tahun 1962	09-12-1962
L.N. 13/1962	Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Kedua) (Pindaan) tahun 1962	01-02-1962
En. No. 11/1964	Undang-Undang Meminda Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama) tahun 1964	29-07-1964
En. No. 8/1966	Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama) (Pindaan) tahun 1966	05-10-1966
Tr. P.U. 7/1970	Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Kedua) (Pindaan) tahun 1970	14-05-1970
En. No. 2/1972	Enakmen (Pindaan) Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama) dan (Bab Yang Kedua) tahun 1972	s.2,18-11-1968; peruntukan selainnya, 12-05-1972
En. No. 5/1973	Enakmen (Pindaan) Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama) tahun 1973	28-09-1973
Akta 160	Akta Mata Wang Malaysia (Ringgit) 1975	29-08-1975
En. No. 9/1977	Enakmen Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama) (Pindaan) 1977	01-01-1978

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Tr. P.U. 5/1978	Undang-Undang (Pindaan) kepada Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Kedua) 1978	01-07-1978
Tr. P.U. 15/1980	Undang-Undang (Pindaan) kepada Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Kedua) 1980	10-08-1980
En. No. 8/1981	Enakmen (Pindaan) Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Kedua) 1981	01-07-1981
En. No. 6/1983	Enakmen Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama) (Pindaan) 1983	18-12-1983
G.N. 394/1987	Undang-Undang (Pindaan) Kepada Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Kedua) 1987	09-04-1987
Tr. P.U. 3/1990	Undang-Undang (Pindaan) Kepada Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Kedua)	10-03-1990
En. No. 4/1990	Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Pindaan) 1990	12-11-1990
Tr. P.U. 11/1991	Undang-Undang (Pindaan) Kepada Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Kedua)	04-03-1991
En. No. 3/1993	Enakmen Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Pindaan) 1993	26-11-1993
Tr. P.U. 23/1993	Pemasyhuran Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Kedua) (Pindaan) 1993	26-11-1993
Tr. P.U. 2/1995	Perisytiharan Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Kedua) (Pindaan) 1995	29-04-1995
En. No. 6/1995	Enakmen Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Pindaan) 1995	22-12-1995

*Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu* 117

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Tr. P.U. 50/2000	Pemasyhuran Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Kedua) (Pindaan) 2000	04-02-2000
En. No. 3/2002	Enakmen Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Kedua) (Pindaan) 2002	26-04-2002
Tr. P.U. 9/2002	Pemasyhuran Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Kedua) (Pindaan) 2002	01-09-2002
En. No. 2/2003	Enakmen Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama) (Pindaan) 2003	27-10-2003
En. No. 1/2005	Enakmen Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama) (Pindaan) 2005	01-10-2006
Tr. P.U. 1/2005	Pemasyhuran Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Kedua) (Pindaan) 2005	07-02-2005
En. A1	Enakmen Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama) (Pindaan) 2006	01-01-2007

---

## UNDANG-UNDANG NEGERI TERENGGANU

### UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU

#### (BAB YANG PERTAMA)

#### SENARAI FASAL YANG DIPINDA

Fasal	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
1	G.N. 423/1950 G.N. 227/1957	09-08-1950 30-08-1957
2	G.N. 374/1953 G.N. 496/1954 G.N. 19/1957 G.N. 227/1957 L.N. 4/1958 En. No. 1/1959	25-03-1953 07-09-1954 01-01-1957 30-08-1957 01-04-1958 30-04-1959
3A	En. No. 2/2003	27-10-2003
4	G.N. 227/1957 En. No. 1/1959	30-08-1957 30-04-1959
6	En. No. 1/1959	30-04-1959
7	G.N. 227/1957 L.N. 4/1958 En. No. 1/1959	30-08-1957 01-04-1958 30-04-1959
7A	G.N. 227/1957	30-08-1957
8	G.N. 227/1957 En. No. 1/1959	30-08-1957 30-04-1959
9	En. No. 1/1959	30-04-1959
10	G.N. 227/1957 En. No. 1/1959	30-08-1957 30-04-1959
10A	L.N. 4/1958 En. No. 1/1959	01-04-1958 30-04-1959
11	En. No. 1/1959	30-04-1959
11A	G.N. 227/1957 En. No. 1/1959	30-08-1957 30-04-1959

*Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu* 119

Fasal	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
12	En. No. 1/1959 En. No. 3/1993	30-04-1959 26-11-1993
13	En. No. 1/1959 En. No. 3/1993	30-04-1959 26-11-1993
14	G.N. 374/1953 G.N. 19/1957 L.N. 4/1958 En. No. 1/1959 En. No. 6/1995 En. No. 2/2003	25-03-1953 01-01-1957 01-04-1958 30-04-1959 22-12-1995 27-10-2003
15	En. No. 1/1959	30-04-1959
16	G.N. 496/1954 L.N. 4/1958	07-09-1954 01-04-1958
17	G.N. 496/1954 L.N. 4/1958	07-09-1954 01-04-1958
18	L.N. 4/1958 En. No. 1/1959	01-04-1958 30-04-1959
19	En. No. 1/1959	30-04-1959
20	L.N. 4/1958	01-04-1958
21	L.N. 4/1958	01-04-1958
22	En. No. 1/1959	30-04-1959
23	L.N. 4/1958 En. No. 1/1959	01-04-1958 30-04-1959
24	En. No. 1/1959	30-04-1959
25	En. No. 1/1959	30-04-1959
25A	G.N. 227/1957 En. No. 3/1993 En. No. 2/2003	30-08-1957 26-11-1993 27-10-2003
25B	G.N. 227/1957 En. No. 1/1959	30-08-1957 30-04-1959
26	G.N. 496/1954 En. No. 1/1959	07-09-1954 30-04-1959

Fasal	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
27	G.N. 374/1953	25-03-1953
	G.N. 496/1954	07-09-1954
	G.N. 19/1957	01-01-1957
	L.N. 4/1958	01-04-1958
	En. No. 1/1959	30-04-1959
	En. No. 2/1960	28-08-1960
	En. No. 5/1973	28-09-1973
	En. No. 6/1983	18-12-1983
	En. No. 2/2003	27-10-2003
27A	G.N. 496/1954	07-09-1954
	G.N. 227/1957	30-08-1957
	L.N. 4/1958	01-04-1958
	En. No. 3/1993	26-11-1993
	En. No. 6/1995	22-12-1995
27B	G.N. 496/1954	07-09-1954
	En. No. 1/1959	30-04-1959
27c	G.N. 496/1954	07-09-1954
	En. No. 1/1959	30-04-1959
28	G.N. 496/1954	07-09-1954
	En. No. 1/1959	30-04-1959
29	G.N. 496/1954	07-09-1954
	En. No. 1/1959	30-04-1959
	En. No. 12/1962	09-12-1962
	Akta 160	29-08-1975
	En. No. 4/1990	12-11-1990
29A	G.N. 496/1954	07-09-1954
	En. No. 1/1959	30-04-1959
29B	En. No. 1/1959	30-04-1959
30	G.N. 496/1954	07-09-1954
	G.N. 227/1957	30-08-1957
	En. No. 1/1959	30-04-1959
30A	L.N. 4/1958	01-04-1958
	En. No. 1/1959	30-04-1959
31	G.N. 496/1954	07-09-1954
	En. No. 1/1959	30-04-1959
32	G.N. 496/1954	07-09-1954
	En. No. 1/1959	30-04-1959
33	G.N. 374/1953	25-03-1953
	G.N. 496/1954	07-09-1954
	En. No. 1/1959	30-04-1959

*Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu* 121

Fasal	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
34	G.N. 496/1954 En. No. 1/1959	07-09-1954 30-04-1959
35	G.N. 496/1954 L.N. 4/1958 En. No. 1/1959	07-09-1954 01-04-1958 30-04-1959
35A	L.N. 4/1958 En. No. 1/1959	01-04-1958 30-04-1959
36	G.N. 227/1957 En. No. 1/1959 En. No. 6/1995	30-08-1957 30-04-1959 22-12-1995
37	G.N. 227/1957 L.N. 4/1958 En. No. 1/1959	30-08-1957 01-04-1958 30-04-1959
38	En. No. 1/1959	30-04-1959
39	L.N. 4/1958 En. No. 1/1959	01-04-1958 30-04-1959
40	G.N. 496/1954 En. No. 1/1959	07-09-1954 30-04-1959
41	En. No. 1/1959	30-04-1959
42	En. No. 1/1959	30-04-1959
43	G.N. 496/1954 En. No. 1/1959	07-09-1954 30-04-1959
44	G.N. 496/1954 En. No. 1/1959 En. No. 2/1972 En. No. 3/1993 En. No. 6/1995	07-09-1954 30-04-1959 18-11-1968 26-11-1993 22-12-1995
45	G.N. 496/1954 G.N. 106/1956 En. No. 1/1959	07-09-1954 01-01-1956 30-04-1959
46	G.N. 496/1954 En. No. 1/1959	07-09-1954 30-04-1959
47	G.N. 496/1954 En. No. 1/1959	07-09-1954 30-04-1959
48	G.N. 496/1954 En. No. 1/1959	07-09-1954 30-04-1959
49	G.N. 496/1954	07-09-1954
49A	En. No. 2/2003	27-10-2003
50	G.N. 227/1957	31-08-1957



Fasal	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
51	G.N. 227/1957	01-01-1959
52	G.N. 106/1956 G.N. 227/1957 En. No. 1/1959 En. No. 11/1964 En. No. 8/1966	01-01-1956 01-01-1959 30-04-1959 29-07-1964 05-10-1966
53	G.N. 106/1956 G.N. 227/1957 En. No. 1/1959	01-01-1956 01-01-1959 30-04-1959
54	G.N. 227/1957	01-01-1959
55	G.N. 106/1956 G.N. 227/1957 En. No. 1/1959 En. No. 8/1966	01-01-1956 01-01-1959 30-04-1959 05-10-1966
56	G.N. 227/1957 En. No. 1/1959 En. No. 8/1966 En. No. 6/1995 En. A1	30-08-1957 30-04-1959 05-10-1966 22-12-1995 01-01-2007
57	En. No. 1/1959	30-04-1959
58	En. No. 1/1959	30-04-1959
59	En. No. 1/1959	30-04-1959
60	G.N. 23/1948	18-03-1948
61	L.N. 4/1958 En. No. 1/1959 En. No. 5/1973 En. No. 6/1995	01-04-1958 30-04-1959 28-09-1973 22-12-1995
62	G.N. 227/1957 En. No. 6/1995	30-08-1957 22-12-1995
64	En. No. 1/1959	30-04-1959
65	En. No. 1/1959 En. No. 1/2005	30-04-1959 01-10-2006
Jadual Yang Pertama	G.N. 496/1954 En. No. 1/1959	07-09-1954 30-04-1959
Keseluruhan Bab	En. No. 2/1972 En. No. 9/1977	12-05-1972 01-01-1978

## UNDANG-UNDANG NEGERI TERENGGANU

### UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU

#### (BAB YANG KEDUA)

#### SENARAI FASAL YANG DIPINDA

Fasal	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
1	G.N. 227/1957	30-08-1957
2	L.N. 4/1958 L.N. 5/1959 En. No. 3/2002	01-04-1958 30-04-1959 26-04-2002
3	G.N. 496/1954 L.N. 4/1958 L.N. 5/1959 Tr. P.U. 9/2002	07-09-1954 01-04-1958 30-04-1959 01-09-2002
4	L.N. 5/1959	30-04-1959
6	G.N. 374/1953 L.N. 4/1958 L.N. 5/1959 Tr. P.U. 9/2002	25-03-1953 01-04-1958 30-04-1959 01-09-2002
7	L.N. 4/1958 L.N. 5/1959 En. No. 2/1972 Tr. P.U. 9/2002	01-04-1958 30-04-1959 12-05-1972 01-09-2002
8	L.N. 4/1958 Tr. P.U. 9/2002	01-04-1958 01-09-2002
9	L.N. 5/1959	30-04-1959
10	L.N. 5/1959 Tr. P.U. 15/1980 Tr. P.U. 9/2002	30-04-1959 10-08-1980 01-09-2002
11	L.N. 5/1959 Tr. P.U. 9/2002	30-04-1959 01-09-2002
12	G.N. 227/1957 L.N. 4/1958 L.N. 5/1959	30-08-1957 01-04-1958 30-04-1959
12A	P.U. 23/1993	26-11-1993

Fasal	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
13	L.N. 4/1958 L.N. 5/1959	01-04-1958 30-04-1959
14	G.N. 227/1957 L.N. 5/1959	04-08-1957 30-04-1959
15	L.N. 5/1959	30-04-1959
16	G.N. 374/1953 L.N. 4/1958 L.N. 5/1959 Tr. P.U. 23/1993 Tr. P.U. 9/2002	25-03-1953 01-04-1958 30-04-1959 26-11-1993 01-09-2002
16A	L.N. 5/1959 Tr. P.U. 23/1993 Tr. P.U. 9/2002	30-04-1959 26-11-1993 01-09-2002
16AA	Tr. P.U. 9/2002	01-09-2002
16AB	Tr. P.U. 9/2002	01-09-2002
16B	L.N. 5/1959 Tr. P.U. 9/2002	30-04-1959 01-09-2002
17	G.N. 374/1953 L.N. 4/1958 L.N. 5/1959	25-03-1953 01-04-1958 30-04-1959
18	G.N. 374/1953 L.N. 5/1959	25-03-1953 30-04-1959
19	G.N. 374/1953 L.N. 4/1958 L.N. 5/1959 L.N. 22/1961 L.N. 13/1962 Tr. P.U. 11/1991 Tr. P.U. 50/2000 Tr. P.U. 9/2002	25-03-1953 01-04-1958 30-04-1959 01-05-1961 01-02-1962 04-03-1991 04-02-2000 01-09-2002
19A	Tr. P.U. 9/2002	01-09-2002
19B	Tr. P.U. 9/2002	01-09-2002
20	L.N. 4/1958 L.N. 13/1962 Tr. P.U. 9/2002	01-04-1958 01-02-1962 01-09-2002
21	L.N. 4/1958	01-04-1958
22	L.N. 4/1958	01-04-1958

Fasal	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
23	G.N. 374/1953 L.N. 4/1958 L.N. 5/1959 Tr. P.U. 9/2002	25-03-1953 01-04-1958 30-04-1959 01-09-2002
23A	Tr. P.U. 9/2002	01-09-2002
23B	Tr. P.U. 9/2002	01-09-2002
23c	Tr. P.U. 9/2002	01-09-2002
24	L.N. 4/1958 L.N. 5/1959	01-04-1958 30-04-1959
25	L.N. 4/1958 Tr. P.U. 9/2002	01-04-1958 01-09-2002
26	L.N. 5/1959	30-04-1959
27	L.N. 5/1959	30-04-1959
28	L.N. 4/1958 L.N. 5/1959	01-04-1958 30-04-1959
29	L.N. 4/1958 L.N. 5/1959 Tr. P.U. 5/1978 G.N. 394/1987 Tr. P.U. 3/1990 Tr. P.U. 2/1995	01-04-1958 30-04-1959 01-07-1978 09-04-1987 10-03-1990 29-04-1995
30	L.N. 4/1958 L.N. 5/1959 Tr. P.U. 7/1970	01-04-1958 30-04-1959 14-05-1970
31	L.N. 5/1959	30-04-1959
32	L.N. 5/1959	30-04-1959
33	G.N. 227/1957 L.N. 4/1958 L.N. 5/1959 En. No. 10/1961 En. No. 8/1981	30-08-1957 01-04-1958 30-04-1959 03-12-1961 01-07-1981
33A	L.N. 4/1958	01-04-1958
36	L.N. 5/1959	30-04-1959
<b>Keseluruhan Bab</b>	L.N. 5/1959 En. No. 2/1972 Tr. P.U. 1/2005	30-04-1959 12-05-1972 07-02-2005